



D.R. 26 TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KETIGA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

**PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT
DAN INISIATIF GELOMBANG PADI**

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
• Kandungan	i
• Lampiran	ii
• Singkatan	iii
• Infografik	v
<u>BAHAGIAN I</u> <i>Pengenalan</i>	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<u>BAHAGIAN II</u> <i>LATAR BELAKANG PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT DAN INISIATIF GELOMBANG PADI</i>	
• Latar Belakang	4
<u>BAHAGIAN III</u> <i>LIBAT URUS DAN PERBINCANGAN</i>	
• Libat Urus dan Perbincangan	5
<u>BAHAGIAN IV</u> <i>LAPORAN LAWATAN KERJA JAWATANKUASA</i>	
• Lawatan Kerja ke Jelapang Padi Negeri Selangor	18
<u>BAHAGIAN V</u> <i>PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA</i>	
• Penelitian dan Syor Jawatankuasa	29
<u>BAHAGIAN VI</u> <i>PENGHARGAAN</i>	
• Penghargaan	32

LAMPIRAN

- Lampiran A :** Pembentangan Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)
- Lampiran B :** Pembentangan Inisiatif Gelombang Padi oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)
- Lampiran C :** Pembentangan Program SMART Sawah Berskala Besar oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor
- Lampiran D :** Pembentangan Program SMART SBB KPKM-FGV Program FGV *Fortified Field Fragrant Rice* (3FR) Pengoptimuman Penanaman Padi Wangi Berskala Besar Melalui Teknologi Pertanian Berkesan oleh FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGV)
- Lampiran E :** Liputan Gambar Lawatan Kerja ke Jelapang Padi Negeri Selangor

SINGKATAN

AGC	Jabatan Peguam Negara
AI	<i>Artificial Intelligence</i>
BERNAS	Padiberas Nasional Berhad
BLS	Barat Laut Selangor
BPS	Benih Padi Sah
FAO	<i>Food and Agriculture Organization</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
FGV	FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd
GFSI	<i>Global Food Security Index</i>
GHG	<i>Greenhouse Gas</i>
IADA	<i>Integrated Agricultural Development Area</i>
IBPS	Insentif Benih Padi Sah
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKPK	Jawatankuasa Pilihan Khas
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KETARA	Kawasan Pembangunan Pertanian Terengganu Utara
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KLT	Kehilangan Lepas Tuai
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KUSKOP	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MOSTI	<i>Ministry of Science, Technology and Innovation</i>
NAFAS	<i>National Farmers Organization</i>
OCPD	<i>Office-in charge of- Police District</i>
PAC	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
PINTAR	Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat
PLKS	Pas Lawatan Kerja Sementara
PPK	Pertubuhan Peladang Kebangsaan
RISDA	<i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
RUU	Rang Undang-Undang
R&D	<i>Research and Development</i>
SBB	Sawah Berskala Besar
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SSNM	<i>Site Spesific Nutrient Management</i>
SSR	<i>Self-Sufficiency Ratio</i>
3FR	<i>Fortified Field Fragrant Rice</i>



JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN

PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT DAN INISIATIF GELOMBANG PADI

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

PINTAR – Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat

- dilancarkan pada 16 Januari 2024
- program pembudayaan dan penggunaan konsep pertanian pintar dalam sektor agromakanan
- pelengkap kepada konsep pembangunan Malaysia MADANI ke arah memperkukuh agenda keterjaminan makanan di Malaysia



5 STRATEGI PINTAR

- Pembangunan Kapasiti dan Infrastruktur
- Reformasi Institusi dan Tatakelola
- Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi
- Teknologi, Mekanisasi dan Automasi
- Peluasan Jaringan Kolaborasi



CABARAN UTAMA SEKTOR AGROMAKANAN

- 1 kebergantungan tinggi kepada subsidi kerajaan
- 2 produktiviti rendah
- 3 bekalan dan harga ayam dan telur tidak stabil
- 4 kebergantungan tinggi kepada tenaga kerja asing
- 5 industri padi dan beras tidak kompetitif
- 6 import dan kos bahan pertanian tinggi
- 7 adaptasi teknologi rendah dan perlahan
- 8 bajet dan pelaburan yang rendah



9 KEUTAMAAN KERANGKA PINTAR

- Akuakultur
- Fidlol
- Jagung bijian
- Belia
- Institut Latihan Pertanian
- Gelombang Padi
- Meneroka potensi baka ayam baharu
- Penanaman bawang berskala besar
- Penanaman nanas





**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**
**PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT
DAN INISIATIF GELOMBANG PADI**
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

**CABARAN AGENDA KETERJAMINAN MAKANAN
NEGARA MENGGUNAKAN KONSEP PINTAR**

SUMBER ASAS

Tanah, Air, Benih, Input

PERUNTUKAN

Infrastruktur, Modal,
Penyelenggaraan,
Insentif, Subsidi

TEKNOLOGI

Smart Farming, Mekanisasi
& Automasi, *Machine*, AI.

MODAL INSAN

Ageing, *Low Skill*, *Foreign
Workers*, *3D Mentality*

PEMASARAN

Struktur Harga,
Trade Barriers,
Orang Tengah

PERUBAHAN IKLIM

GHG Emission 30%,
Pelan Mitigasi Sektor
Agromakanan

12 INISIATIF GELOMBANG PADI

- **GP 1** Memperkenalkan dasar baharu Insentif Benih Padi Sah (IBPS)
- **GP 2** Memberi fokus untuk memulih dan membangunkan kawasan tanah jerlus
- **GP 3** Memperkasa pembekalan input pertanian iaitu baja
- **GP 4** Memperkasa pengurusan air
- **GP 5** Memperluaskan pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di seluruh negara
- **GP 6** Memperluas pelaksanaan Program 5x2 secara berperingkat
- **GP 7** Memperkenalkan kaedah pembayaran belian padi secara dalam talian (*online*) kepada pesawah di seluruh negara
- **GP 8** Membangunkan sistem bersepadu yang mengintegrasikan semua maklumat berkaitan industri padi dan beras (SMART Padi)
- **GP 9** Mengurangkan Kehilangan Hasil Lepas Tuai (KLT)
- **GP 10** Membangunkan sistem *soil profiling* berdasarkan *Site Spesific Nutrient Management (SSNM)*.
- **GP 11** Memperkasa penanaman padi bukit dan huma di Sabah dan Sarawak
- **GP 12** Meningkatkan produktiviti hasil padi dengan perluasan kawasan baharu jelapang padi.



**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**
**PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT
DAN INISIATIF GELOMBANG PADI**
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan



PENELITIAN JAWATANKUASA

- 1 Terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi meningkatkan kedudukan dalam Kajian Laporan Indeks Sekuriti Makanan Global 2022 melalui pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan bagi memastikan tahap keterjaminan makanan negara dapat diperkukuhkan.
- 2 Peruntukan dana penyelidikan dan pembangunan dalam sektor pertanian masih rendah dan ketinggalan berbanding negara-negara lain.
- 3 Malaysia berpotensi untuk melonjakkan sektor agromakanan negara memandangkan masih banyak tanah untuk dibangunkan dan diterokai bagi penanaman padi dan lain-lain.
- 4 Kekurangan pekerja dalam sektor perikanan negara dan 11,000 orang nelayan warga asing (*stateless*) yang tidak mendapat kebenaran untuk bekerja secara sah dalam perairan negara. KPKM mencadangkan supaya nelayan warga asing diberikan pas khas (*seaman pass*) bagi mengatasi masalah kekurangan nelayan dalam sektor perikanan.
- 5 Jumlah import jagung bijian yang tinggi mengakibatkan negara mengalami kerugian sedangkan terdapat banyak tanah di bawah agensi-agensi seperti FELDA dan RISDA yang boleh dimanfaatkan.
- 6 Kekurangan bekalan telur dan ayam dalam negara disebabkan antaranya kekurangan tenaga kerja mahir khususnya dari Indonesia dan Bangladesh.
- 7 Gelombang Padi dilaksanakan dengan perubahan besar di semua peringkat bagi menangani isu dalam industri padi dan beras negara yang tidak kompetitif ketika ini.
- 8 Bantuan khas kepada pesawah berjumlah RM30 juta bersama sumbangan daripada pihak BERNAS seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri.
- 9 Penggunaan beras tempatan bagi tender kerajaan, pemberian zakat dan industri hiliran seperti bihin menyumbang kepada kekangan bekalan beras tempatan.
- 10 Tiada paksaan kepada pesawah bagi pelaksanaan program SMART SBB sebaliknya membantu untuk meningkatkan pendapatan pesawah dengan konsep *contract farming* dari syarikat-syarikat peneraju yang telah dilantik.
- 11 Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan di dalam kawasan penanaman padi dilakukan secara berkala pada setiap musim penanaman mengikut bajet yang telah diluluskan.
- 12 Kebergantungan kepada warga asing untuk menjalankan kerja-kerja di sawah menyebabkan masalah lain seperti kebersihan dan tanaman kontan di kawasan sawah.
- 13 Petani dan pesawah mencadangkan supaya menambah baik sistem pengairan dan infrastruktur, kawalan harga barangan bagi kos operasi petani dan syarat-syarat bagi penubuhan mini kilang pemprosesan bagi meningkatkan produktiviti dan hasil padi dan beras negara.



**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**
**PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT
DAN INISIATIF GELOMBANG PADI**
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan



SYOR JAWATANKUASA

- 1 Kerjasama KPKM dengan agensi-agensi yang memiliki dan mengurus sumber tanah seperti FELDA dan RISDA diperlukan untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar dijadikan tanaman jagung bijian dalam usaha mengurangkan jumlah import jagung bijian yang semakin tinggi.
- 2 Program SMART SBB Ala Sekinchan ini perlu diperluaskan ke seluruh Malaysia agar dapat meningkatkan hasil dan produktiviti padi dan beras negara.
- 3 Pendidikan semula dan latihan berterusan perlu diberikan kepada petani supaya dapat menarik lebih ramai golongan petani terutamanya petani muda untuk terlibat dalam aktiviti penanaman padi.
- 4 IADA Barat Laut Selangor dan agensi-agensi yang berkaitan perlu berganding bahu untuk memastikan hasil padi ditingkatkan dan seterusnya masalah kemerosotan hasil padi dapat ditangani dengan segera. Peningkatan hasil padi akan memberikan keyakinan kepada pesawah lain untuk menyertai program SMART SBB.
- 5 Dalam usaha untuk membela nasib petani, banyak kerja dan usaha yang perlu dilakukan dan ia memerlukan kerjasama dan komitmen yang jitu dari pelbagai pihak. Semua permasalahan yang telah diketengahkan oleh para pesawah wajar diberikan perhatian, dengan disusuli tindakan oleh agensi yang bertanggungjawab.



BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian (DR.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
 - (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian (selepas ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa") berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
 - (b) Jawatankuasa ini berfungsi:
 - i. Meneliti Rang Undang-Undang (RUU) yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya;
 - ii. Meneliti usul, RUU persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya;
 - iii. Menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan perdagangan dalam negeri, keusahawanan, kos sara hidup dan pertanian di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi di bawahnya; dan
 - iv. Melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan (b) tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

(c) Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(d) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor yang berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(e) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilih telah membentangkan penyatanya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian terdiri daripada:

- i. Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin
(Ahli Parlimen Rasah merangkap Pengerusi)
- ii. Yang Berhormat Tuan Edwin anak Banta
(Ahli Parlimen Selangau)
- iii. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan
(Ahli Parlimen Keningau)
- iv. Yang Berhormat Tuan Manndzri bin Nasib
(Ahli Parlimen Tenggara)

- v. Yang Berhormat Tuan Tan Kar Hing
(Ahli Parlimen Gopeng)
- vi. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Abdul Karim
(Ahli Parlimen Pasir Gudang)
- vii. Yang Berhormat Dato' Dr. Ronald Kiandee
(Ahli Parlimen Beluran)
- viii. Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid
(Ahli Parlimen Hulu Terengganu)
- ix. Yang Berhormat Datuk Muslimin bin Yahaya
(Ahli Parlimen Sungai Besar)

Pendekatan Tugas Kerja

- 4. Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian telah melantik ex-officio daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memberikan nasihat kepada Ahli-ahli Jawatankuasa.
- 5. Jawatankuasa ini telah mengadakan Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2024 pada hari Rabu, 6 Mac 2024 untuk mendengar pembentangan dan membincangkan mengenai Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat dan Inisiatif Gelombang Padi oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
- 6. Jawatankuasa ini juga telah mengadakan lawatan kerja ke Jelapang Padi Negeri Selangor pada 7 dan 8 Mei 2024. Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk mendapatkan penjelasan dan gambaran lebih lanjut tentang pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dan libat urus bersama pesawah dan petani tempatan.

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG

1. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 2 Tahun 2024 pada hari Rabu, 6 Mac 2024 telah diadakan bagi mendengar pembentangan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan membincangkan mengenai perkara-perkara berikut:
 - i. Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) seperti di **Lampiran A**.
 - ii. Inisiatif Gelombang Padi seperti di **Lampiran B**.
2. Jawatankuasa turut mengadakan lawatan kerja ke Jelapang Padi Negeri Selangor pada 7 hingga 8 Mei 2024 untuk mendengar pembentangan dan perbincangan seperti berikut:
 - i. Pelaksanaan program SMART SBB di negeri Selangor oleh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor seperti di **Lampiran C**;
 - ii. Program FGV *Fortified Field Fragrant Rice* (3FR) Pengoptimuman Penanaman Padi Wangi Berskala Besar Melalui Teknologi Pertanian Berkesan oleh FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd seperti di **Lampiran D**; dan
 - iii. Liputan Gambar Lawatan Kerja ke Jelapang Padi Negeri Selangor seperti di **Lampiran E**.

BAHAGIAN III

LIBAT URUS DAN PERBINCANGAN

Pembentangan dan pandangan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian adalah seperti berikut:

I. TAKLIMAT MENGENAI PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT (PINTAR)

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memaklumkan bahawa:
 - i. Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) merupakan program pembudayaan dan penggunaan konsep pertanian pintar dalam sektor agromakanan yang dilancarkan pada 16 Januari 2024. PINTAR juga merupakan pelengkap kepada konsep pembangunan Malaysia MADANI ke arah memperkukuh agenda keterjaminan makanan di Malaysia dan Hala Tuju KPKM bagi tahun 2023-2030.
 - ii. Fokus utama KPKM ialah untuk mencari formula baharu dalam usaha untuk mempertingkatkan kecekapan sistem makanan dalam negara bagi memastikan seluruh rakyat mendapat bekalan makanan yang cukup dan sekiranya terdapat lebihan, pendapatan negara dapat ditingkatkan melalui eksport ke negara luar.
 - iii. Aspirasi PINTAR terhasil daripada apa yang telah diutarakan oleh Ketua Pengarah *Food and Agriculture Organization* (FAO) iaitu keterjaminan makanan adalah tanggungjawab bersama (*shared responsibility*).
 - iv. *The Global Report on Food Crisis* melaporkan sekiranya tiada tindakan diambil selepas pandemik COVID-19 maka akan berlaku ketidakcukupan bekalan makanan dunia dan *food insecurity* yang akan meningkatkan jumlah manusia yang lapar, miskin, rusuhan dan sebagainya.
 - v. *The State of Food Security and Nutrition in the World 2021* pula melaporkan bahawa setiap negara perlu mengambil tindakan segera (*bold action*) dan mesti melakukan transformasi dalam sistem makanan. Ini adalah untuk memastikan rakyat segera bangkit dari pandemik COVID-19, memperbetulkan sistem pengeluaran makanan negara, memastikan kecekapan pengeluaran makanan yang akhirnya rakyat akan menerima bekalan makanan yang mencukupi untuk kegunaan harian mereka.

- vi. *The State of Food Security and Nutrition in the World 2022* melaporkan keperluan untuk mengubah, mentransformasikan dan melihat semula dasar-dasar dan juga peraturan yang berkaitan dengan pengeluaran makanan khususnya pertanian untuk memastikan pengeluaran makanan dapat ditumpukan sepenuhnya. Dalam laporan yang sama, menyatakan keperluan untuk membina dan mengukuhkan institusi-institusi yang terlibat dalam pengeluaran makanan, penghasilan dasar dalam R&D dan seterusnya keperluan untuk memperkukuhkan komunikasi dan libat urus bersama pemegang taruh iaitu petani, penternak dan nelayan dengan pemain industri.
- vii. *The State of Food Security and Nutrition in the World 2023* pula menyatakan keperluan untuk meningkatkan peruntukan dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi supaya dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan khususnya bahan-bahan pertanian.
- viii. PINTAR menggariskan 5 strategi seperti berikut:
- Pembangunan Kapasiti dan Infrastruktur;
 - Reformasi Institusi dan Tatakelola;
 - Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi;
 - Teknologi, Mekanisasi dan Automasi; dan
 - Peluasan Jaringan Kolaborasi.
- ix. Laporan oleh Indeks Sekuriti Makanan Global 2022 (GFSI) yang melibatkan 113 buah negara mengenai status keterjaminan makanan pada tahun 2022 menyatakan Malaysia berada di tempat ke-41, kedua di ASEAN selepas Singapura dan kelapan di Asia Pasifik. Walaupun Malaysia mengatasi negara-negara lain di ASEAN selain Singapura tetapi tidak menggambarkan bahawa keterjaminan makanan di Malaysia sudah berada di tahap yang memuaskan.
- x. Dari segi *availability dan sustainability*, sistem makanan di Malaysia masih belum efisien dan belum dapat menyokong keperluan pengeluaran makanan untuk rakyat. Hasil kajian dari aspek *availability dan sustainability* mendapati bahawa terdapat kelemahan dan skor yang rendah serta keperluan untuk ditambah baik.

- xi. Cabaran untuk meningkatkan peratusan Kadar Sara Diri (SSR) bagi 8 komoditi utama seperti berikut:

Bil.	Komoditi Utama	(2022) Pencapaian (%)	(2025) Unjuran (%)
1.	Beras	62.6	75
2.	Buah	78.1	80
3.	Sayur	44.7	70
4.	Daging Lembu	20.0	50
5.	Daging Ayam/Itik	94.4	120
6.	Telur Ayam/Itik	108.9	114
7.	Susu Segar	57.3	100
8.	Ikan	90.2	95

- xii. Bagi bekalan daging ayam, terdapat 4,500 ladang ayam di seluruh negara. Kapasiti ini sebenarnya mencukupi untuk keperluan rakyat di seluruh negara, namun disebabkan COVID-19 terdapat ladang-ladang yang terpaksa ditutup kerana pekerja-pekerja warga asing pulang ke negara asal. Ini mengakibatkan banyak ladang perlu ditutup kerana kekurangan tenaga kerja khususnya daripada Indonesia dan Bangladesh.
- xiii. Sektor perikanan menjana pendapatan kepada negara sebanyak RM15 bilion setiap tahun dengan 1.9 juta metrik tan setahun ikan didaratkan. Namun begitu, ia menghadapi ancaman utama iaitu pencerobohan nelayan asing yang masuk ke kawasan perairan negara. Selain itu, sektor perikanan negara juga menghadapi masalah kekurangan kru di mana daripada jumlah 130,000 orang pekerja, 30,000 adalah kru warga asing. Di samping itu, sektor ini juga memerlukan kru warga asing untuk menggerakkan 740 buah bot C2 yang sekarang ini terbeban dengan isu Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).
- xiv. Sebelum ini, nelayan warga asing dibenarkan bekerja di Malaysia dengan menggunakan *seaman pass* tanpa pasport. Namun, mulai 1 Januari 2022, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan juga Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah mengeluarkan syarat

baharu iaitu semua kru warga asing wajib mempunyai pasport dan cop lakri. Kini, terdapat 11,000 orang kru warga asing adalah tiada negara (*stateless*) yang sudah berada di atas bot tetapi tidak mempunyai pasport dan cop lakri. Mereka terperangkap kerana dasar dan peraturan semasa yang tidak membenarkan mereka diberikan PLKS. Masalah ini telah berlarutan sejak tahun 2022 iaitu selama dua tahun.

- xv. Cabaran utama sektor agromakanan negara adalah seperti berikut:
- Kebergantungan tinggi kepada subsidi kerajaan;
 - Produktiviti rendah;
 - Bekalan dan harga ayam dan telur tidak stabil;
 - Kebergantungan tinggi kepada tenaga kerja asing;
 - Industri padi dan beras tidak kompetitif;
 - Import dan kos bahan pertanian tinggi;
 - Adaptasi teknologi rendah dan perlahan; dan
 - Bajet dan pelaburan yang rendah.
- xvi. Berdasarkan kerangka PINTAR, terdapat sembilan keutamaan seperti berikut:
- Akuakultur;
 - Fidlot;
 - Jagung bijian;
 - Belia;
 - Institut Latihan Pertanian.
 - Inisiatif Gelombang Padi;
 - Meneroka potensi baka ayam baharu;
 - Penanaman bawang berskala besar; dan
 - Penanaman nanas.
- xvii. Industri jagung bijian di Malaysia bernilai RM6.2 bilion setahun dengan jumlah import sebanyak tiga juta tan setahun. Jika disasarkan hanya 10 peratus bagi memenuhi keperluan semasa negara, sebanyak 60,000 hektar tanah diperlukan. Memandangkan harga jagung lebih baik daripada sawit dan berpotensi besar kepada negara, Kabinet telah membuat satu keputusan supaya KPKM mengindustrikan jagung bijian dalam negara.

- xviii. Jumlah peruntukan yang diterima oleh KPKM adalah sebanyak RM5.4 bilion dan ia tidak mencukupi untuk memperkasa agenda keterjaminan makanan negara. Oleh itu, KPKM ingin berkolaborasi dengan kementerian-kementerian lain dan menyasarkan peruntukan sebanyak tiga peratus dari pelbagai kementerian dengan melaksanakan program-program yang berintensifkan pertanian. Ini dipanggil *second pocket policy* yang akhirnya dapat membantu KPKM untuk meningkatkan kapasiti pertanian.
- xix. Setakat ini, kolaborasi ini telah dilaksanakan bersama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan perbelanjaan dari segi penyelidikan, aplikasi dan teknologi *blockchain* untuk membantu menyokong agenda keterjaminan makanan negara.
- xx. Antara cabaran-cabaran dalam usaha merealisasikan agenda keterjaminan makanan negara menggunakan konsep PINTAR adalah seperti berikut:
- Sumber asas iaitu tanah, air, benih dan input;
 - Peruntukan yang diperlukan untuk infrastruktur, modal, penyelenggaraan, insentif dan subsidi;
 - Penggunaan teknologi dalam *smart farming*, mekanisasi dan automasi, mesin dan kecerdasan buatan (AI);
 - Modal insan merangkumi cabaran golongan petani yang telah berumur, kemahiran yang rendah, tenaga kerja warga asing dan mentaliti kerja 3D (*dangerous, dirty and difficult*);
 - Pemasaran dari segi aspek struktur harga, halangan perdagangan dan orang tengah; dan
 - Perubahan iklim akibat *GHG emission* 30% dan Pelan Mitigasi Sektor Agromakanan.
2. Jawatankuasa mengambil maklum mengenai komitmen KPKM untuk melakukan persediaan untuk menghadapi krisis makanan yang berlaku setiap waktu, ditambah dengan masalah cuaca yang tidak menentu.
3. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa agenda keterjaminan makanan negara haruslah menjadi tanggungjawab bersama (*shared responsibility*) dalam usaha untuk mencapai kedaulatan makanan negara (*food sovereignty*).

4. Jawatankuasa mengambil maklum mengenai amaran-amaran yang telah diberikan di peringkat global seperti dalam laporan-laporan *The State of Food Security and Nutrition in the World* dan keperluan bagi meningkatkan kecekapan sektor pertanian negara, memastikan keterjaminan makanan untuk keseluruhan rakyat khususnya sumber makanan yang dihasilkan dalam negara.
5. Jawatankuasa mengambil maklum Laporan Indeks Sekuriti Makanan Global 2022 menunjukkan kedudukan Malaysia di tempat ke-41 daripada 113 buah negara mengenai status keterjaminan makanan. Sistem makanan di Malaysia pula masih belum efisien dan belum dapat menyokong keperluan makanan untuk rakyat. Jawatankuasa meminta KPKM dan agensi yang berkaitan supaya mempertingkatkan tahap keterjaminan makanan dalam negara.
6. Jawatankuasa mengambil maklum mengenai peruntukan dana bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor pertanian masih lagi rendah dan jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Jawatankuasa berharap kerajaan akan menambahkan peruntukan dana R&D untuk sektor keterjaminan makanan dan pertanian.
7. Jawatankuasa mengambil maklum masih banyak tanah yang berpotensi untuk dimajukan seperti di Johor, Pahang, Sarawak dan Sabah yang seterusnya mempunyai potensi yang besar untuk dijadikan kawasan penanaman padi.
8. Jawatankuasa mengambil maklum sekiranya tumpuan sepenuh masa diberikan seperti di Sekinchan yang dapat menghasilkan tujuh hingga 12 tan per hektar, kita sudah boleh mencapai 100 peratus SSR dan sudah boleh mengeksport beras ke negara luar.
9. Jawatankuasa mengambil maklum mengenai masalah kekurangan bekalan ayam dan daging disebabkan kekangan peraturan semasa yang tidak mengizinkan ladang-ladang beroperasi secara optimum. Kerajaan akan mengimport dari negara-negara tertentu yang telah dikenal pasti dan dibuat naziran.
10. Jawatankuasa mengambil maklum masalah pencerobohan nelayan warga asing dan kekurangan tenaga kerja dalam sektor perikanan negara. Hal ini kerana 740 buah bot C2 yang ada sekarang ini perlu digerakkan oleh nelayan warga asing yang kini tidak dapat bekerja kerana tidak mempunyai pasport dan cop lakri yang sah.
11. Jawatankuasa mengambil maklum terdapat banyak tanah di bawah pengurusan agensi-agensi seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (*Federal Land Development Authority, FELDA*) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (*Rubber Industry Smallholders Development Authority, RISDA*) yang boleh dimanfaatkan untuk tanaman jagung bijian.

12. Jawatankuasa mengambil maklum mengenai program kolaborasi yang telah dijalankan oleh Jabatan Pertanian bersama KPKT di bawah pihak berkuasa tempatan seperti projek *urban farming* yang memberi manfaat kepada komuniti setempat.
13. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan KPKM dalam usaha menyelesaikan isu sejumlah 11,000 orang kru warga asing yang tidak dapat bekerja menangkap ikan di perairan negara dengan memberi permit khas dan mengadakan SOP tiga *layer of protection* seperti berikut:
 - i. Pemilik bot wajib menjadi *guarantor*;
 - ii. Pegawai Perikanan Daerah menjadi inspektor dengan memastikan bahawa keberadaan nelayan warga asing di atas bot disahkan; dan
 - iii. OCPD akan membuat naziran.
14. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya KPKM menjalankan lebih banyak kerjasama dengan agensi-agensi yang memiliki dan mengurus sumber tanah seperti FELDA dan RISDA mengusahakan tanah-tanah yang terbiar untuk dijadikan tanaman jagung bijian supaya dapat mengurangkan jumlah import jagung bijian yang semakin tinggi.**

II. TAKLIMAT MENGENAI INISIATIF GELOMBANG PADI

15. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memaklumkan bahawa:
 - i. Krisis beras bermula sejak tahun 1971 di mana Lembaga Padi dan Beras ditubuhkan untuk mengatasi masalah padi dan beras. Pada ketika itu, terdapat pengasingan di mana padi diuruskan oleh kerajaan dan beras diuruskan oleh swasta. Pada tahun 1996, kerajaan berhasrat menswastakan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), di mana BERNAS mengambil alih pengimportan beras.
 - ii. Krisis beras yang paling besar pula berlaku pada tahun 2008 di mana semua negara tidak membenarkan eksport ke Malaysia. Pada ketika itu, pihak Kerajaan Malaysia telah berunding dengan Kerajaan Thailand supaya menjual beras putih kepada Malaysia. Oleh itu, kerajaan telah menetapkan harga beras tempatan pada kadar RM2.60 pada tahun 2008.
 - iii. Seterusnya pada tahun 2023, berlaku krisis sekali lagi apabila sekatan dibuat oleh Kerajaan India dan BERNAS tidak dapat menanggung lagi kos pengimportan dengan harga borong RM2,250 per metrik tan. Pada bulan September 2023, BERNAS terpaksa menaikkan harga pada RM3,200 dan harga beras import telah meningkat daripada RM37 kepada RM41.

- iv. Program SMART SBB Ala Sekinchan akan dibawa ke seluruh Malaysia dan inisiatif gelombang padi akan dilaksanakan secara besar-besaran di semua peringkat.
- v. Perbandingan pengeluaran padi di rantau Asia Tenggara di mana Malaysia masih lagi dalam kepompong sendiri yang menanam padi dalam sekitar 110 - 120 hari. Di Sarawak pula tempoh penanaman padi mengambil masa 160 - 180 hari manakala di Sabah masih lagi 125 - 135 hari. Ini bermakna 60 peratus sahaja yang menanam dua musim, selebihnya 40 peratus masih lagi menanam satu musim.
- vi. Kadar Unjuran Kadar Sara Diri (SSR) beras negara masih di tahap 62 peratus, namun sekiranya usaha dilakukan secara berterusan dengan fokus 6.0 metrik tan di kawasan jelapang, Malaysia boleh mencapai SSR sebanyak 91 peratus dan hanya membenarkan 10 peratus beras import.
- vii. 12 Inisiatif Gelombang Padi adalah seperti berikut:

GP1 - Memperkenalkan dasar baharu Insentif Benih Padi Sah (IBPS) seperti di bawah:

- Menambah keluasan Program Lima (5) Musim Penanaman Padi Dalam Tempoh Dua (2) Tahun;
- Mewujudkan stokpail benih negara dengan tambahan penggunaan tiga beg benih padi sehektar;
- Menggalakkan penggunaan benih padi sah oleh kerajaan negeri Sabah dan Sarawak;
- Membawa baka benih padi dari luar negara yang mempunyai tempoh matang yang lebih singkat dan berkualiti;
- Membangunkan kemudahan infrastruktur untuk kawasan benih padi asas yang dikeluarkan oleh pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

GP2: Memberi fokus untuk memulih dan membangunkan kawasan tanah jerlus.

KPKM akan menubuhkan *task force* untuk melihat cara keseluruhan dan melihat opsyen berikut:

- Tempoh pengeringan tapak sawah padi bagi mengelak takungan air ditampung melalui pemberian sagu hati untuk satu musim kepada pesawah terlibat bagi memastikan tempoh rehat tanah (*fallow period*) dipatuhi serta pelaksanaan perataan semula tanah; atau
- Penggunaan mesin khas tuai padi untuk diuji di kawasan tanah jerlus.

GP3: Memperkasa pembekalan input pertanian iaitu baja.

Cadangan kaedah baharu perolehan baja adalah seperti berikut:

- Rundingan terus kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (*National Farmers Organization*, NAFAS) untuk enam musim dengan cadangan penambahbaikan serta Mesyuarat 3 Penjuru (KPKM/Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)/NAFAS) dan Mesyuarat Penilaian Prestasi NAFAS;
- Pelantikan Pembekal Secara 70 (NAFAS): 30 (tender terbuka) dengan melibatkan pembekalan secara berpakej kepada pesawah, berserta dengan servis pemberian baja;
- Pemberian kupon di mana pesawah mempunyai kebebasan untuk memilih baja dan racun yang diperlukan dan mampu untuk mendapatkan baja bersesuaian dengan fasa penanaman;
- Tender terbuka mengikut zon dengan menambah baik kaedah pengedaran baja yang pada masa ini dilaksanakan secara berpusat kepada kaedah pengedaran mengikut zon termasuk Sabah dan Sarawak; dan
- Konsesi.

Penggunaan baja organik yang baharu dicadangkan kerana tanah telah pun digunakan hampir lebih 60 tahun dan tiada rawatan tanah dilaksanakan.

GP4: Memperkasa pengurusan air dengan melaksanakan tindakan berikut:

- Mewujudkan *task force* khas dengan kerjasama strategik kementerian dan pelbagai agensi;
- Memperluas penggunaan sistem perpaipan dalam pengairan sawah padi;
- Meneroka potensi penggunaan air bawah tanah menggunakan sistem jejari; dan
- Mendapatkan peruntukan tambahan bagi penyelenggaraan pengairan dan rumah pam serta mewujudkan perjawatan khas bagi memastikan kelancaran operasi dan keselamatan aset kerajaan.

GP5: Memperluaskan pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di seluruh negara.

Anggaran keluasan kawasan SMART SBB Ala Sekinchan (hektar) untuk tahun 2024 ini ialah sebanyak 1,500 hektar. Ia merangkumi pelbagai kawasan seperti berikut:

- Skim Merchong, Pekan, Pahang;
- Bendang Tok Ajam, Kelantan;
- Kampung Gulau Pendang, Kedah;
- Langkawi, Kedah;
- Seberang Perak, Perak;
- Kuala Pilah, Negeri Sembilan;
- Sungai Burong, Selangor;
- Kota Belud, Sabah; dan
- Skim Ganchong, Pekan, Pahang.

GP6: Memperluas pelaksanaan Program 5x2 secara berperingkat yang melibatkan kawasan seluas 3,000 hektar secara berperingkat di kawasan berikut:

- Lambor Kiri, IADA Seberang Perak (BERNAS);
- Kuala Muda, Kedah (Jabatan Pertanian); dan
- Wilayah I, Perlis dan Wilayah III, Pendang (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, MADA).

GP7: Memperkenalkan kaedah pembayaran belian padi secara dalam talian (*online*) kepada pesawah di seluruh negara.

Kaedah ini akan dilaksanakan secara berperingkat bagi mengurangkan peranan orang tengah. Hal ini penting kerana pendapatan pesawah dibayar secara terus dengan objektif supaya terimaan pendapatan pesawah juga mempunyai rekod termasuk jumlah subsidi yang diterima. Selain itu, ia memberikan peluang kepada pesawah sekiranya ingin mendapatkan pinjaman dengan Agrobank akan datang dengan penyata bank yang lebih tersusun.

GP8: Membangunkan sistem bersepadu yang mengintegrasikan semua maklumat berkaitan industri padi dan beras (SMART Padi).

Kelebihan sistem ini adalah seperti berikut:

- Pencapaian data secara segera dan boleh diakses secara atas talian pada bila-bila masa oleh penggubal dasar dan pengguna yang telah ditetapkan mengikut peringkat akses tertentu;
- Semakan silang dengan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi membolehkan pemantauan bantuan bersubsidi kerajaan lebih tersasar;
- Pemantauan pembekalan dan pengedaran bantuan bersubsidi kerajaan melalui kebolehesanan menjejaki (*traceability*) bagi setiap produk input pertanian kepada pesawah; dan
- Memastikan jumlah pelaburan yang diperoleh oleh kerajaan adalah setimpal dengan jumlah subsidi input dan output yang disediakan (*check and balance*).

GP9: Mengurangkan Kehilangan Hasil Lepas Tuai (KLT).

Antara usaha untuk menyelamatkan peratusan beras yang hilang adalah seperti berikut:

- Jentuai di bawah seliaan IADA, KADA, MADA, MARDI dan LPP mengguna pakai SOP KLT yang telah dibangunkan oleh pihak MARDI;
- Membukukan Perintah Tetap dan SOP dari MARDI iaitu “Garis Panduan dan Penguatkuasaan Kehilangan Selepas Tuai (KLT) KPKM untuk dilancarkan sebagai panduan kepada penyedia jentuai;
- Perbincangan dengan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi mengawal kemasukan jentuai padi daripada luar negeri melalui penubuhan Jawatankuasa Import Jentuai di peringkat kementerian; dan
- Mewujudkan Peraturan Mesin dan Jentuai bagi tujuan penguatkuasaan KLT di peringkat lapangan.

GP10: Membangunkan sistem *soil profiling* berdasarkan *Site Specific Nutrient Management* (SSNM).

Jabatan Pertanian akan membuat pengesyoran pembajaan dengan menggunakan formula baharu mengikut lokaliti. Ini akan menjadikan proses pembajaan yang lebih tepat dan dapat menjimatkan wang kerajaan supaya ketirisan tidak berlaku.

GP11: Memperkasa penanaman padi bukit dan padi huma di Sabah dan Sarawak.

KPKM akan mengkomersialkan penanaman padi bukit dan padi huma di lebih kurang 43,000 hektar di Sabah dan Sarawak dengan menyediakan peruntukan bagi pembekalan input pertanian. Hal ini sebagai persediaan sekiranya berlaku musim kemarau, ini adalah kaedah terbaik sebagai opsyen untuk mengatasi masalah beras pada masa akan datang.

GP12: Meningkatkan produktiviti hasil padi dengan perluasan kawasan baharu jelapang padi.

KPKM sedang berusaha untuk menambah kawasan sedia ada dengan pertambahan keluasan baharu sebanyak 22,784.26 hektar di kawasan MADA, IADA Seberang Perak, IADA Rompin dan Kawasan Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (IADA KETARA).

viii. Garis masa pelaksanaan Gelombang Padi adalah seperti berikut:

- 22 Januari 2024 di Skim Merchong, Pekan, Pahang (IADA Pekan);
- 28 Januari 2024 di Bandar Tok Ajam, Pasir Puteh, Kelantan (KADA);
- 5 Februari 2024 di Johor;
- 7 hingga 9 Februari 2024 di Sarawak;
- 3 Mac 2024 di Kg. Gulau, Pendang, Kedah (MADA);
- April 2024 di Langkawi, Kedah dan Seberang Perak, Perak;
- Jun 2024 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan;
- Julai 2024 di Kota Belud, Sabah dan Sungai Burong, Selangor; dan
- Oktober 2024 di Skim Ganchong, Pekan, Pahang.

16. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa industri padi dan beras negara tidak kompetitif dan mencadangkan suatu Gelombang Padi yang akan melakukan lonjakan dan perubahan yang besar di semua peringkat.
17. Jawatankuasa mengambil maklum mengenai bantuan khas kepada pesawah berjumlah RM30 juta adalah bersekali dengan sumbangan daripada pihak BERNAS seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
18. Jawatankuasa mengambil maklum mengenai punca kekurangan bekalan beras tempatan dalam pasaran adalah disebabkan terdapat pihak dan industri yang banyak menggunakan beras tempatan seperti tender kerajaan, pemberian zakat dan juga industri hiliran seperti bihun.

19. Jawatankuasa mengambil maklum mengenai cadangan KPKM kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa bermula 30 April 2024, semua tender akan menggunakan beras import.
20. **Jawatankuasa mengesyorkan agar program SMART SBB Ala Sekinchan ini diperluaskan ke seluruh Malaysia agar dapat meningkatkan hasil dan produktiviti padi dan beras negara.**

BAHAGIAN IV

LAWATAN KERJA

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN KE JELAPANG PADI NEGERI SELANGOR PADA 7 DAN 8 MEI 2024

LATAR BELAKANG

1. Penyediaan laporan ini bertujuan untuk memaklumkan perjalanan sepanjang lawatan kerja Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian ke Jelapang Padi Negeri Selangor pada 7 dan 8 Mei 2024.
2. Lawatan kerja ke Jelapang Padi Negeri Selangor bertujuan untuk melihat hasil pencapaian pelaksanaan program peningkatan hasil tanaman padi, mendapatkan pendedahan secara langsung mengenai program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan dan juga mengadakan libat urus bersama petani dan pesawah berhubung isu kekurangan hasil padi. Lawatan ini juga diadakan susulan daripada mesyuarat jawatankuasa berhubung isu padi dan beras seterusnya untuk melihat sendiri program SMART SBB Ala Sekinchan yang merupakan salah satu daripada inisiatif gelombang padi di bawah KPKM.
3. Antara matlamat program SMART SBB ini adalah untuk meningkatkan pendapatan pesawah melalui peningkatan produktiviti, pencapaian SSL beras kepada 75 peratus dalam tempoh RMKe-12 dan juga peningkatan purata hasil 7.0 metrik tan per hektar per musim. Diharapkan dengan kejayaan program SMART SBB ini dapat membantu petani menguruskan kos pengoperasian sawah yang lebih cekap dan efisien melalui penyatuan tanah secara pertanian kontrak bersama syarikat peneraju SMART SBB.
4. Senarai delegasi lawatan kerja Jawatankuasa ini seperti berikut:
 - i. Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin
Ahli Parlimen Rasah
 - ii. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan
Ahli Parlimen Keningau
 - iii. Yang Berhormat Tuan Tan Kar Hing
Ahli Parlimen Gopeng

- iv. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Abdul Karim
Ahli Parlimen Pasir Gudang
- v. Yang Berhormat Datuk Muslimin bin Yahaya
Ahli Parlimen Sungai Besar
- vi. YBrs. Encik Shahril Faizal bin Abdul Jani
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- vii. YBrs. Dr. Siti Kamariah binti Ghazali
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Industri Padi
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- viii. Encik Abszra Davadason Peter
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- ix. Puan Noor 'Abidah binti Mohd Dawi
Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- x. Encik Muhammad Ikrami bin Salehuddin
Penolong Setiausaha
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- xi. Encik Rivoldiantoe bin Basran
Pengarah
IADA Barat Laut Selangor
- xii. Puan Aini Waznati binti Lasuan
Ketua Bahagian Pertanian
IADA Barat Laut Selangor
- xiii. Puan Nurfadzlina binti Mohamed Rafdzi
Ketua Bahagian Perancangan dan Pemantauan
IADA Barat Laut Selangor

- xiv. Puan Nor Rafidah binti Mansor
Jurutera
IADA Barat Laut Selangor
- xv. Puan Nurul Fatimah binti Yahya
Pegawai Pertanian
IADA Barat Laut Selangor
- xvi. Puan Ezzana binti Abarsah
Penolong Pegawai Pertanian
IADA Barat Laut Selangor
- xvii. Puan Suhaili binti Sahari
Penolong Pegawai Pertanian
IADA Barat Laut Selangor
- xviii. Encik Mohammad Zuhairi bin Ali
Penolong Pegawai Pertanian
IADA Barat Laut Selangor
- xix. Cik Suhaila binti Abdul Wahid
Penyelia SBS
IADA Barat Laut Selangor
- xx. Encik Mohd Sukri bin Busro
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia
- xxi. Puan Hazliana binti Yahaya
Pegawai Penyelidik
Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia
- xxii. Encik Aiman Haikal bin Abdul Rahman
Pegawai Penyelidik
Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia
- xxiii. Encik Muhammad Nur Arjunna Putra bin Zulkarnain
Jurufotografi
Bahagian Komunikasi, Parlimen Malaysia

I. TAKLIMAT MENGENAI PELAKSANAAN PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART-SBB) DI NEGERI SELANGOR OLEH IADA BARAT LAUT SELANGOR (IADA BLS)

1. IADA Barat Laut Selangor memaklumkan bahawa:

- i. Di bawah RMKe-12, sejumlah RM22.9 juta telah diperuntukkan kepada program pembangunan industri di bawah Bahagian Pembangunan Industri Padi yang merangkumi skop projek seperti berikut:
 - Pengurusan Pemuliharaan dan Peningkatan Kesuburan Tanah;
 - Pengurusan Teknologi Tepat dan Kelestarian Pertanian; dan
 - Program Mempelbagai Sumber Ekonomi dan Peningkatan Pendapatan Sawah
- ii. Jumlah peruntukan bagi program mekanisasi dan automasi agromakanan yang telah diterima dari tahun 2021 hingga 2023 adalah sebanyak RM133,470 sahaja. Peruntukan tahun 2024 bagi tujuan penyelenggaraan jentera menanam, mesin menuai dan traktor serta *trailer* untuk pam air *tractor mounted* masih belum diterima.
- iii. Bagi tujuan langkah-langkah penambahbaikan sistem pengairan dan saliran bagi kawasan penanaman padi di IADA BLS, setiap tahun permohonan untuk projek pembangunan dan penyelenggaraan akan dipohon kepada Bahagian Pengairan dan Saliran (BPSP) di KPKM. Selain itu, IADA BLS juga menyelaraskan kerja-kerja penyelenggaraan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di peringkat Daerah Sabak Bernam dan Daerah Kuala Selangor bagi kawasan penanaman padi.
- iv. Pembinaan empangan di IADA BLS adalah tidak sesuai kerana berada di lokasi tanah rendah. Fungsi empangan ialah menjadi struktur menahan dan menakung air yang sesuai dibina di kawasan tanah tinggi.
- v. IADA BLS juga telah melaksanakan kajian pada tahun 2018 bagi mengatasi masalah kekurangan sumber air di IADA BLS. Antara penyelesaian jangka panjang yang telah disyorkan ialah membina kolam takungan di rizab Hutan Tanjong Karang yang mempunyai saiz dan kapasiti yang lebih besar berbanding kolam takungan sedia ada di Sungai Haji Dorani. Namun disebabkan kos pembinaan yang sangat tinggi kerajaan terpaksa mengutamakan projek-projek lain terlebih dahulu yang berskala kecil tetapi berimpak besar seperti menaik taraf regulator dan sistem palong.

- vi. Pelaksanaan SMART SBB bukanlah suatu paksaan kepada pesawah tetapi merupakan tindakan sukarela. Selain itu, ia tidak melibatkan sebarang pengambilalihan tanah pesawah dan seterusnya Pertubuhan Peladang dan NAFAS memainkan peranan yang penting di sepanjang rantai nilai tersebut. Selama ini terdapat kebimbangan daripada pesawah dan pemilik tanah bahawa, penyertaan mereka ke dalam SMART SBB akan menyebabkan tanah yang dimiliki mereka akan dipindah milik kepada pihak lain. Kebimbangan ini telah menyebabkan sebilangan pesawah enggan menyertai program SMART SBB ini.
- vii. Tujuan pelaksanaan program SMART SBB di negeri Selangor ialah:
- Sasaran SSL beras sebanyak 75 peratus tercapai;
 - Sasaran purata hasil 7.0 metrik tan per hektar tercapai;
 - meningkatkan pendapatan pesawah;
 - meningkatkan prestasi industri padi dan beras;
 - pengeluaran padi lebih bersasar; dan
 - penyatuan tanah secara pertanian kontrak (*contract farming*).
- viii. Kerjasama yang baik dan erat amat diperlukan dalam usaha menjayakan program SMART SBB dari semua pihak berikut:
- KPKM melaksanakan Dasar SBB, Subsidi input, Subsidi output, Benih padi sah, Kebenaran Pindah Padi terhadap kepada Program SBB;
 - Agensi Kerajaan yang bertindak sebagai penyelaras program bagi pengairan, infrastruktur, sesi libat urus dengan pesawah dan pemantauan;
 - Syarikat Peneraju yang menjalankan projek SPV Contract Farming, *Service Provider (drone dan transplanter)*, baja bio dan baja tambahan, pertanian kontrak (aku janji) dengan pesawah dan mengeluarkan kos sehingga RM3,200 per hektar; dan
 - Pesawah atau peserta yang menjalankan aktiviti penanaman padi putih, padi wangi, padi hibrid dan padi organik.
- ix. Hala tuju rantai nilai industri SMART SBB adalah seperti berikut:
- Eksport;
 - Agro pelancongan;
 - Produk hiliran beras;
 - Jerami padi;
 - Baja kompos;

- Sekam padi; dan
 - Makanan haiwan.
- x. Senarai syarikat peneraju yang terlibat dalam pelaksanaan program SMART SBB di bawah kawasan IADA Barat Laut Selangor adalah seperti berikut:
- BERNAS Sdn Bhd;
 - PLS Marketing (M) Sdn Bhd;
 - FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd;
 - Sri Hartamas Sdn Bhd; dan
 - Serba Wangi Sdn Bhd.
2. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa sasaran untuk mencapai hasil 10 tan metrik per hektar semusim dibuat dalam RMK-10. Namun begitu, pihak IADA BLS memohon agar pihak KPKM menilai semula kepada 8.0 tan metrik per hektar semusim. Secara puratanya IADA BLS mencapai hasil sebanyak 4.9 hingga 7.0 metrik tan per hektar semusim.
 3. Jawatankuasa mengambil maklum mengenai masalah sistem pengairan dan saluran yang sering berlaku dan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan di dalam kawasan penanaman padi dilakukan secara berkala pada setiap musim penanaman mengikut bajet yang telah diluluskan.
 4. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa masalah kebergantungan kepada warga asing juga merupakan antara isu berbangkit yang sering berlaku di kalangan petani dan pesawah. Hal ini akan mengakibatkan masalah lain seperti kebersihan kawasan sawah dan terdapat warga asing yang menanam tanaman kontan di kawasan sawah. Selain itu, terdapat pemilik sawah yang lebih cenderung menyewakan sawah kepada warga asing di mana hasilnya lebih menguntungkan jika dibandingkan dengan mengusahakan sendiri sawah tersebut.
 5. **Jawatankuasa mengesyorkan pendidikan semula dan latihan berterusan diberikan kepada petani supaya dapat menarik lebih ramai golongan petani terutamanya petani muda untuk terlibat dalam aktiviti penanaman padi. Seterusnya, produktiviti dan hasil padi dapat ditingkatkan untuk menjamin sektor agromakanan negara.**
 6. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya pihak IADA BLS dan agensi-agensi yang berkaitan berganding bahu untuk memastikan hasil padi ditingkatkan dan seterusnya masalah kemerosotan hasil padi dapat ditangani dengan segera. Peningkatan hasil padi akan memberikan keyakinan kepada pesawah lain untuk menyertai program SMART SBB.**

II. TAKLIMAT DAN LAWATAN KE PROGRAM SMART SBB – FGV DI SUNGAI BESAR, SELANGOR

7. FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGV) memaklumkan bahawa:

- i. Syarikat FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd merupakan salah satu daripada syarikat peneraju yang telah dilantik oleh KPKM untuk menerajui industri penanaman padi wangi di Malaysia. *Memorandum of Understanding* (MoU) SMART SBB telah ditandatangani pada 23 Februari 2021.
- ii. Program Agrofarmers untuk tanaman padi wangi telah mula dilaksanakan sejak tahun 2020 dan sehingga kini telah melibatkan kawasan seluas 1,500 hektar dan 361 orang peserta.
- iii. Program FGV Agrofarmers untuk tanaman padi wangi telah mula dilaksanakan sejak tahun 2020 dan sehingga kini telah melibatkan kawasan seluas 1,500 hektar dan 361 orang peserta.
- iv. Sistem *Fortified Field* mengintegrasikan semua aktiviti yang berkesan dalam penanaman padi yang menyasarkan peningkatan hasil padi. Untuk mencapai tahap keberkesanan yang optimum, SOP bagi penanaman padi spesialti sentiasa dikemas kini dari satu musim penanaman kepada satu musim penanaman yang lain.
- v. Program FGV *Fortified Field Fragrant Rice* (3FR) adalah suatu sistem penanaman yang mengintegrasikan 5 aktiviti dan amalan terbaik dalam penanaman padi yang menyasarkan peningkatan hasil tuaian padi seperti berikut:
 - Benih - kawalan pengeluaran benih padi sah dan benih daftar oleh FGV, FPSSB dan MARDI;
 - Rawatan tanah – pemulihan tanah menggunakan teknik biologi;
 - Persediaan tanah – perataan tanah dan penyediaan plot tanaman bagi memastikan tapak sedia untuk tanaman dan jentera;
 - Mekanisasi - memaksimumkan penggunaan jentera, *transplanter* dan *small combine harvester*; dan
 - IoT 4.0 dan *Big Data* – penggunaan *drone*, sensor dan aplikasi *big data* bagi kawalan serangga dan penyakit.

- vi. Cabaran utama yang dihadapi di dalam program ini adalah seperti berikut:
- Kebergantungan kepada import beras;
 - Hasil tuaian padi yang rendah;
 - Pesawah yang berumur;
 - Kurang penggunaan jentera;
 - Kekurangan varieti baharu; dan
 - Infrastruktur ladang yang lemah.
- vii. Dengan penggunaan teknologi moden seperti *transplanter* dan dron, ia dapat menjimatkan masa dan menarik minat anak muda untuk bekerja di sawah. Di bawah program ini, petani akan menggunakan varieti MRQ76 iaitu benih padi wangi Malaysia. Varieti MRQ76 dihasilkan oleh MARDI dan beras wangi ini merupakan salah satu khazanah Malaysia yang mana amat wajar untuk diketengahkan dan dikomersialkan setanding dengan beras wangi import.
- viii. Manual Penanaman Padi Wangi (MRQ76 FGV-MARDI) telah diperkenalkan yang mengandungi gerak kerja samaian padi dan gerak kerja penanaman padi yang perlu dipatuhi dalam menjayakan program SMART SBB ini. Justeru, pendapatan petani dapat dipertingkatkan apabila permintaan kepada beras wangi ini meningkat. Justeru, kerja-kerja promosi beras wangi Malaysia harus ditingkatkan dengan segera.

III. LIBAT URUS BERSAMA PESAWAH DAN PETANI TEMPATAN

8. Seramai 14 orang petani telah hadir dari pelbagai kawasan iaitu Sekinchan, Sungai Burong dan Sungai Besar. Mereka telah diberikan peluang dan ruang yang seluasnya untuk menyuarakan masalah yang dihadapi.
9. Antara isu-isu berbangkit dan permasalahan yang telah dikemukakan adalah seperti berikut:
- i. kos pengurusan sawah yang semakin meningkat dan mengakibatkan pendapatan petani semakin berkurangan;
 - ii. kualiti benih yang diterima tidak memuaskan dan harga benih semakin meningkat;
 - iii. masalah infrastruktur dan sistem yang sudah uzur;
 - iv. petani tidak mempunyai kebebasan untuk memilih benih padi dan terpaksa pula menjual hasil dahulu tanpa mengetahui harga jualan padi sebenar;

- v. harga belian padi yang berbeza mengikut kawasan;
 - vi. jelapang padi semakin mengecil kerana berubah kepada tanaman sayuran; dan
 - vii. faktor cuaca yang tidak menentu juga mengurangkan hasil padi.
10. Cadangan-cadangan penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh pesawah dan petani adalah seperti berikut:
- i. kerajaan perlu menubuhkan pusat latihan untuk membimbing petani;
 - ii. petani juga harus menukar sikap ke arah yang lebih produktif dan bersemangat tinggi;
 - iii. sistem pengairan, perparitan dan semua infrastruktur yang telah uzur perlu diperbaiki dan ditambah baik;
 - iv. kualiti benih juga perlu dititik beratkan demi meningkatkan produktiviti hasil padi;
 - v. kerajaan perlu mengawal harga barang-barang yang diperlukan oleh petani dalam memastikan kos pengoperasian dalam keadaan terkawal dan tidak membebankan petani;
 - vi. kerajaan perlu menetapkan harga lantai padi;
 - vii. memohon pihak kerajaan memberi kelonggaran kepada petani dan pengusaha padi yang ingin mengeluarkan beras sendiri dan memproses sendiri di mana keperluan lesen mini kilang dilihat semula;
 - viii. kerajaan harus memperjuangkan nasib petani dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka;
 - ix. petani menuntut harga lantai padi sebanyak RM1,600 per tan metrik; dan
 - x. benih padi dari kawasan Barat Laut Selangor seharusnya hanya diedarkan untuk kawasan Barat Laut Selangor sahaja.
11. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kebiasaannya Pegawai Daerah tidak dimaklumkan dan dilibatkan dalam kebanyakan mesyuarat pertanian dan ini menyukarkan tindakan penyelarasan kerja antara agensi dan kementerian dilakukan.
12. Jawatankuasa mengambil maklum sekiranya kerajaan dapat menaikkan harga beras tempatan, berkemungkinan bekalan beras tempatan akan muncul semula. Jawatankuasa telah meminta wakil KPKM dan agensi lain yang menghadiri sesi libat urus ini agar merekodkan setiap satu masalah yang telah diketengahkan, selepas itu dibawa ke perhatian agensi yang berkaitan seterusnya diambil

tindakan yang sewajarnya. Langkah ini akan membantu para pesawah mengatasi atau menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka selama ini.

13. Jawatankuasa mengesyorkan bahawa dalam usaha untuk membela nasib petani, banyak kerja dan usaha perlu dilakukan dan ia memerlukan kerjasama dan komitmen yang jitu dari pelbagai pihak. Dengan itu, semua masalah yang telah diketengahkan oleh para pesawah wajar diberikan perhatian dengan disusuli oleh tindakan agensi yang bertanggungjawab.

IV. LAWATAN KE KILANG BERAS PLS MARKETING (M) SDN BHD

14. Syarikat PLS Marketing (M) Sdn Bhd memaklumkan bahawa:
 - i. Di bawah sistem SMART SBB, kilang akan membantu petani dari segi aspek khidmat nasihat, mengumpulkan petani seterusnya mengajar petani untuk menggunakan teknologi moden dalam aktiviti penanaman padi.
 - ii. Syarikat ini telah menggunakan 95 peratus peralatan teknologi dan automasi dalam usaha meningkatkan hasil padi. Selain itu, sistem SMART SBB ini mampu melonjakkan industri padi dan beras negara dan boleh berjaya di masa akan datang.
 - iii. Masalah yang sering berlaku di kalangan petani ialah selepas musim menuai, sawah dan jerami terus ditinggalkan begitu sahaja. Ini mendatangkan kerugian kerana jerami juga boleh dijadikan makanan ternakan lembu.
15. Jawatankuasa dimaklumkan bahawa sistem SMART SBB ini sememangnya dapat melonjakkan lagi industri padi dan beras negara, namun para petani perlu mempelajari dan mengetahui teknik dan teori yang betul.

V. LAWATAN KE KILANG BENIH PADI, DATARAN PUSAKA SDN BHD

16. Syarikat Dataran Pusaka Sdn Bhd memaklumkan bahawa:
 - i. Syarikat ini merupakan sebuah kilang pengeluar benih padi sah yang diluluskan oleh Jabatan Pertanian.
 - ii. Kilang ini mempunyai kapasiti untuk memproses 800 tan benih pada suatu masa. Manakala proses pengeringan padi juga bergantung kepada keadaan cuaca sekiranya hujan, ia akan melambatkan proses pengeringan tersebut.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, lawatan kerja ke Jelapang Padi Negeri Selangor telah berlangsung dengan lancar dan baik hasil kerjasama daripada pihak IADA Barat Laut Selangor. Hasil lawatan kerja ini telah berjaya meningkatkan pemahaman Ahli-Ahli Jawatankuasa ini berkenaan program peningkatan hasil padi negara dan dapat melihat sendiri pelaksanaan salah satu program SMART Sawah Berskala Besar di bawah FGV Sdn Bhd di negeri Selangor. Selain itu, isu-isu yang dibangkitkan oleh pesawah dan petani tempatan dapat dikenal pasti dan seterusnya akan diperhalusi dan langkah-langkah penambahbaikan oleh kerajaan perlu dilaksanakan untuk melonjakkan industri padi dan beras negara ke tahap produktiviti yang lebih tinggi.

Lawatan kerja ini juga membolehkan Ahli-Ahli Jawatankuasa melihat sendiri keadaan sebenar di bendang, aktiviti di lapangan dan mendengar sendiri luahan isi hati para pesawah. Jawatankuasa beranggapan bahawa semua agensi yang terlibat wajar memandang serius terhadap masalah dan kesulitan yang diluahkan oleh para pesawah, dan seterusnya tindakan susulan yang berkesan wajar diambil.

Industri padi dan beras adalah industri yang strategik untuk negara kerana nasi adalah makanan ruji rakyat Malaysia. Sebarang kegagalan industri ini bukan sahaja akan mengakibatkan keterjaminan makanan di negara kita, tetapi ia juga akan mengakibatkan permasalahan yang lebih besar dalam negara kita.

Jawatankuasa menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan kebergantungan kepada beras putih tempatan ke paras 85 peratus menjelang tahun 2030, tetapi Jawatankuasa bimbang sasaran ini mungkin tidak dapat dicapai, jika tiada langkah yang komprehensif dan menyeluruh daripada kerajaan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh para pesawah. Harapan Jawatankuasa adalah langkah yang lebih efektif dan progresif daripada pihak KPKM dan agensi yang berkaitan, agar sasaran 85 peratus dapat dicapai lebih awal.

BAHAGIAN V

PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa mesyuarat-mesyuarat tersebut dan lawatan kerja yang telah dijalankan, Jawatankuasa bersetuju mengemukakan penelitian dan syor-syor seperti yang berikut:

I. TAKLIMAT MENGENAI PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT (PINTAR)

1. Jawatankuasa mengambil maklum isu-isu yang diketengahkan semasa taklimat dan perbincangan dijalankan seperti berikut:
 - i. Terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi meningkatkan kedudukan dalam Kajian Laporan Indeks Sekuriti Makanan Global 2022 melalui pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan bagi memastikan tahap keterjaminan makanan negara dapat diperkukuhkan.
 - ii. Peruntukan dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor pertanian masih rendah dan jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara lain.
 - iii. Malaysia berpotensi untuk melonjakkan sektor agromakanan negara memandangkan masih banyak tanah untuk dibangunkan dan diterokai bagi penanaman padi dan lain-lain.
 - iv. Kekurangan pekerja dalam sektor perikanan negara dan 11,000 orang nelayan warga asing (*stateless*) yang tidak mendapat kebenaran untuk bekerja secara sah dalam perairan negara.
 - v. Jumlah import jagung bijian yang tinggi mengakibatkan negara mengalami kerugian sedangkan terdapat banyak tanah di bawah agensi-agensi seperti FELDA dan RISDA yang boleh dimanfaatkan.
 - vi. Kekurangan bekalan telur dan ayam dalam negara disebabkan antaranya kekurangan tenaga kerja khususnya dari Indonesia dan Bangladesh.
2. Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan KPKM dalam usaha untuk menangani masalah kekurangan nelayan dalam sektor perikanan, nelayan warga asing ini diberikan kebenaran bekerja di atas bot, menggerakkan kapal, menangkap ikan dengan menggunakan pas pelaut iaitu *seaman pass* yang dijaga oleh majikan, dinazirkan oleh Pegawai Perikanan Daerah, seterusnya dinazirkan oleh OCPD dan PDRM.

3. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya KPKM menjalankan lebih banyak kerjasama dengan agensi-agensi yang memiliki dan mengurus sumber tanah seperti FELDA dan RISDA mengusahakan tanah-tanah yang terbiar untuk dijadikan tanaman jagung bijian supaya dapat mengurangkan jumlah import jagung bijian yang semakin tinggi.**

II. TAKLIMAT MENGENAI INISIATIF GELOMBANG PADI

4. Jawatankuasa mengambil maklum isu-isu yang diketengahkan semasa taklimat dan perbincangan dijalankan seperti berikut:
 - i. Gelombang Padi dilaksanakan dengan perubahan besar di semua peringkat bagi menangani isu dalam industri padi dan beras negara yang tidak kompetitif ketika ini.
 - ii. Bantuan khas kepada pesawah berjumlah RM30 juta bersama sumbangan daripada pihak BERNAS seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
 - iii. Penggunaan beras tempatan bagi tender kerajaan, pemberian zakat dan industri hiliran seperti bihun menyumbang kepada kekangan bekalan beras tempatan.
5. **Jawatankuasa mengesyorkan agar program SMART SBB Ala Sekinchan ini diperluaskan ke seluruh Malaysia agar dapat meningkatkan hasil dan produktiviti padi dan beras negara.**

III. LAWATAN KERJA KE JELAPANG PADI NEGERI SELANGOR

6. Jawatankuasa mengambil maklum isu-isu yang diketengahkan semasa taklimat dan perbincangan dijalankan seperti berikut:
 - i. Tiada paksaan kepada pesawah bagi pelaksanaan program SMART SBB sebaliknya membantu untuk meningkatkan pendapatan pesawah dengan konsep *contract farming* dari syarikat-syarikat peneraju yang telah dilantik.
 - ii. Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan di dalam kawasan penanaman padi dilakukan secara berkala pada setiap musim penanaman mengikut bajet yang telah diluluskan.
 - iii. Kebergantungan kepada warga asing untuk menjalankan kerja-kerja di sawah menyebabkan masalah lain seperti kebersihan dan tanaman kontan di kawasan sawah.

- iv. Pegawai Daerah tidak dimaklumkan dan dilibatkan dalam kebanyakan mesyuarat pertanian dan ini menyebabkan tindakan penyelarasan kerja sukar dibuat.
 - v. Petani dan pesawah mencadangkan supaya menambah baik sistem pengairan dan infrastruktur, kawalan harga barangan bagi kos operasi petani dan syarat-syarat bagi penubuhan mini kilang pemprosesan bagi meningkatkan produktiviti dan hasil padi dan beras negara.
7. **Jawatankuasa mengesyorkan pendidikan semula dan latihan berterusan diberikan kepada petani supaya dapat menarik lebih ramai golongan petani terutamanya petani muda untuk terlibat dalam aktiviti penanaman padi. Seterusnya, produktiviti dan hasil padi dapat ditingkatkan untuk menjamin sektor agromakanan negara.**
8. **Jawatankuasa mengesyorkan supaya pihak IADA BLS dan agensi-agensi yang berkaitan berganding bahu untuk memastikan hasil padi ditingkatkan dan seterusnya masalah kemerosotan hasil padi dapat ditangani dengan segera. Peningkatan hasil padi akan memberikan keyakinan kepada pesawah lain untuk menyertai program SMART SBB.**
9. **Jawatankuasa mengesyorkan bahawa dalam usaha untuk membela nasib petani, banyak kerja dan usaha yang perlu dilakukan dan ia memerlukan kerjasama dan komitmen yang jitu dari pelbagai pihak. Dengan itu, semua masalah yang telah diketengahkan oleh para pesawah wajar diberikan perhatian, dengan disusuli tindakan oleh agensi yang bertanggungjawab dan pihak Jawatankuasa akan menilai dan meneliti semula semua masalah dan tindakan susulan yang telah diambil menjelang Oktober 2024.**

BAHAGIAN VI

PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat yang telah memberikan kerjasama dengan mengemukakan pandangan serta cadangan yang berkaitan mengenai Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat dan Inisiatif Gelombang Padi.
2. Sekalung penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian yang telah meneliti isu-isu mengenai Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat dan Inisiatif Gelombang Padi.
3. Penghargaan turut diberikan kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu yang telah memberi ucapan dan pandangan berkenaan Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat dan Inisiatif Gelombang Padi dalam Mesyuarat Bilangan 2 yang diadakan pada 6 Mac 2024.
4. Selain itu, Jawatankuasa ini merakamkan penghargaan kepada Kementerian, agensi dan syarikat-syarikat seperti berikut:
 - i. Parlimen Malaysia;
 - ii. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan;
 - iii. IADA Barat Laut Selangor;
 - iv. FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd;
 - v. Kilang Beras PLS Marketing (M) Sdn Bhd; dan
 - vi. Kilang Benih Padi, Dataran Pusaka Sdn Bhd

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya serta sumbangan demi menjayakan usaha Jawatankuasa ini untuk mendapatkan pandangan berkenaan Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat, Inisiatif Gelombang Padi dan Program SMART SBB.

LAMPIRAN MESYUARAT
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN
PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN MAKANAN AGROMAKANAN
RAKYAT DAN INISIATIF GELOMBANG PADI

NO	LAMPIRAN	DRAF KERJA	MUKA SURAT
1	Lampiran A	Pembentangan Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	1
2	Lampiran B	Pembentangan Inisiatif Gelombang Padi oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	9
3	Lampiran C	Pembentangan Program SMART Sawah Berskala Besar oleh IADA Barat Laut Selangor	27
4	Lampiran D	Pembentangan SMART SBB KPKM-FGV Program FGV <i>Fortified Field Fragrant Rice</i> (3FR) Pengoptimum Penanaman Padi Wangi Berskala Besar melalui Teknologi Pertanian Berkesan oleh FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd	52
5	Lampiran E	Liputan Gambar Lawatan Kerja ke Jelapang Padi Negeri Selangor	68



**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOS SARA HIDUP DAN
PERTANIAN PARLIMEN KELIMA BELAS BIL.2 TAHUN
2024**

6 MAC 2024 | RABU | 11.30 PAGI

BILIK JAWATANKUASA 2, ARAS 2, BANGUNAN BLOK UTAMA,
PARLIMEN MALAYSIA

TUJUAN

**Memaklumkan ahli mesyuarat berhubung Program
Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat
(PINTAR).**

LATAR BELAKANG



PINTAR adalah ringkasan kepada **P**rogram **I**novasi **N**asional
Keterjaminan **A**gromakanan **R**akyat

PINTAR merupakan pelengkap kepada konsep Pembangunan
Malaysia Madani ke arah memperkukuh agenda keterjaminan
makanan di Malaysia

Perkataan **PINTAR** adalah terjemahan kepada SMART
(*Smart Agriculture* = Pertanian Pintar)

3





The Global Report on Food Crisis (FSIN, 2020) also showed that approximately 135 million people in 55 countries are affected by acute food insecurity, of which 73 million are in 36 countries in Africa.⁴ **The United Nations reported that COVID-19 is likely to increase poverty and food insecurity on a global scale.**

5



The State of Food Security and Nutrition in the World 2021: *The world is at a critical juncture*

WE NEED BOLD ACTIONS


Unless bold actions are taken to accelerate progress, especially actions to address major drivers of food insecurity and malnutrition and the inequalities affecting the access of millions to food, hunger will not be eradicated by 2030.

THE WAY FORWARD:

FOOD SYSTEM TRANSFORMATION

When transformed with greater resilience to major drivers, including conflict, climate variability and extremes, and economic slowdowns and downturns, food systems can provide affordable healthy diets that are sustainable and inclusive, and become a powerful driving force towards ending hunger, food insecurity and malnutrition in all its forms, for all.

6




Repurposing food and agricultural policies to make healthy diets more affordable

The success of repurposing efforts will also be influenced by the political and social context, governance, (im)balances of power, and differences in interests, ideas and influence of stakeholders.

Given the diversity of each country's context, repurposing efforts will need strong institutions on a local, national and global level, as well as engaging and incentivizing stakeholders from the public sector, the private sector and international organizations.

7



The State of Food Security and Nutrition in the World Report 2023 - FAO

- Public investment in research and development needs to be increased to develop technologies and innovations for healthier food environments and for increasing the availability and affordability of nutritious foods.
- Technology can be particularly important to boost the capacity of urban and peri-urban agriculture to supply nutritious foods in cities and towns.


8

ASPIRASI TAHUN BAHARU 2024:



LATAR BELAKANG SEKTOR AGROMAKANAN

INDEKS SEKURITI MAKANAN GLOBAL 2022 (GFSI)



AVAILABILITY

1. Agricultural research & development - **48.7%**
2. Irrigation infrastructure - **10.3%**
3. Sufficiency of supply - **27.2%**
4. Food security agency - **0.0%**


SUSTAINABILITY

1. Agriculture water risk (q'lity) - **0.0%** & (q'tity) - **50.0%**
2. Political commitment to adaptation - **24.6%**
3. Climate smart agriculture - **0.0%**
4. National agricultural adaptation policy - **0.0%**

Sumber: The Economist Intelligence Unit (EIU)

CABARAN SERTA STATUS SSR SEKTOR AGROMAKANAN

CABARAN UTAMA SEKTOR AGROMAKANAN




8
KOMODITI
UTAMA

KADAR SARA DIRI (SSR) (%)

	2022	2025	2030
Beras	62.6	75	80
Buah	78.1	80	83
Sayur	44.7	70	79
Daging Lembu	20.0	50	50
Daging Ayam/Itik	94.4	120	140
Telur Ayam/Itik	108.9	114	123
Susu Segar	57.3	100	100
Ikan	90.2	95	98

11



MADANI VS PINTAR



Menepati rukun MADANI:
KEMAMPUAN, DAYA CIPTA & KEYAKINAN

PROGRAM INOVASI NASIONAL TERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT





MENDEPANI CABARAN AGENDA KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA MENGGUNAKAN KONSEP PINTAR




Sekian, terima kasih.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
 Aras 10 Wisma Tani
 No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
 62624 PUTRAJAYA

LAMPIRAN B




RANTAIAN NILAI PADI DAN BERAS



PROJEK SMART SBB

Blok O Sawah Sempadan Varieti: MR269




Kerjasama:




Pesawah Blok O Sawah Sempadan

5

KELUASAN BERTANAM DAN HASIL KAWASAN JELAPANG DAN LUAR JELAPANG



TABURAN PURATA HASIL KAWASAN JELAPANG PADI TAHUN 2022




PERBANDINGAN PENGELUARAN PADI DI RANTAU ASIA TENGGARA





UNJURAN KADAR SARA DIRI (SSR) BERAS (%)

	2022	UNJURAN				
Purata Hasil Padi JELAPANG	4.136	5.000	6.000	7.000	8.000	9.000
Purata Hasil Padi LUAR JELAPANG	2.609	3.000	4.000	5.000	6.000	7.000
Purata Hasil Padi MALAYSIA	3.577	4.285	5.285	6.285	7.285	8.285
Import Beras (tan) Berdasar Keperluan Beras	1,112,501	662,454	214,989	-232,475	-679,940	-1,127,405
Keperluan Beras Bulanan (tan)	209,788	215,000	215,000	215,000	215,000	215,000
Keperluan Beras Tahunan (tan)	2,517,461	2,580,000	2,580,000	2,580,000	2,580,000	2,580,000
SSR %	62.6	74.32	91.67	109.01	126.35	143.70







MADA

WILAYAH	KELUASAN SAWAH TANAH JERLUS (HEKTAR)
JERLUS/ MUSNAH	1,327
BERISIKO	1,397
JUMLAH	2,724

2,325 hektar sawah di Kedah, Perlis berisiko alami tanah jerlus - Mada

PULAU PINANG

Isu tanah jerlus bebaskan pesawah

CIAH ROSHIA MURRU ROSLI | 15 September 2022 01:21pm | Masa membaca: 4 minit

PERAK

595 hektar sawah di Kerian hadapi isu tanah jerlus

KAWASAN YANG TELAH DILAKSANAKAN KEUPAYAAN GALAS TANAH (KGT) DI BAWAH SOIL PROFILING (JABATAN PERTANIAN)

K1 (TIDAK JERLUS)	3,126.37
K2 (POTENSI JERLUS)	490.52
K3 (JERLUS)	189.05
JUMLAH (ha)	3,805.94

Jangka Pendek

Tabung Bencana Tanaman Padi/ Skim Takaful Tanaman Padi

Jangka Panjang

Pemulihan dan Pembangunan Semula Tanah Jerlus

Thailand Model AgroPelancongan

5
WAY
FOR
WARD



GP3 KAEDAH PEROLEHAN BAJA SECARA TENDER TERBUKA

KAEDAH BAHARU PEROLEHAN BAJA SECARA TENDER TERBUKA

“50 juta ringgit bagi melaksanakan kaedah baharu perolehan baja secara tender terbuka untuk memberi pesawah pilihan baja yang ingin digunakan. Projek ini akan dilaksanakan secara rintis di 90 ribu hektar kawasan antaranya di Perak, Selangor, Terengganu dan Pulau Pinang”

TUJUAN INISIATIF

- Untuk membekalkan baja mengikut formulasi keperluan lokaliti/ pesawah.
- Untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi.

SASARAN/KPI INISIATIF

- Purata peningkatan hasil sehektar bertambah sebanyak **10%**.
- Pendapatan pesawah meningkat sebanyak **RM130 per tan metrik**.

TEMPOH PELAKSANAAN

1 Tahun (1 Musim Penanaman)

IMPLIKASI KEWANGAN

RM50 juta

TUJUAN INISIATIF

Untuk memulihkan struktur tanah dan meningkatkan kesuburan tanah.

PEMBEKAL BAJA BIO ORGANIK KEPADA PESAWAH BAGI MENINGKATKAN KESUBURAN TANAH

“50 juta ringgit untuk membekalkan 50 ribu pesawah dengan baja bio dan organik bagi meningkatkan kesuburan tanah.”

CADANGAN LOKASI PROJEK RINTIS

BIL.	AGENSI	LUAS (HEKTAR)	ANGGARAN KOS (RM)
1.	IADA Kerian	3,448.01	11,519,685.77
2.	IADA KETARA	4,534.82	15,150,681.52
3.	IADA Pulau Pinang	1,357.00	4,533,691.49
4.	IADA Barat Laut Selangor	8,725.42	29,151,335.57
5.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	11,295.32	37,737,285.28
JUMLAH		29,360.57	98,092,679.63

Nota: Jumlah keluasan sebenar adalah tertakluk kepada sebarang perubahan yang disyorkan oleh Agensi Teknikal






GP4 PENGURUSAN AIR

- Mewujudkan **task force khas** bagi memperkasa pengurusan sistem pengairan dan saliran ke kawasan sawah padi dengan melibatkan kerjasama strategik bersama Kementerian, Bahagian Pengaliran dan Saliran Pertanian (BPSP), Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS), Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Kerajaan Negeri dan Kumpulan Pengguna Air (KPA) di seluruh negara.
- Memperluas penggunaan **sistem perpaipan dalam pengaliran sawah padi**.
- Meneroka potensi penggunaan **air bawah tanah menggunakan sistem jejari**.
- Mendapatkan **peruntukan tambahan** bagi **penyelenggaraan pengaliran dan rumah pam** serta mewujudkan perjawatan khas bagi memastikan kelancaran operasi dan keselamatan aset Kerajaan.









PELAKSANAAN PROGRAM 5x2

Lambor Kiri, Perak

IADA Seberang Perak

Musim 1/2023

99.37 hektar

16 pesawah

MR297

5.58 mt/ha

Musim 2/2023

99.37 hektar

16 pesawah

MR297

Data akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat CCS pada April 2024

Kuala Muda, Kedah

Musim 1/2023

110 hektar

135 pesawah

MR220 CL2

5.29 mt/ha

Musim 2/2023

99.37 hektar

16 pesawah

MR220 CL2

Data akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat CCS pada April 2024

Wilayah I, Perlis

Wilayah III, Pendang

Musim 1/2022

213.99 hektar

165 pesawah

MR315/ MR 297

3.78 mt/ha

Musim Tambahan

213.99 hektar

165 pesawah

MR220 CL2

4.91 mt/ha

Musim 1/2022

213.99 hektar

165 pesawah

MR315/ MR 297

4.97 mt/ha

Musim 1/2023


213.99 hektar

165 pesawah

MR220 CL2

Data akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat CCS pada April 2024

21





GP9

KEHILANGAN LEPAS TUAI (KLT)




24



GP10

SISTEM SOIL PROFILING (SITE SPECIFIC NUTRIENT MANAGEMENT)

PENGESYORAN PEMBAJAAN OLEH JABATAN PERTANIAN MALAYSIA



25



GP11

PADI BUKIT DAN HUMA SABAH & SARAWAK

SABAH



Varieti Padi Bandar, Bandar 1, Sarawak, Sarawak 1, Sibul, Wangi, Parai Emas, Parai Watu, Kondipin, Sylvia, Naru Todung, Sipitang, 58Tadong Sawah, Parai Manuk, Pahu, Padi Merah, Moihin dan Narinang

SARAWAK



Varieti Padi Hitam, Padi Merah, Padi Janda Manis, Padi Pulut Hitam, Padi Biris, Padi Bario dan Padi Debak Merah

LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH



PROJEK PERINTIS PADI HUMA
LEMBAH RADEK, CHEPIR, SIK.

LOT : 1
LUAS : 0.23 EKAR
VARIETI : TANGKAI LANGSAT
TARIKH TANAM : 26/11/2023
PESERTA : HAIROL NIZAM BIN AHMAD

26



GP12

PERLUASAN KAWASAN BAHARU JELAPANG PADI





2

KADA

GELOMBANG PADI NEGERI KELANTAN
 Bendang Tok Ajam,
 Pasir Puteh, Kelantan
 28 Januari 2024 (Ahad)

IMPAK
Perasmian SMART SBB Ala Sekinchan Kelantan

1 FEBRUARI 2024

35 pesawah Pasir Puteh mulakan penanaman padi ala Sekinchan

Luas Kawasan **68 hektar**
 Bil. Pesawah **35 orang pesawah**
 Varieti Padi **Mardi Siraj 297**
 Kaedah Penanaman **Jentanam & Tabur Terus**

ANGGARAN HASIL PADI 7-8 mtha

32

3

JABATAN PERTANIAN

GELOMBANG PADI NEGERI JOHOR
 Sawah Ring, Tangkak, Johor
 5 Februari 2024 (Isnin)

IMPAK

"Bagi menghargai komitmen Kerajaan Johor meningkatkan lagi produktiviti hasil padi di negeri ini, KPKM akan menyalurkan peruntukan sejumlah RM3 juta dalam masa terdekat melalui salah satu usaha strategik di bawah PINTAR yang kita panggil Pelan Pembangunan Industri Padi dan Beras iaitu "Periuk Nasi Selatan"

33



Kesimpulan

Adakah perlu
Lembaga Padi dan Beras Negara
 diwujudkan semula?

Atau penubuhan
Jabatan Padi dan Beras Malaysia?

36

Masa Hadapan Pertanian Negara



“Belajar bahasa al-Quran. Apa kata mereka?”

TMJ DILANTIK PEMANGKU SULTAN JOHOR

GELOMBANG AI DIRAMAL 2 TAHUN LAGI

Ledakan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang ditaklukkan memberi kesan kepada hampir 40 peratus pekerjaan di seluruh dunia dijangka berlaku dalam tempoh dua tahun lagi turut melibatkan pekerja-pekerja di Malaysia.

Perselutan Majlis-Majlis Malaysia (MEF) percaya sebahagian besar perniagaan di negara ini mengambil langkah proaktif beradaptasi dengan teknologi AI. Rata-rata Index pada November lalu yang mendapati 46 peratus organisasi sedia memanfaatkan teknologi AI.

Walaupun pakar melihat negara sudah bersedia menghadapi gelombang AI, namun Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) masih bimbang kerana kebanyakan pekerja tempatan terutama belia dilihat belum bersedia mengadaptasi kemahiran teknologi AI dalam masa singkat.

MUKA 2 & 3





IADA - INTEGRATED AGRICULTURAL DEVELOPMENT AREA (KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU)



- ☐ Dahulunya dikenali sebagai IADP - Integrated Agricultural Development Project (Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu)
- ☐ Ditubuhkan dengan gabungan 3 agensi kerajaan:
 - i. Jabatan Pertanian
 - ii. Jabatan Pengairan Dan Saliran
 - iii. Lembaga Pertubuhan Peladang
- ☐ Ditubuhkan pada 6 Jun 1978
- ☐ Dimulakan pada tahun 1965 dengan penubuhan MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) diikuti KADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu) pada tahun 1967 dan seterusnya IADP-IADP lain yang kebanyakannya berteraskan padi.

Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu | IADA • BARAT LAUT SELANGOR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

- ☐ Dari tahun 1985 terdapat 17 IADA/IADP di seluruh Malaysia.
- ☐ Pemilihan tempat penubuhan IADP/IADA biasanya berdasarkan taraf sosioekonomi kehidupan kawasan berkaitan.
- ☐ Menjelang 1990an beberapa IADP telah ditutup kerana memenuhi fungsinya.
- ☐ IADA yang kekal terdiri dari IADA jelapang padi dan 2 IADA di Sarawak (Samarahan, Kalaka Saribas).




Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu | IADA • BARAT LAUT SELANGOR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

12 JELAPANG PADI MALAYSIA (10 IADA, MADA DAN KADA)



Kawasan Jelapang Padi Negara



FUNGSI IADA BARAT LAUT SELANGOR



MERANCANG, MENYELARAS, MELAKSANA, DAN MEMANTAU PROGRAM PEMBANGUNAN PERTANIAN DALAM IADA BARAT LAUT SELANGOR



MENYEDIAKAN KERANGKA TRANSFORMASI DALAM MENINGKATKAN KUANTITI DAN KUALITI MAKANAN NEGARA



MENINGKATKAN PENGELUARAN MAKANAN BAGI MEMENUHI TAHAP SARA DIRI (SSL) NEGARA DAN MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN TERHADAP IMPORT



MENYEDIAKAN, MENYELENGGARA DAN MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR PERTANIAN



MENINGKATKAN PENDAPATAN GOLONGAN SASAR KE ARAH NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI



MEMBERI KHIDMAT SOKONGAN YANG CEKAP DAN BERKESAN

FUNGSI BAHAGIAN PERTANIAN

- ❑ MEWUJUDKAN KUMPULAN TENAGA YANG TERLATIH DAN MAHIR UNTUK KEPERLUAN INDUSTRI PERTANIAN.
- ❑ MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PENGELUARAN TANAMAN PADI DI KAWASAN BARAT LAUT SELANGOR BAGI MENCAPAI HASIL PURATA 10 TAN/HA SEMUSIM.
- ❑ MEWUJUDKAN GOLONGAN PETANI YANG PROGRESIF, BERDIKARI DAN MAHIR DALAM PENGELUARAN PADI BAGI MEMBERIKAN PRODUKTIVITI YANG TINGGI.



Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu | IADA • BARAT LAUT SELANGOR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

FUNGSI BAH. KEJURUTERAAN PERTANIAN

- ❑ MEMASTIKAN SISTEM DAN INFRASTRUKTUR PERTANIAN BERFUNGSI DENGAN SEMPURNA KE ARAH PENGURUSAN AIR YANG EFISIEN.



Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu | IADA • BARAT LAUT SELANGOR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA


FUNGSI BAH. LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

- ❑ PERTUBUHAN PELADANG SEBAGAI INSTITUSI BERDAYA MAJU DALAM BIDANG PERKHIDMATAN SOKONGAN PERTANIAN.
- ❑ PEWUJUDAN PELADANG KOMERSIAL YANG BERDAYA SAING DAN MEMBERI SUMBANGAN KEPADA SEKTOR PERTANIAN SELARAS DENGAN MATLAMAT TRANSFORMASI PERTANIAN .
- ❑ PEMBANGUNAN DAN PENGUKUHAN RANGKAIAN AKTIVITI-AKTIVITI PERTUBUHAN PELADANG.



Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu | IADA • BARAT LAUT SELANGOR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA





RANCANGAN MALAYSIA KE 12 (RMKe-12)

PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI

BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI, KPKM

SKOP PROJEK

1. PENGURUSAN PEMULIHARAAN DAN PENINGKATAN KESUBURAN TANAH

- Membina/menaiktaraf infrastruktur dalam sawah
- Perkhidmatan Pengapuran tanah sawah
- Perolehan & perkhidmatan teknologi pemuliharaan & peningkatan kesuburan tanah
- Pemindahan teknologi

1

RM 17,000,000.00

2. PENGURUSAN TEKNOLOGI TEPAT DAN KELESTARIAN PERTANIAN

- Perolehan & Perkhidmatan pembangunan
- Perolehan Input, peralatan & perkhidmatan program pengurusan Rice-Check
- Perolehan input & perkhidmatan dalam Pengurusan perosak bersepadu Integrated Pest Management (IPM), kawalan kemerebakkan penyakit & pengukuhan Briged Tani
- Perolehan & perkhidmatan jentera, peralatan & input teknologi pertanian tepat (iot & smart farming)
- Perolehan & perkhidmatan program pengurusan Jerami

2

RM 4,750,000.00

3. PROGRAM MEMPELBAGAI SUMBER EKONOMI DAN PENINGKATAN PENDAPATAN PESAWAH

- Kerja menaiktaraf, perolehan & perkhidmatan kemudahan, input, peralatan bagi temak air dan ternakan
- Sistem coaching bagi pembangunan modal insan usahawantani & kumpulan tani yang terlibat dalam program

3

RM 1,150,000.00

JUMLAH :
RM 22,900,000.00

B

RINGKASAN PERMOHONAN KESELURUHAN RP5 2025 RMKe-12 NAMA : IADA BARAT LAUT SELANGOR

I. PERMOHONAN PROJEK SAMBUNGAN

BIL.	NAMA PROJEK	KOS KESELURUH AN RM (A)	BELANJA 2021 RM (D)	BELANJA 2022 RM (E)	BELANJA 2023 RM (F)	SILING 2024 RM (G)	BAKI KOS RM = (A) - (B+C+D+E+F+G)	SILING DIMOHON 2025 RM (H)
1	PENGURUSAN PEMULIHARAAN DAN PENINGKATAN KESUBURAN TANAH (KOD PROJEK : P212000100001)	17,000,000.00	1,249,659.30	1,999,974.323	999,990.90	8,000,000.00	1,750,375.48	1,750,000.00
2	PENGURUSAN TEKNOLOGI TEPAT DAN KELESTARIAN PERTANIAN (KOD PROJEK : P212000100002)	4,750,000.00	949,999.17	1,499,823.00	799,142.00	750,000.00	751,035.83	750,000.00
3	PROGRAM MEMPELBAGAI SUMBER EKONOMI DAN PENINGKATAN PENDAPATAN PESAWAH (KOD PROJEK : P212000100003)	1,150,000.00	350,000.00	199,731.80	199,993.00	200,000.00	200,275.20	200,000.00
JUMLAH		22,900,000.00	2,549,658.47	3,699,529.12	4,999,125.90	8,950,000.00	2,701,686.51	2,700,000.00

RANCANGAN MALAYSIA KE 12 (RMKe-12)

PROGRAM MEKANISASI & AUTOMASI AGROMAKANAN

BAHAGIAN PEMODENANAN PERTANIAN, KPKM



JUMLAH :
RM 133,470.00

RANCANGAN MALAYSIA KE 12 (RMKe-12)

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN (IAT)

BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI, KPKM

SKOP PROJEK:

- PROGRAM BANTUAN CHANGE UPGRADE PRODUCT (CUP)
 - Reka Bentuk Pembungkusan & Pelabelan
 - Perolehan Papan Tanda Perniagaan
 - Penambahbaikan Premis Bagi Memenuhi Keperluan Persijilan
 - Peningkatan Kapasiti Pengeluaran Melalui Perolehan Mesin & Peralatan
- PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN (LATIHAN)



JUMLAH :
RM 677,859.80

RANCANGAN MALAYSIA KE 12 (RMKe-12)

BAHAGIAN PENGAIRAN SALIRAN PERTANIAN, KPKM

SKOP PROJEK:

1. KERJA-KERJA PENSTABILAN TEBING SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DARI OUTLET RUMAH PAM BAGAN TERAP PARIT 13 KE PARIT 10 TIMUR DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN (P21128000160012)
2. MEMBINA DAN MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR PENGAIRAN DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI KAWASAN PENGAIRAN SUNGAI PANJANG (FASA 2), IADA BARAT LAUT SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN - PAKEJ 1 (P21128000100006)
3. MENAIKTARAF JALAN PERTANIAN DI KAWASAN JELAPANG DAN DI LUAR KAWASAN JELAPANG
4. PROJEK MENAIKTARAF JALAN PERTANIAN DI KAWASAN JELAPANG
 - Jalan Ladang
5. PROJEK PENYELENGGARAAN SISTEM PENGAIRAN DAN SALIRAN PERTANIAN BAGI KAWASAN JELAPANG DAN LUAR JELAPANG SERTA KAWASAN PERTANIAN
 - Kerja-kerja rekabentuk
 - Pembinaan dan menaiktaraf infrastruktur
 - Penambahan tanah merah

2021

RM 500,000.00

2022

RM 1,609,857.86

2025

RM 00.00

JUMLAH :
RM 7,538,748.36

**PERUNTUKAN
NEGERI
STATE BUDGET**



**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKE-12
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGIKUT BUTIRAN AM PECAHAN KEPALA (BAPK)**

MAKSUD PEMBANGUNAN : P08
JABATAN/AGensi : JABATAN PERETANIAN SELANGOR
PEGAWAI PENGAWAL : PENGARAH JABATAN PERTANIAN SELANGOR

PECAHAN KEPALA (PK)	TAJUK	ANGGARAN PERUNTUKAN BAGI RMKe-12				
		2021	2022	2023	2024	2025
PK5	Pembangunan Tanaman Padi (Penyaluran peruntukan Projek Pembangunan Tanaman Padi Negeri Selangor melalui Jabatan Pertanian Daerah Sabak Bernam & Jabatan Pertanian Daerah Kuala	RM				
		2,900,000.00 / TAHUN				

SKOP	KADAR (RM)
PENINGKATAN HASIL PADI	
a. Perolehan Input Pertanian • Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi bahan tanaman, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai. • Insentif pembelian input pertanian serta Pembangunan pengaplikasikan teknologi baru dalam proses pengeluaran tanaman seperti teknologi IOT pembajaan, pengurusan perosak/penyakit, penuaian hasil dan pengendalian lepas tuai.	Kadar bantuan sebanyak RM 880/Ha
b. Program pembangunan Tanah Lestari • Teknologi kejuruteraan sains fizik dan kimia tanah, penggunaan bahan-bahan penambahbaikan struktur dan tekstur fizikal tanah. • Keperluan mengumpul & menganalisis (analitik) data tanah.	
c. Alatan Jentera dan Peralatan Pertanian • Merangkumi pembelian alatan jentera, mesin dan peralatan pertanian yang bersesuaian.	

PEMULIHARAAN DAN PEMULIHAN TANAHSAWAH a. Program Pembangunan Tanah Lestari • Peralatan tanah sawah menggunakan teknologisemasa • Teknologi kejuruteraan sainsfizik dan kimia tanah, penggunaan bahan-bahanpenambahbaikan struktur dan tekstur fizikaltanah. • Keperluan mengumpul& menganalisis (analitik) data tanah. b. Pembangunan Kejuruteraan EkologiPertanian • Membangun dan menyebarkan luasteknologi kejuruteraan ekologi.	Kadar bantuan sebanyak RM1,200/Ha
PENGELUARAN PADI MYGAP a. Kerja-kerja Menambah Baik danMembina BaruBengkel • Meliputi semua aspekpembinaan dan kelengkapan bengkel. b. Alatan Jentera dan Peralatan Pertanian • Merangkumi pembelian alatanjentera, mesin dan peralatan pertanian yangbersesuaian.	Kadar bantuan sebanyak RM100,000/unit Kadar bantuan sebanyak RM150,000/unit
PENGURUSAN PEROSAK BERSEPADU TANAMAN PADI a. Kerja-kerja Membina/Menaik Taraf Nursery • Meliputi semua aspek pembinaan dan kelengkapan bengkel. b. Perolehan InputPertanian • Meliputi pembelian baja dan bahan input kawalan penyakit/perosak sertabunga.	Kadar bantuan sebanyak RM25,000/unit Kadar bantuan sebanyak RM15,000/unit



MAKLUMAT INDUSTRI PADIDAN BERAS DI SELANGOR Information of Paddy and Rice in Selangor

MAKLUMAT PADIDAN Main Information of Paddy						MAKLUMAT MABERAS Main Information of Rice					
	2019	2020	2021	2022	MU 22/23		2019	2020	2021	2022	2023
Keluasan Beraian Planted Area (ha)	36,602.0	36,004.0	35,885.0	35,539.0	17,739.0	Pengeluaran Production (mt)	113,158.0	111,675.0	108,942	107,444.0	0
Pengeluaran Production (mt)	174,088.0	159,535.0	155,631.0	153,492.0	88,551.0	Penggunaan Per Kapita* Per Capita Consumption* (kg/year)	74.0	79.7	79.5	77.0	0
Purata Hasil Average Yield of Paddy (kg/ha)	4,756	4,431.0	4,337.0	4,319.0	4,992	Kadar Sara Diri* Self Sufficiency Ratio* (%)	63.0	62.9	65.2	62.6	0
						Penduduk Selangor Selangor Population (000)	6,506.1	6,994.4	7,014.7	7,050.3	7,205.3

Nota/Note

*Nilai import bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 tidak mengambil kira nilai import bagi simpanan stok kecemasan.

*Value of import for year 2021, 2022 and 2023 not include import value of emergency stocks.

Sumber/Sources

Perangkaan Agromakanan Malaysia 2023 & Jabatan Perangkaan Malaysia 2022
Malaysia Agrofood in Figures 2023 & Department of Statistics, Malaysia 2022

Nota/Note

* Pengiraan SSR 2021 dan 2022 tidak mengambil kira stok kecemasan sebanyak 160,000 metrik ton dan 170,000 metrik ton.

* SSR calculation for year 2021 and 2022 excluded 160,000 metric tonne and 170,000 metric tonne of emergency stock.



Pengiraan mengikut populasi penduduk Malaysia

JUMLAH PENGELUARAN PADIDAN MENGIKUT KAWASAN Total Production of Paddy by Area


DAERAH KUALA SELANGOR Kuala Selangor District (mt)						DAERAH SABAK BERNAM Sabak Bernam District (mt)					
	2022	MU 22/23		2022	MU 22/23		2022	MU 22/23		2022	MU 22/23
	46,350.30	29,693.00					107,168.46	58,857.61			
	2019	2020	2021	2022	MU 22/23		2019	2020	2021	2022	MU 22/23
Sekinchan	21,298.25	17,084.65	17,410.86	15,767.70	11,572.93	Sekinchan	20,070.93	16,620.56	16,974.31	16,354.92	8,967.97
Sungai Burong	33,343.44	13,427.78	31,049.54	30,582.60	18,120.07	Sungai Leman	19,353.56	17,084.65	20,344.06	18,415.33	9,944.86
						Pasir Panjang	14,730.76	13,427.78	14,329.18	14,029.57	8,203.67
						Sungai Nipah	18,069.99	16,883.45	16,527.69	15,344.95	8,792.49
						Panchang Bedena	27,368.98	23,759.96	19,659.95	26,248.63	13,263.85
						Bagan Terap	10,840.57	10,622.18	11,079.60	9,116.01	5,176.73
						Sungai Panjang	9,021.57	9,069.68	8,249.21	7,659.05	4,508.04

Sumber/Sources

Perangkaan Agromakanan Malaysia 2023
Malaysia Agrofood in Figures 2023



KOS PENGELUARAN





Taklimat SMART SBB dan Hands 'On Kawalan Tikus
 Tempat :Perkarangan Rumah En Rozihan Ketua Blok P
 APT ENCİK NORZAIMI OMAR



Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu | IADA • BARAT LAUT SELANGOR
 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

Taklimat & Hands On Komponen Hasil Padi di Blok Program SMART SBB
 Sungai Besar

Penceramah: Encik Mohammad Zuhairi Bin Ali

Tempat: Blok F8 Sg. Panjang, Blok E2 & E10 Bagan Terap, Blok D3

Panchang Bedena, Pejabat PKPK Sg. Besar

Penglibatan : Pegawai IADA PKPK Sg Besar , BPIT Sungai Burong, Serba Wangi Sdn. Bhd. & Petani SMART SBB



Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu | IADA • BARAT LAUT SELANGOR
 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

Gotong-Royong dan Hands-On Kawalan Tikus.



Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu | **IADA • BARAT LAUT SELANGOR**
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

Lawatan siasatan Dan Pengambilan sample tanaman padi bersama Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Sg Burong di lot sawah padi tidak berhasi di Blok F08 &F11 Kawasan Sg Panjang.



Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu | **IADA • BARAT LAUT SELANGOR**
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

Program Taklimat Rice Check 3 -Tajuk Penyediaan Tanah Sawah
 Petani Blok N22 Sungai Nipah, taklimat telah disampaikan oleh
 Penyelia PKPK Sabak Bernam Selatan
 LOKASI: Pasar Jerami 88, Parit 14, Sungai Nipah..
 BIL. PETANI: 15 Orang
 Penyelia : Cik Suhaila Bt. Abd Wahid.
 APT : Encik Zulazri Bin Mohamed Adlan



Kawasan Pembangunan
 Pertanian Bersepadu | IADA • BARAT LAUT
 SELANGOR
 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

Program Taklimat Tanaman Padi Wangi, SMART SBB FGV
 LOKASI: Balai Raya Pt 4 Timur, Bagan Terap
 BIL. PETANI: 66 Orang



Kawasan Pembangunan
 Pertanian Bersepadu | IADA • BARAT LAUT
 SELANGOR
 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

Rice Check 7- Pengurusan Perosak Bersepadu.
Program Kawalan Ulat Pengorek Batang dan Ulat Gulong Daun Bagi
Blok Terbaik 2023 Secara Bersepadu Di Kawasan Bagan Terap



Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu | IADA • BARAT LAUT SELANGOR
 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANAH MALAYSIA

Taklimat pembajaan tanaman padi serta Hands On gotong-royong kawalan tikus secara bersepadu bagi kawasan Smart SBB Blok D2 & D3 Panchang Bedena 2 bagi luar musim 1/2024.



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANAH MALAYSIA



TAKLIMAT SMART SBB IADA BARAT LAUT SELANGOR 7 MEI 2024

PERLAKSANAAN SMART SBB



1

BUKAN SUATU PAKSAAN
kepada pesawah tetapi
merupakan tindakan
sukarela



2

TIDAK MELIBATKAN
sebarang
PENGAMBILALIHAN
tanah pesawah



3

Pertubuhan Peladang dan
NAFAS memainkan
peranan di sepanjang
rantai nilai

TUJUAN PERLAKSANAAN SMART SBB




1. Sasaran **SSL beras 75%** tercapai
2. Sasaran **purata hasil 7.0 mtan/hektar** tercapai
3. Meningkatkan **pendapatan** pesawah
4. Meningkatkan **prestasi** industri padi dan beras
5. Pengeluaran padi lebih **bersasar**
6. Penyatuan tanah secara **pertanian kontrak** (*contract farming*)

PERANAN PENTING DALAM PELAKSANAAN SMART SBB:

KPKM	Agensi Kerajaan	Syarikat Peneraju	Pesawah/ Peserta
• Dasar SBB • Subsidi input (Baja 1+2+3 Racun & Baja Tambahan NPK) • Subsidi <i>output</i> • Benih padi sah • Kebenaran Pindah Padi terhadap Program SBB	• Penyelaras program • Pengairan • Infrastruktur • Sesi libat urus dengan pesawah • Pemantauan	• SPV <i>Contract Farming</i> • Service provider (<i>drone, transplanter, dll</i>) • Baja bio & baja tambahan • Pertanian kontrak (<i>akuanji</i>) dengan pesawah • Mengeluarkan kos sehingga RM3,200 per hektar	• Syarikat wajib mempunyai pesawah/ peserta • Senarai padi: 1. Padi putih 2. Padi wangi 3. Padi hibrid 4. Padi organik

HALA TUJU RANTAIAN NILAI INDUSTRI SMART SBB



SYARIKAT PENERAJU SMART SBB IADA BARAT LAUT SELANGOR



LAPORAN HASIL PENGELUARAN PADI (SMART SBB) IADA BARAT LAUT SELANGOR



PERKARA	MUSIM 1/2021	MUSIM 1/2022	MUSIM 2/2022	MUSIM1/2023	MUSIM 2/2023
KELUASAN (HA)	1,183.05	1,618.04	2,606.61	1,854.73	1,803.08
BILANGAN PESAWAH (ORANG)	79	1196	811	1084	733
JUMLAH HASIL PADI (MT)	5,853.09	6,834.52	7,922.8	5,913.52	5,953.29
PURATA HASIL PADI (MT/HA)	4.94	3.94	3.03	3.13	3.301

SYARIKAT PENERAJU (BERNAS)



Lokasi Projek

BERNAS: SAWAH SEMPADAN

SYARIKAT PENERAJU (BERNAS)



Lokasi Projek

BERNAS: SUNGAI BURONG

SYARIKAT PENERAJU (BERNAS)



Lokasi Projek

BERNAS: SUNGAI BESAR

SYARIKAT PENERAJU (SERBA WANGI SDN BHD)



SYARIKAT PENERAJU
(SRI HARTAMAS SDN BHD)



SEKIAN, TERIMA KASIH

Email:
iadabls@kpkmb.gov.my
No Telefon
03-32891411



PEMBENTANGAN SMART SBB KPKM-FGV PROGRAM FGV FORTIFIED FIELD FRAGRANT RICE (3FR) PENGOPTIMUM PENANAMAN PADI WANGI BERSKALA BESAR MELALUI TEKNOLOGI PERTANIAN BERKESAN

SMART SBB KPKM-FGV

**PROGRAM FGV FORTIFIED FIELD FRAGRANT RICE (3FR) PENGOPTIMUMAN
PENANAMAN PADI WANGI BERSKALA BESAR MELALUI TEKNOLOGI
PERTANIAN BERKESAN**

**Lawatan Kerja Parlimen Malaysia - Jawatankuasa Pilihan Khas
Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup
Dan Pertanian ke Jelapang Padi Negeri Selangor**

Rise with P.R.I.D.E
Partnership – Respect – Integrity – Dynamism – Enthusiasm

Disediakan oleh:
FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd
8 Mei 2024

**Penglibatan FGV dalam Program
Smart Sawah Berskala Besar ("SMART SBB")**

SMART Sawah Berskala Besar ("SMART SBB")

SMART SBB merupakan salah satu inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ("KPKM") dalam menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak melalui satu pengurusan sekali gus dapat mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil lepastuai. (*Kosmo Online, 23/2/2021*)


SMART SBB turut dijangka akan membantu negara mencapai SSL beras yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) iaitu sebanyak 75 peratus. (*Sinar Harian, 24/2/2021*)

Sehingga hari ini, 23 syarikat peneraju swasta telah dilantik oleh KPKM sebagai syarikat peneraju SMART SBB utk membangunkan kawasan penanaman padi. Sasaran keluasan adalah 150,000 hektar semusim bagi fasa pertama dan ianya adalah secara berperingkat.

FGV merupakan salah satu dari syarikat peneraju yang telah dilantik oleh KPKM untuk menerajui industri penanaman padi wangi di Malaysia.

Pelancaran Beras SAJI dan lantikan FGV sebagai Syarikat Induk SMART SBB

Perkembangan Projek SMART SBB




Lokasi Tanaman Padi Wangi MRQ 76 Di Selangor

PERKEMBANGAN FGV PADDY AGRO VALLEY

Penanaman MRQ 76

SEBERANG PERAK		BARAT LAUT SELANGOR	
TAHUN	2021	TAHUN	2021
Keluasan (Ha)	195.63	Keluasan (Ha)	636.50
Hasil Kasar (MT)	770.38	Hasil Kasar (MT)	2,982.47
TAHUN	2022	TAHUN	2022
Keluasan (Ha)	219.11	Keluasan (Ha)	1,097.45
Hasil Kasar (MT)	991.18	Hasil Kasar (MT)	4,934.51
TAHUN	2023	TAHUN	2023
Keluasan (Ha)	72.40	Keluasan (Ha)	411.45
Hasil Kasar (MT)	210.48	Hasil Kasar (MT)	1,657.74

PENCAPAIAN HASIL TERTINGGI:



Program FGV Agrofarmers untuk tanaman padi wangi telah mula dilaksanakan sejak tahun 2020 dan sehingga kita telah melibatkan kawasan seluas 1,500 hektar dan 361 peserta

FGV

FGV-YDP AGROFARMERS MRQ76 Paddy	FGV-YDP AGROFARMERS MRQ76 Paddy	FGV-YDP AGROFARMERS MRQ76 Paddy	FGV-YDP AGROFARMERS MRQ76 Paddy	FGV-YDP AGROFARMERS MRQ76 Paddy
				
PPLS SDN BHD	PPK PASIR PANJANG	SENDI ENTERPRISE	BAHTERA MEGA ENTERPRISE	KOPERASI PARIT 5
Name : Lim Mau Soon (Allen) Age : 49 Education : SPM	Name : Juliana Herni binti Jobli Age : 41 Education : MBA - UUM	Name : Ali Raman bin Boher Age : 64 Education : Sijil Pertanian M'sia	Name : Roslan bin Aini Age : 49 Education : SPM Vokasional	Name : Hj. Md. Salleh Abd. Wahab Age : 61 Education : SPM
State : Selangor Farm Location : Sekinchan Size : 250 acres Farming Experience : 25 years Crop : Paddy	State : Selangor Farm Location : Sekinchan Size : 250 acres Farming Experience : 19 years Crop : Paddy	State : Selangor Farm Location : Sekinchan Size : 250 acres Farming Experience : 19 years Crop : Paddy	State : Selangor Farm Location : Sekinchan Size : 270 acres Farming Experience : 10 years Crop : Paddy	State : Selangor Farm Location : Sg. Besar Size : 250 acres Farming Experience : 10 years Crop : Paddy
				

Program FGV Agrofarmers untuk tanaman padi wangi telah mula dilaksanakan sejak tahun 2020 dan sehingga kita telah melibatkan kawasan seluas 1,500 hektar dan 361 peserta

FGV

FGV-YDP AGROFARMERS MRQ76 Paddy	FGV-YDP AGROFARMERS MRQ76 Paddy	FGV-YDP AGROFARMERS MRQ76 Paddy	FGV-YDP AGROFARMERS MRQ76 Paddy	FGV Vendor Development Programme (FGV VDP)
				Fragrant Paddy MRQ76
BERKAT PADI SDN BHD	FELCRA PLANTATION SERVICES SDN BHD	KOPERASI RANCANGAN TANAH BELIA (RTBK) PADI SEBERANG PERAK BERHAD	KOPERASI PESERTA FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD	 9 Agro Vendors 361 farmers
Name : Hj. Jamuri Tahir Age : 73 Education : SPM	Name : En. Mohd. Fikri bin Roslan Age : 34 Education : Bac - UiTM	Name : Hj. Marzuki bin Shaari Age : 75 Education : SPM	Name : En. Ibrahim Rabiai Age : 32 Education : Bachelor Degree	 3700 acres
State : Selangor Farm Location : Sg. Besar Size : 250 acres Farming Experience : 30 years Crop : Paddy	State : Perak Farm Location : Seberang Perak Size : 250 acres Farming Experience : 13 years Crop : Paddy	State : Perak Farm Location : Seberang Perak Size : 124 acres Farming Experience : 30 years	State : Perak Farm Location : Seberang Perak Size : 75 acres Farming Experience : 5 years	 6 SKUs
				 2 states
				 

Produk Beras Wangi Keluaran FGV

Beras Wangi Jenama Ladang '57 dan Beras Wangi SAJI Aroma

FGV



Ladang Benih MRQ76

Ladang Benih MRQ76 Tahun 2023



Barat Laut Selangor


Musim	1/2023
Kawasan	Sg Burong, Sekinchan dan Seberang Perak
Jenis Benih	Benih Daftar dan Benih Sah MRQ 76



Pengenalan Sistem *Fortified Field* (FF)




- Satu sistem yang **mengintegrasikan semua aktiviti yang berkesan dalam penanaman padi** yang mensasarkan peningkatan hasil padi.
- Untuk mencapai tahap keberkesanan yang optimum, **SOP** bagi penanaman padi spesialti sentiasa dikemaskini dari satu musim penanaman kepada satu musim penanaman yang lain.
- Sistem *Fortified Field* merangkumi **komponen** dibawah dan ianya akan **terus dikemaskini** berdasarkan keperluan semasa dan varieti:



Manual Penanaman Padi Wangi FGV Fortified Field Fragrant Rice ("3FR")

ID	Gerak Kerja	SOP
1	Perancangan Tanaman	✓
2	Prasarana dan Lot Sawah	✓
3	Penyediaan Sawah	✓
4	Pemeriksaan dan Rawatan Tanah	✓
5	Pembajakan Tanah	✓
6	Penyediaan Anak Semaian	✓
7	Penjagaan Anak Semaian Padi di Nurseri	✓
8	Pengurusan Air	✓
9	Pengurusan Rumpai	✓
10	Pembajaan	✓
11	Pengurusan Penyakit dan Perosak	✓
12	Penuaian dan Mutu Padi	✓
13	Pemeriksaan Sawah	✓
14	Penggunaan Internet of Things (IOT) dan Mekanisasi	✓



Gerak Kerja
Semaian Padi
Wangi MRQ76



Gerak Kerja
Penanaman Padi
Wangi MRQ76



Program FGV Fortified Field Fragrant Rice ("3FR")

Adaptasi Teknologi Dalam Penanaman Padi Wangi (MRQ7) untuk meningkatkan hasil padi



3FR adalah suatu sistem penanaman yang mengintegrasikan 5 aktiviti dan amalan terbaik (standard operating procedure) dalam penanaman padi yang mensasarkan peningkatan hasil tuaian padi.



FGVIF Paddy and Rice : Our Current Achievements

STRICTLY CONFIDENTIAL



January 2021
First MRQ 76 Seed Garden harvesting



March 2022
Launching of Saji Aroma Beras Wangi Malaysia

February 2021
Launching of Beras Saji



August 2022
Launching of Ladang'57 Beras Wangi Horeca and 3FR SOP Manual




July 2021
Rice Wholesale License from MAFI



September 2022
Launching of FGV Paddy Seed Bag

Penggunaan AgTech Dalam FGV Fortified Field Fragrant Rice ("3FR") Weather Station, Agri Data, Smart Equipment, Modern Technology



Aktiviti Padi Beras FGVIF

Kursus Pemutuan Padi bersama BERNAS



Kursus Rice Smart Wheel bersama DOA



Aktiviti Padi Beras FGVIF

Pemeriksaan Ladang bersama Wakil Pesawah



Soil Profiling dan Pensampelan Air Sawah



Pemeriksaan kualiti dan pemutuan beras




Aktiviti Padi Beras FGVIF

Lawatan YB Menteri KPKM ke Semaian MRQ 76



Seminar Online Bersama MARDI



Aktiviti Padi Beras FGVIF

Penanaman Sawah Berskala Besar

Lawatan Timbalan Menteri 2 KPKM
Tahun 2021



Padi wangi & Padibiasa



Lot dibawah model Pertanian
Kontrak




Pusat Pengumpulan Padi wangi



Kelulusan
Lesen Borong Beras FGV

FGV

Aktiviti Padi Beras FGVIF



FGV

Aktiviti Padi Beras FGVIF

Online HALAL Training bersama HALAL Development Corporation Berhad (HDC)



FGV

Aktiviti Padi Beras FGVIF




FGV



Aktiviti Padi Beras FGVIF

FGV



Aktiviti Padi Beras FGVIF

FGV



Aktiviti Pengembangan Program Fortified Field Fragrant Rice (3FR) FGV & SMART SBB Sekitar IADA Barat Laut Selangor & IADA Seberang Perak



Aktiviti Semakan Kualiti Beras

Pensampelan, semakan peratus beras hancur, semakan tahap pengilangan beras, pemeriksaan kadar ketumpatan (transparency) beras.



Aktiviti Padi Beras FGVIF



Pelancaran Beras
SAJI pada tahun
2021



Penuaian Ladang Benih
MRQ 76 dan Penyerahan
Lesen Borong Beras 2021



Lawatan YB Timbalan
Menteri 2 KPKM tahun
2022



Aktiviti Padi Beras FGVIF

FGVIF – BERNAS MOC
SAJI AROMA Soft Launch
29 Mac 2022



Aktiviti Pengembangan Program Fortified Field Fragrant Rice (3FR) FGV & SMART SBB Sekitar IADA Barat Laut Selangor & IADA Seberang Perak



14 Januari 2022 Lawatan dari Exco
Pertanian Perak



7 Januari 2022 Mesyuarat bersama Pesawah Kontrak FGV di
bawah program VDP FGV



14 Februari 2023 Lawatan oleh Group
Consumer Product FGVH



22 Februari 2022 Lawatan
dari Timbalan Menteri
Pertanian dan
Keterjaminan Makanan



27 April 2022 Lawatan dari Dr. Larry Wong
daripada World Bank Group



28 April 2022 Lawatan dari Dato' Nonee
Ashirin binti Dato' Mohd Radzi, (BOD
FGVH)



15 Mei 2022 Program Santai Ride at Sekinchan

Aktiviti Pengembangan Program Fortified Field Fragrant Rice (3FR) FGV & SMART SBB Sekitar IADA Barat Laut Selangor & IADA Seberang Perak



22 Mei 2022 Lawatan oleh Mrs Anuja (World Bank Group)



22 Julai 2022 Lawatan oleh Mr. Adisak, President Co-op Center Thailand Rom Yen Pen Suk ke tanaman padi wangi FGV di IADA Barat Laut Selangor.



10 November 2022 Lawatan oleh Datuk Haris Fadzilah, Group CEO BERNAS ke operasi penuaian padi wangi FGV



18 Januari 2023 Program Sembang Wanita dengan tajuk Beras Wangi Lokal Rasa Lagi Padu



31 Julai 2023 Lawatan oleh Global Institute For Tomorrow (GIFT) dengan tajuk "Malaysia Stay & Build"



14 Sept 2023 Workshop oleh World Bank Group bertajuk "Digital Transformation in Malaysia Agrofood System"

Aktiviti Pengembangan Program Fortified Field Fragrant Rice (3FR) FGV & SMART SBB Sekitar IADA Barat Laut Selangor & IADA Seberang Perak



Lawatan Menteri KPKM ke Sawah Padi Wangi FGV di Barat Laut Selangor 6 Mac 2023



Aktiviti Pengembangan Program Fortified Field Fragrant Rice (3FR) FGV & SMART SBB Sekitar IADA Barat Laut Selangor & IADA Seberang Perak



26 September 2023 Lawatan pegawai dan pesawah dari Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)




26 Oktober 2023 Aktiviti Perhubungan Pelabur: Lawatan ke FGV Paddy Agro Valley Serlahkan Inisiatif Pertanian Lestari



Jualan Beras Wangi Malaysia di KPKM pada 25 Oktober 2023

Program Madani Rakyat 25 Feb 2024





LIPUTAN GAMBAR LAWATAN KERJA KE JELAPANG PADI NEGERI SELANGOR

1. Taklimat oleh Pengarah IADA Barat Laut Selangor mengenai pelaksanaan projek SMART SBB di negeri Selangor





2. Lawatan ke Kilang Beras PLS Marketing (M) Sdn Bhd





3. Libat urus bersama pesawat dan petani tempatan






4. Taklimat dan lawatan ke projek SMART SBB FGV, Sungai Besar.





5. Lawatan ke kilang benih padi, Dataran Pusaka Sdn Bhd.







D.R. 26 TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KETIGA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN**

**PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT
DAN INISIATIF GELOMBANG PADI**

LAPORAN PROSIDING

LAPORAN PROSIDING
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN
PROGRAM INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT
DAN INISIATIF GELOMBANG PADI

NO.	LAPORAN PROSIDING	TARIKH
1	MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN BIL. 2 TAHUN 2024	6 MAC 2024



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN

TAKLIMAT DARIPADA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
KETERJAMINAN MAKANAN MENGENAI:

- (i) PROGRAM INOVASI NASIONAL
KETERJAMINAN AGROMAKANAN
RAKYAT
 - (ii) INISIATIF GELOMBANG PADI
-

BIL. 2

RABU, 6 MAC 2024

PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN,
KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN
BIL.2 TAHUN 2024**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

RABU, 6 MAC 2024

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Cha Kee Chin [Rasah] - *Pengerusi*
YB. Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]
YB. Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]
YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]
YB. Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]
YB. Tuan Edwin Anak Banta [Selangau]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiangdee [Beluran]
YB. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]
YB. Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
En. Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I, Parlimen Malaysia]
Cik Jackie Mary Fernandis [Penasihat Undang-undang II, Parlimen Malaysia]
Encik Johari bin Junid [Pegawai Penyelidik, Seksyen Ekonomi dan Perdagangan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Puan Khairil Liza binti Mohd Salleh [Pegawai Penyelidik, Seksyen Ekonomi dan Perdagangan (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]
Puan Hazliana binti Yahaya [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas]
Cik Farhan binti Mat Arisah [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas]
Encik Aiman Haikal bin Abdul Rahman [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas]

Ex Officio

YBrs. Dr. Salmah binti Sathiman [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan), Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)]
YBrs. Dr. Rosbi binti Abd Rahman [Pengarah (Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Antarabangsa), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN)]

YBrs. Puan Sukinurlin binti Yusuf [Ketua Penolong Pengarah (Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN))]
Encik Abszra Davadason Peter [Ketua Penolong Setiausaha, Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM)]

HADIR BERSAMA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

YB. Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu [Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]
YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]
YBhg. Datuk Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Industri Padi)]
YBrs. Tuan Mazlan bin Othman [Setiausaha Bahagian (Bahagian Sekuriti Makanan)]
Encik Mario bin Valeriano [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Pembangunan Industri Padi)]
Encik Mohammad Haniff bin Hassan [Ketua Penolong Setiausaha (Tanaman)]
Puan Noorul Huda Asyikin binti Mohd Fauzi [Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan Industri Padi)]
Encik Haris bin Alimudin [Pegawai Tugas-Tugas Khas I]

Jabatan Pertanian Malaysia

YBhg. Dato' Nor Sam Binti Alwi [Ketua Pengarah Pertanian]
Encik Nazli bin Mat Aris [Ketua Penolong Pengarah]

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia

YBrs. Dr. Asfaliza binti Ramli [Timbalan Ketua Pengarah]
Puan Farah Nadiyah binti Mohd Junaidi [Pegawai Penyelidik]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KEUSAHAWANAN, KOS SARA HIDUP DAN PERTANIAN BIL. 2 TAHUN 2024

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

RABU, 6 MAC 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.32 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Cha Kee Chin **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Okey, salam sejahtera, salam perpaduan, salam Malaysia Madani. Terima kasih atas kehadiran untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Perdagangan Dalam Negeri, Keusahawanan, Kos Sara Hidup dan Pertanian untuk Dewan Rakyat Parlimen Kelima Belas, Mesyuarat kali kedua tahun 2024 pada pagi ini. Kita mulakan Mesyuarat. Yang pertama, saya hendak mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke Mesyuarat kali kedua pada pagi ini. Selamat datang dan terima kasih Datuk Seri atas jadual yang padat dan dapat hadir bersama dengan Jawatankuasa ini pada pagi ini.

Saya juga ambil kesempatan ini memperkenalkan anggota Ahli Jawatankuasa yang ada dalam bilik mesyuarat pada ketika ini. Bersama dengan saya adalah Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan - Ahli Parlimen Keningau. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Abdul Karim - Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Tuan Edwin - Ahli Parlimen Selangau yang hadir. Saya percaya ada tiga, empat orang Ahli Parlimen dalam sedikit masa akan masuk ke bilik mesyuarat ini.

Saya juga ambil kesempatan pada pagi ini untuk mengalu-alukan delegasi, khususnya daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), selain daripada Yang Berhormat Menteri yang hadir. Yang Berbahagia Datuk Badrul Hisham - Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mahmood - Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Industri Padi), Yang Berbahagia Dato' Nor Sam binti Alwi - Ketua Pengarah Pertanian dan juga pimpinan lain yang hadir dan juga *ex-officio* yang turut hadir pada pagi ini. Terima kasih juga kepada pihak sekretariat yang telah berjaya mengaturkan Mesyuarat kita pada pagi ini.

Sudah tentunya Mesyuarat kita pada pagi ini akan mendengar pembentangan daripada pihak kementerian berkenaan dengan satu perkara yang cukup mustahak, cukup penting dan cukup dekat dengan setiap rakyat Malaysia. Saya hendak sebut, pagi ini kita sebut secara spesifik berkenaan dengan Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat ataupun Program PINTAR ringkasannya. Selepas itu, kita akan membincangkan inisiatif Gelombang Padi dan seterusnya, hala tuju Smart Sawah Padi Berskala Besar Ala Sekinchan. Kita tahu pada tahun lepas memang ada berlaku sedikit masalah bekalan beras putih tempatan. Tapi itu bukan kali pertama. Sebelum ini pun pernah terjadi. Cuma ialah apabila dengan media sosial dan sebagainya yang menyebabkan benda itu jadi di-*viral*-kan kalau kita banding dengan dulu.

Jadi, *move on* daripada situ, yang lebih mustahak adalah bagaimana kita menangani masalah yang telah berlaku untuk memastikan pada masa depan tidak diulangi, tidak berlaku lagi perkara sebegini. Jadi, tanpa melengahkan masa, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk menyampaikan ucapan beliau. Dipersilakan Datuk Seri.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu [Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir pada Mesyuarat ini. Datuk Badrul Hisham, Datuk Azman, Dato' Nor Sam dan semua pegawai-pegawai kerajaan yang lain, para hadirin, Ahli-ahli Mesyuarat yang dihormati sekalian. Terima kasihlah kerana kita dapat bertemu dan berbincang pada hari ini. Seperti Titah Yang di-Pertuan Agong, Baginda menyentuh hal sekuriti makanan dalam ucapannya yang tidak berapa panjang tapi hal sekuriti makanan disentuh. Saya kalau ditanya bilakah hal makanan ini akan selesai? Saya akan jawab, hingga hari kiamat. Yang penting pada kita, persediaan hadapi suasana dan keadaan.

Saya selalu menyebut bagaimana krisis makanan berlaku di kisah dalam al-Quran, Nabi Yusuf tujuh tahun subur, tujuh tahun kemarau. Bagaimana kebijaksanaannya membuat stok penimbal menghadapi masa kemarau. Sudah tentulah kita hadapi zaman yang paling berat, zaman banjir besar, zaman Nabi Nuh. Macam mana mereka hadapi krisis makanan waktu itu. Kemudian masa perang Jepun, datuk, nenek kita menceritakan bagaimana mereka terpaksa makan ubi. Jadi, permasalahan makanan ini berlaku setiap waktu.

Tapi sekarang ini seluruh dunia *alert* hal ini, ditambah dengan masalah cuaca yang tidak menentu. Macam tahun ini kita harapkan penghasilan yang lebih baik padi tapi kepanasan yang luar biasa berlaku di Kedah, Perlis. Saya sendiri pergi tuai padi tiga hari lepas di Pendang, saya boleh nampak bagaimana sawah itu keadaannya,

padi itu. Walaupun air di bawah tapi panasnya yang terlalu itu, maka hasilnya agak sedikit kurang pada tahun ini kalau di banding dengan yang saya pergi tuai yang pertama dulu di Lat Seribu, di sempadan Perlis, Kedah yang penghasilannya begitu tinggi mencapai hampir 11 tan.

Jadi, yang pentingnya kita kena ada kesungguhan. Kita tidak- bukan cara kita hendak *blame* pemerintah yang dulu, abang Hassan kita tapi kita kena buat *move forward*. Kenapa dulu padi ini tidak ditumpukan sangat? Kerana beras dikeluarkan di Malaysia, kita dengan import, harga tidak jauh.

■1140

Kalau kita RM18 satu beg, beras import RM20, RM21. Jadi, lebih baiklah orang makan beras import. Tapi, bila beras import naik mendadak sehingga lebih RM40, maka dia *sudden* orang mencari beras murah, bukan beras tempatan. Beras murah itu ialah beras tempatan. Maka, itulah yang menjadi sedikit masalah dan kita terpaksa susun semula tatacaranya sampailah kepada hari ini masih ada lagi permasalahan-permasalahan.

Soalnya, Malaysia boleh atau tidak kita capai 100 peratus cukup beras? Boleh. Boleh kerana kita mempunyai potensi yang cukup besar dan tanah yang masih belum lagi dibuka. Sebab itu sekarang ini, misalnya, kita buka tempat-tempat baharu. Di Johor, di Pahang dan yang paling besar, Sarawak, menawarkan 50,000 hektar. Sabah juga mempunyai kawasan yang luas. Masalahnya, masalah infrastruktur. Itu, kerajaan Federal dengan negeri kena bertindaklah. Jadi, kita boleh capai ke arah 100 peratus SSL kalau tumpuan itu diberi. Sebab itu kita panggil—dalam hal itu, dipanggil Gelombang Padi.

Kemudian, kita nak lebarkan ala Sekinchan. Ala Sekinchan bukan apa, ha nya buat sawah ini tumpuan sepenuh masa yang dibuat seperti di Sekinchan itu yang hasilnya di Sekinchan tujuh hingga 12 tan. Selalunya mereka perolehi ke tahap itu. Kalau kita dapat tujuh tan sahaja per hektar, kita sudah boleh eksport beras. Itu yang kita munculkan ala Sekinchan itu.

Begitu juga kita turunkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dulu ke Sekinchan dan tanam padi. Nak memberitahu rakyat masalah padi ini serius. Itu yang kita turunkan dan Baginda juga terlibat dalam usaha tanam padi sekarang di Mersing dan Pekan yang luasnya, bila capai sepenuhnya nanti, lebih kurang 10,000 ekar.

Ini satu simbol yang kita nak beritahu kepada rakyat yang seriusnya kita ke arah mencukupkan beras. Boleh atau tidak? Boleh, saya kata. Tapi, kena ada tumpuan semua pihaklah. Itu Gelombang Padi dan beras ala Sekinchan.

Kemudian, ayam dan telur. *Alhamdulillah*, sekarang dah hampir stabil. Ayam dan telur.

Kemudian, benda baharu yang kita— macam itu juga. Buat apa kita nak tanam di sini? Kita import murah. Tiba-tiba, India mula main iaitu stok eksport bawang. Maka, menyebabkan harga bawang naik melambung. Saya tanya MARDI, boleh tidak ditanam di sini? Boleh. Antaranya, bawang kecil. Sekarang dibuat pembenihan besar-besaran dan 2026 akan mula ditanam secara komersiallah, secara melebar itu.

Begitu juga nanas. Nanas ini, permintaan luar negara untuk nanas kita, 4,000 kontena. Kita baru sediakan 800 sahaja. Ertinya, potensi untuk nanas ini terlalu besar. Kita hanya dapat sediakan permintaan luar satu per lima daripada permintaan. So, bayangkanlah potensi kita. Dan sebarang penambahan nanas ini untuk eksport. Ertinya dapat membantu negara dari segi mengimbangi antara eksport dan import ini.

Ini perkara-perkara yang menjadi tumpuan dan kita kena pergi kepada cara yang moden, *smart* dan sebagainya. Untuk teruskan ini, saya mintalah Datuk Bad menerangkan apa dia program PINTAR yang diusahakan oleh pihak kementerian ini.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Baik. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera, Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Datuk Seri Menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli JKPK yang saya hormati sekalian serta rakan-rakan dan ex-officio yang turut hadir bersama pada pagi ini.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan tadi adalah *reflection of* apa yang perlu kami buat di kementerian. Sebab itu fokus utama kita ialah untuk kita mencari formula baharu bagaimana kita nak mempertingkatkan kecekapan sistem makanan (*food system*) dalam negara kita bagi memastikan, pertamanya, kecukupan bekalan makanan untuk seluruh rakyat negara kita. Dan sekiranya kita ada lebihan, maka pastinya kita boleh meningkatkan pendapatan negara melalui eksport lebihan-lebihan hasil pertanian yang dapat kita gerakkan.

Kita percaya bahawa pertanian memerlukan sentuhan ataupun transformasi yang total, perubahan yang total dalam sistem sedia ada bagi kita mempertingkatkan kecekapan pengeluaran bahan-bahan pertanian khususnya negara kita. Sebab itu kita datangkan satu konsep baharu yang dilancarkan Yang Berhormat Datuk Seri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada Januari, 16 Januari 2024 yang kita namakan sebagai PINTAR.

Jadi, tujuan kertas pembentangan saya pada pagi ini adalah untuk memaklumkan ahli mesyuarat berhubung Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR). *Next slide.*

PINTAR terhasil daripada— akronim ini terhasil daripada apa yang saya sebutkan sebagai Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat. Di situ lahirnya PINTAR. PINTAR juga merupakan pelengkap kepada konsep pembangunan Malaysia MADANI ke arah memperkukuhkan agenda keterjaminan makanan di Malaysia termasuk Ekonomi MADANI yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri di awal tahun 2023 yang lalu.

PINTAR sinonim dengan SMART. *SMART Agriculture*, Pertanian PINTAR. Jadi, sangat relevan. Penggunaan 'PINTAR' itu sendiri menggambarkan hasrat keseluruhan kementerian untuk meningkatkan kecekapan sistem pertanian di negara kita dan juga menggambarkan rangkuman perkara-perkara yang perlu kita berikan perhatian dalam konteks untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran bekalan makanan negara. *Next slide.*

Aspiration PINTAR terhasil daripada apa yang telah diutarakan oleh Ketua Pengarah atau DG FAO iaitu *food security is a shared responsibility. That's a keyword of PINTAR. Shared responsibility.* Ertinya, bukan sahaja Yang Berhormat Datuk Seri Mohamad Sabu, bukan sahaja Yang Berhormat Rasah ataupun Pasir Gudang ataupun Tenggara, tetapi kita semua ada tanggungjawab untuk meningkatkan bekalan makanan negara. *It's a shared responsibility.* Tanggungjawab semua. Ini konsep yang dibawa di peringkat global dan tiba masa untuk kita terjemahkan konsep ini di peringkat nasional di negara kita. *It's a whole government approach, it is a whole nation approach* ya. *Next.*

Ini adalah antara amaran-amaran yang telah diberikan di peringkat global. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Laporan-laporan yang menyatakan bahawa sekiranya kita tidak lakukan apa-apa selepas pandemik COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia pada 2020, maka akan berlaku ketidakcukupan bekalan makanan dunia dan juga *food insecurity* yang mana akan meningkatkan manusia yang lapar, manusia yang miskin, manusia yang berebut, *riot* dan sebagainya kerana berebutkan sumber makanan. Amaran telah diberikan oleh *Global Report on Food Crises 2022.*

Next amaran— next slide— juga telah dilaporkan di dalam laporan *The State of Food Security and Nutrition in the World 2021.* Di situ dinyatakan dalam laporan itu bahawa setiap negara khususnya perlu mengambil *bold action* dan juga mesti melakukan *food system transformation.* Semuanya adalah untuk memastikan kita terus bangkit, segera bangkit daripada pandemik COVID-19, membetulkan sistem pengeluaran makanan negara kita, memastikan bahawa kecekapan pengeluaran

makanan berlaku dan akhirnya rakyat kita menerima cukup bekalan makanan untuk kegunaan harian mereka. *Next*.

Tahun 2022, sekali lagi laporan yang sama menyatakan bahawa keperluan untuk kita mengubah, mentransformasi, melihat dan *review* balik semua dasar-dasar dan juga peraturan yang berkaitan dengan pengeluaran makanan khususnya pertanian untuk kita memastikan bahawa sokongan kita ke arah pengeluaran makanan negara dapat ditumpukan sepenuhnya selari dengan perubahan nama kementerian sebenarnya, Yang Berhormat Pengerusi, daripada Kementerian Pertanian dan Sekuriti Makanan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Keterjaminan Makanan itu merupakan satu penegasan oleh kerajaan bahawa kita tidak boleh pandang remeh tentang keperluan untuk mempertingkatkan kecukupan sektor pertanian negara dan juga untuk memastikan rakyat kita cukup makanan khususnya makanan yang dihasilkan oleh negara kita sendiri. *It is a shared responsibility to ensure that we have food security, we have food sovereignty. Food sovereignty* adalah konsep yang lebih tinggi, lebih ulung, lebih *noble* sebenarnya supaya kita tidak bergantung kepada negara lain untuk memberi makanan kepada rakyat kita

■1150

Dalam laporan yang sama 2022, disebutkan tentang kepentingan *governance* (tata kelola) yang PM sebutkan, yang kita telah pun jadikan sebagai satu dasar baharu di kementerian dan juga di seluruh *public service*.

Kemudian, *strong institutions*. Keperluan untuk kita membina, mengukuhkan institusi-institusi yang terlibat dalam pengeluaran makanan. Dalam R&D, dalam penghasilan dasar dan sebagainya. *Engaging and incentivising stakeholders*. Kita perlu terus *engage* dengan *stakeholders*; dengan petani, penternak, nelayan, dengan pemain industri. Kita kena perkukuhkan komunikasi dengan mereka supaya mereka dapat sama-sama memahami aspirasi kerajaan.

Next slide, 2023, sekali lagi laporan oleh badan yang sama menyatakan bahawa kita kena tingkatan *spending on R&D*. Kekurangan teknologi, kekurangan inovasi menyebabkan sistem pengeluaran makanan kita tidak kukuh, tidak kuat, tidak *sustainable*. Jadi laporan ini menuntut kerajaan kita khususnya untuk kita tingkatan lagi *investment on R&D* dan juga bagaimana kita dapat menghasilkan lebih banyak teknologi penemuan baharu untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan khususnya bahan-bahan pertanian di negara kita.

Technology innovation diperlukan untuk menghasilkan *food environment* yang *healthier*, yang lebih sihat. Jadi ekosistem pengeluaran makanan perlu dipastikan kukuh, efisien, sihat dan dapat menghasilkan produktiviti yang tinggi untuk

menyokong keperluan keseluruhan negara kita. Teknologi juga dikatakan mampu meningkatkan kapasiti. Jadi, inilah antara *keywords* yang kita jadikan sebagai teras PINTAR nanti apabila saya membentangkan slaid yang berkaitan dengan PINTAR itu.

Next slide. Rangkuman tiga atau empat laporan tadi memberikan idea kepada Yang Berhormat Menteri untuk kami di kementerian memikirkan apakah strategi baharu yang perlu dilakukan oleh kementerian untuk kita menyahut seruan daripada FAO, seruan daripada World Bank dan seruan untuk memastikan rakyat kita terus kekal mempunyai bekalan makanan yang *sustainable*, cukup dan *achievable* supaya rakyat dapat akses yang cukup kepada makanan yang berpatutan di negara kita.

Sebab itu, kita hasilkan Program PINTAR. PINTAR (SMART), *SMART Agriculture* (Pertanian PINTAR). Satu pendekatan yang cukup holistik yang perlu kita bawakan dan pendekatan ini sebenarnya bukan baharu. Dilaksanakan di negara-negara maju sudah lama. Di negara kita, kita masih lagi bergerak di atas kapasiti lama yang tidak terlalu pintar, tidak terlalu *smart*. Akhirnya, produktiviti kita tidak tinggi.

PINTAR saya sebutkan tadi adalah Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat. *Keyword*-nya PINTAR cukup sinonim dengan *SMART Agriculture*. PINTAR ini telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri pada Januari tahun ini dan akan menjadi satu pendekatan strategi secara berpacu yang akan dilaksanakan oleh kementerian dan akan memberikan tumpuan kepada lima strategi PINTAR, iaitu pertamanya soal kapasiti. Membina kapasiti, kapasiti menyeluruh. Infrastruktur pengeluaran makanan, institusi dan sebagainya. Kapasiti itu perlu ditingkatkan supaya kecekapan berlaku.

Kedua ialah institusi. Kita perlu berikan fokus kepada institusi-institusi baik swasta, baik kerajaan, baik individu yang terlibat di dalam proses penghasilan makanan di negara kita.

Kemudian, ketiga ialah teras yang berkaitan dengan inovasi. Inovasi ada kaitan dengan R&D yang dikatakan tadi; peruntukan R&D sewajarnya ditingkatkan. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, di bawah Kementerian Pertanian, MARDI hanya menerima sekitar RM40 juta untuk 600 penyelidik. Maknanya cukup RM40 juta untuk kita meningkatkan kapasiti sektor pertanian negara kita. Tapi kita tak akan terhenti di situ.

Keempat, teknologi yang turut melibatkan aspek mekanisasi dan automasi. Soal bagaimana kita nak tingkatan pengeluaran makanan secara *smart*, *precision farming*, *smart farming*, *droning* dan sebagainya. Ini adalah teras yang keempat.

Kelima adalah keperluan untuk kita memecahkan tembok silo untuk kita berkolaborasi di atas prinsip *shared responsibility*. Kalau kita kata kita semua ada

tanggungjawab, tunjukkan tanggungjawab itu melalui kesepakatan. Kita kerja bersama, bergerak bersama, memanfaatkan peruntukan masing-masing untuk tujuan bersama.

Jadi lima prinsip ini, lima strategi ini akan menjadi asas kepada PINTAR yang dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada awal tahun ini.

Next slide. Saya nak tunjukkan kepada Ahli Yang Berhormat sekalian satu laporan oleh Indeks Sekuriti Makanan Global 2022 atau *Global Food Security Index* (GFSI). Untuk makluman GFSI adalah satu-satunya *indicator* di peringkat *international* yang *benchmarking* status keterjaminan makanan di setiap negara.

Ada 133 buah negara yang dikaji oleh lebih daripada 30 ke 50 penyelidik antarabangsa dan Malaysia pada tahun 2022, di-*ranking*-kan di tempat yang ke-41 dunia. 41 daripada 133, kedua di ASEAN selepas Singapura, kelapan di Asia Pasifik. Ini sebenarnya tidak cukup walaupun kita mengatasi negara-negara lain selain daripada Singapura tetapi itu tidak menggambarkan bahawa *food security* dan juga keterjaminan makanan di Malaysia sudah berada di tahap yang memuaskan.

[Merujuk kepada slaid pembentangan] Kalau Yang Berhormat lihat *availability* dan *sustainability*, semuanya merah. Ertinya, sistem makanan di negara kita belum betul-betul efisien. Belum betul-betul dapat menyokong kecukupan pengeluaran makanan untuk rakyat kita. *Agricultural research and development*, 48.7 per cent score kita. Sepatutnya *more than 80 per cent*. Tapi kita hanya mendapat *below 50 per cent*. Ertinya tak cukup *spending* untuk *research* dan *development* bagi pertanian.

Kedua, *irrigation infrastructure*, 10.3 per cent. Bayangkan di peringkat *international* kita di-*ranking*-kan markah kita daripada 100, kita hanya dapat 10.3. Itulah keluhan, itulah rungutan Yang Berhormat Menteri, kami tak cukup peruntukan tetapi kerajaan tak ada duit nak bagi. *Okay, fine. Let's find a way how to settle this problem.*

Nombor tiga, *sufficiency of supply*. Kecekapan *supply* bahan makanan, barang makanan, 27.2 per cent. *Efficiency of supply* ini juga bergantung kepada infrastruktur jentera dan juga jalan ladang yang tidak cukup rangkaianannya. Akhirnya, *production* ada tetapi tidak boleh disampaikan kepada rakyat.

Keempat, *food security agency*, zero per cent. Ini lebih merujuk kepada satu spesifik atau spesifik agensi yang *taking care of food security*. Di negara kita, kita letakkan di bawah kementerian di bawah satu bahagian. Di Singapura, mereka ada *Food Security Agency* (FSA). Itu mungkin yang dimaksudkan kita tidak terlalu *ambitious* untuk memenuhi kehendak nombor empat kerana kita sudah ada

kementerian dan sudah ada bahagian. Cuma kita perlukan kerjasama, peruntukan dan juga *collaboration*.

Sustainability ini penting juga untuk kita lihat *agriculture water risk* dari segi kualiti, *zero per cent*. Ertinya kualiti air pertanian di negara kita bukan keutamaan kerajaan, yang penting adalah kecukupan. Ertinya ada makanan. Berzat, tak berzat, itu *secondary, or tertiary* kerana kita nak pastikan rakyat ada makan ataupun asal ada air sahaja untuk tanam padi ataupun tanam tembikai. Tetapi kualiti air itu bukan lagi keutamaan kerajaan kerana nak cukupkan air dahulu. *Zero per cent internationally*. Kita tidak diberikan perhatian kepada soal kualiti air pertanian; beracun, ada *residue* atau macam mana, kita tak berikan perhatian.

Kedua, kuantiti, kecukupan. Kita hanya cukup untuk *50 per cent* sahaja. Tanam padi setengah bahagian, setengah kawasan hanya sekali semusim setahun kerana menunggu bekalan air hujan. Tidak ada *irrigation*, tidak ada *dam* untuk mengairi kawasan pertanian. *Internationally*, kita di *ranking 50 per cent*. Ertinya kita tak boleh nak banggakan dengan *infra* kita kerana kita masih ada banyak kekurangan.

Political commitment to adaptation. Ini sensitif tapi saya nak tunjukkan *figure 24.6 per cent*. Ertinya, dari segi *politically*, komitmen untuk kita *adopt and adapt* dengan suasana sekarang, semasa dan akan datang, kita tidak sangat beri perhatian. Kita hanya...

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Ya? Menteri sahaja. Menteri dan ahli jawatankuasa JKPK sahaja, yang lain mungkin belum. Ini saya tak nak ulas panjang.

Climate-smart agriculture, zero per cent. Ertinya, orang bercakap tentang ancaman *climate change*, ancaman kemarau, ancaman El Nino. Tetapi, di peringkat kerajaan kita tidak terlalu memberikan tumpuan kepada aspek ini. Jadi, tiba masa untuk kita memikirkan. Sebuah kementerian khusus mengenainya telah ditubuhkan oleh kerajaan sekarang untuk melihat aspek *climate change* dengan bagaimana impak *climate change* kepada sektor agromakanan negara. *It's about time for us* untuk kita *repurposing the establishment of that ministry* dan juga *setting up a special department or special agency* untuk melihat *climate-smart agriculture*.

Keempat untuk *sustainability* adalah *national agricultural adaptation policy, zero percent*.

■1200

So, itulah yang meletakkan kita di tangga 41 daripada 133 buah negara, *internationally*. Itu adalah laporan 2022. Saya percaya tahun 2023 akan keluar.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Tahun 2022.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Itu, itu... *[Ketawa]* Nombor Thailand, Filipina dan Indonesia bawah kita. Jadi, kita *somewhere*. Cuma, dua elemen daripada empat, *affordability, availability, quality and sustainability. Availability and accessibility* adalah kita punya *areas of concern*.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Nombor 4 itu apa maksud itu? *National agriculture adaptation policy, zero.*

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Saya katakan tadi soal – dia berkait Nombor 3 dan Nombor 4 *and then* juga 2, 3 dan 4 itu berkait Yang Berhormat. Jadi, *elaboration* saya mungkin agak terhad tetapi saya boleh katakan bahawa bagaimana kerajaan memandang tinggi, memandang penting keutamaan kepada ancaman perubahan cuaca kepada sektor *agriculture* ataupun *food security*. So, ia *interrelated intertwine* di antara 2, 3 dan 4. Kita kena ada komitmen untuk tubuhkan, untuk salurkan peruntukan contohnya, untuk melantik orang-orang tertentu untuk melihat. Kemudian, kita kena ada sistem pengisian. Macam mana kita hendak menangani isu perubahan cuaca dengan strategi yang tertentu, dengan kaedah tertentu.

Keempat ialah *national agriculture adaptation policy*. Mungkin dari segi *adaptation* kita, dasar-dasar untuk *adopt and adapt* dengan keadaan cabaran itu. Mungkin itu yang dimaksudkan. *But, we need a special session for this* Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya rasa Yang Berhormat sangat berminat dengan subjek ini. *We will provide you, furnish you with the full report. Then YB can go through and perhaps one day YB can pay a visit to our ministry*, ke kementerian kami, kita boleh bagi taklimat khusus berkaitan dengan ini.

Saya mohon izin untuk bergerak ke *next slide*. Cabaran kita Yang Berhormat. Kita bergerak ke sebelah kanan dulu, *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Kadar Sara Diri, 8 komoditi utama. Beras, Datuk Azman tanggungjawab dia dan kami semua. 62.6 peratus adalah indikator pengeluaran beras dalam negara, beras putih tempatan. Cadangan kita, sasaran kita tahun 2025, tahun depan 75. *You can see the huge gap*. Ertinya, di peringkat perancangan dahulu, kita mampu tetapi *along the way* sebenarnya cabaran-cabaran yang kita hadapi menyebabkan kita mungkin sukar untuk mencapai *75 percent by 2025*. So as 2030, *80 percent another six years to go* untuk kita capai 80 *which is* kalau kita tidak tangani segera, kalau kita tidak buat *transformation*, tidak ada *bold action*, maka tidak mungkin kita boleh capai.

Buah, sayur, itu mungkin *less concern* sebab rakyat ada pilihan ya. Masing-masing ada kegemaran sayur dan buah. Jadi, kita tidak ada isu besar tentang bekalan buah dan sayur.

Daging lembu, kita hanya menghasilkan sekitar 20. Data terkini hanya *14.8 percent. Drop almost six percent* daripada sebenar. Ini ancaman kerana bekalan protein negara perlu disokong dengan kukuh untuk rakyat tetapi kita mengimport 80 peratus daripada keperluan protein negara, bernilai tidak kurang daripada RM2.7 bilion setahun. *Importation of beef* ataupun *meat* daripada luar negara daripada lebih 28 negara yang telah pun kita uji lojinya, nilainya tidak kurang daripada RM2.7 bilion setahun. *So, you just imagine the size of* pengeluaran keluar wang *currency* kita.

Tuan Pengerusi: Datuk, saya tanya soalan ringkas. Daging lembu saja RM2.7 bilion? Kambing ...

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Lembu, kerbau. *Yes, yes. RM2.7 bilion the value, transaction value* ya. *So, you just imagine* kita punya BOT. *That's why balance of trade* negara kita tinggi *on agriculture. Gap huge* sebab *importation of food stuffs* daripada luar negara tinggi. Kita mengeksport kurang daripada apa yang kita import. YB semua terkejut ya?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: *That's the current state of us.* Itu Yang Berhormat Kota Raja kena gelak, kena marah, kena maki *because of this. Then, nobody pay attention to this.*

This is our challenges. That's why it's a shared responsibility. Let's understand this issue, let's understand to get – let's find a way on how to solve this problem. It's our people. It's of your – our house, our children, our kids, our generation. Don't talk about kita – "Oh, ini you punyalah, ini bukan saya punya". No, it's for everyone. That's why we need the whole of government, whole of nation approach for this.

Daging, kita 20 peratus. Daging, ayam, itik kita *94.4*. Kita pernah *100 and 0*. Ertinya, kita pernah ada surplus. Sebab itu masa itu kita mengeksport ayam *broiler* ke Singapura, ke Hong Kong, ke Korea dan sebagainya, ke Papua New Guinea. Tetapi sekarang ini bekalan makanan untuk negara berdasarkan data ini tak cukup memenuhi keperluan negara. *That's why, some of it* kita terpaksa import ya. Cuma, *speciality, sorry –* dipanggil *coloured chicken. Coloured chicken, black chicken* ataupun ayam kampung, kita eksport kerana itu bukan pilihan utama rakyat. Rakyat hanya memilih *broiler* ataupun ayam daging biasa untuk kegunaan harian.

Telur ayam, *108*. Ertinya, tak ada keperluan untuk kita import pun telur sebenarnya. Tetapi insiden *or incidences last year or last two years due to certain factor* yang mana ia *seasonal* sahaja. Yang Berhormat Datuk Seri Menteri pernah meminta Kerajaan India memberikan pelepasan import daripada mereka dan kita dapat kerjasama yang baik untuk memenuhi tuntutan semasa rakyat. Sebenarnya, kapasiti dalam negara, cukup memenuhi keperluan rakyat.

Establishment daging ayam, sebenarnya negara kita *more than 4,500 establishment* ladang ayam. Kita *more than enough* sebenarnya kapasiti tetapi disebabkan oleh COVID-19, pekerja-pekerja Indonesia khususnya balik kampung. Kalau ada 10 ladang, lapan sahaja buka dan dua tutup. Kalau ada 20, mungkin 15 buka dan lima tutup kerana tak cukup pekerja, kerana kekangan untuk bawa masuk pekerja asing. *Every cycle of chicken* ataupun *broiler and layer*, kita perlu buat *clean up, clearance, cleansing*. Ertinya setiap ladang perlu dibersihkan bakteria, penyakit dan sebagainya sebelum anak ayam baru, DOC baru masuk. Jadi, kerja-kerja ini memerlukan pekerja mahir, khususnya daripada Indonesia dan Bangladesh.

Kekangan peraturan semasa tidak mengizinkan ladang-ladang kita beroperasi secara optimum. Sebab itu berlaku kekurangan bekalan *certain time* tetapi kita *able to settle by importation* daripada negara-negara tertentu yang kita kenal pasti, yang telah pun dibuat naziran. Kita kena buat naziran untuk memastikan tidak ada penyakit ataupun ancaman kepada *food security* atau biosekuriti negara.

Susu segar, 57.3 peratus. Rakyat kita sekarang suka minum susu *which is good*. So kita nak rakyat *a healthier and smarter, a brilliant future generation* dan kempen minum susu sekolah untuk anak-anak dan sebagainya nampaknya mendapat sambutan yang baik. Sebab itu susu segar ataupun *poultry industry* negara kita – sorry, *dairy industry* negara kita berkembang secara *mushrooming* ya. Banyak *investor* masuk untuk melabur, untuk membuka ladang-ladang susu tenusu di negara kita. *So, this is good indication but then we need more. We need to do more.*

Ikan, walaupun kita bergelut dengan macam-macam isu, ikan *almost 90.2 percent* dari segi SSL. Kita menghasilkan banyak *high value fish* yang kita eksport. Contohnya, akuakultur yang menjadi keutamaan Menteri. Kita antara negara penghasil ikan akua yang baik di rantau ini dan kita eksport kerana *high value* untuk keperluan restoran-restoran yang *high value*, premium dan kita import ikan rakyat. Ikan kembung, ikat jaket, ikan-ikan tongkol yang mana keperluan B40 dan M40 biasanya kita import daripada negara Indonesia, Thailand untuk kita memenuhi keperluan.

This is a market driven ya. So, ramai rakyat B40 dan M40 memerlukan ikan-ikan begitu tetapi siakap, merah, jenahak semua itu kebanyakannya kita eksport untuk dapatkan *return* yang baik untuk ekonomi. *But then*, kalau ada *demand local* kita akan penuhi ya. Jadi, sasaran kita untuk ikan 95 dan 98.

Sektor perikanan, ancaman utama sekarang ialah pencerobohan. Bagaimana nelayan asing masuk, *easily* masuk, *they encroach our water* dan tangkap ikan kita, di *water* kita dan ancaman kekurangan kru. Saya nak *share* dengan Yang Berhormat sekalian. Sektor perikanan negara menghasilkan RM15

bilion *income* kepada negara setiap tahun, 1.9 juta metrik tan setahun didaratkan. Sasaran kita ialah 40 peratus daripada marin, ikan tangkapan. Ertinya untuk Zon C, khususnya C2, kita menyasarkan 30 peratus keseluruhan ya.

Tetapi sekarang ini kita beroperasi di tahap 14 peratus. Kenapa? Daripada 130,000 pekerja sektor perikanan, 30,000 adalah kru asing. *Why* kru asing? Ini kerana bot C2 yang jumlah sekitar 740 buah di seluruh negara, sebuah bot memerlukan antara 25 ke 30 kru, semuanya bergantung kepada kru asing seperti Myanmar, Vietnam, Indonesia dan sebagainya kerana rakyat kita tidak mahu.

■1210

Itu fakta yang sukar Yang Berhormat Menteri Pertanian hendak jawab. Rakyat kita realitinya tidak nak bekerja di atas bot itu kerana *hardship* di atas bot. Mungkin tidak ada *internet*, mungkin tidak ada *TikTok*, mungkin tidak ada Facebook, maka mereka tidak berminat. Kita guna selalu 3D. Sebenarnya kita sudah cuba macam-macam cara tetapi kita gagal memenuhi. Kalau tidak ada kru asing, ertinya bot C2 yang *100 percent* menggunakan kru asing, tidak akan berlayar. Kalau 740 buah bot C2 tidak belayar, ertinya 30 ke 40 peratus nilai ikan tangkapan akan hilang. Jadi, saya mohon sangat kerjasama Yang Berhormat untuk bantu kami, untuk kita yakinkan, terutamanya KDN, kedua KSM. Kita perlu gajikan kru asing untuk menggerakkan 740 buah bot C2 di negara kita yang sekarang ini terbeban dengan soal PLKS.

Praktis lama, nelayan asing dibenarkan bekerja di negara kita menggunakan Seaman Pass. Seaman Pass tanpa passport. Ertinya, mereka masuk melalui laut, dikeluarkan Seaman Pass, diberikan permit bekerja oleh Ketua Pengarah Perikanan, boleh bekerja. Mulai 1 Januari 2022, KDN, JIM dan juga KSM mengeluarkan syarat baru, semua kru asing wajib ada passport dan ada cop lakri. Ertinya, ada passport, masuk melalui pintu masuk sah. Kita sudah ada lebih kurang 11,000 pekerja asing nelayan yang sudah berada di atas bot kita yang tidak ada passport dan tidak ada cap lakri. *What happened to them?* Sebahagian dari mereka adalah *stateless* yang tidak diterima oleh negara asal. Sekiranya kita tidak bantu mereka, kalau kita tangkap, kita kurung di depoh, pecah depoh.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Belum tau.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Belum lagi. Ini *first time* saya hendak sebut ini.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Ini para MP nak kena tahu ini. Kita jangan— kalau boleh, jangan... [*Tidak jelas*]

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Saya tidak nak Menteri bercakap, nampak *politicking*. Biar kami yang bercakap. Ertinya, apabila pegawai yang bercakap, Yang

Berhormat dapat maklumat sebenar. 130— eh, *sorry*. 38,000 kru asing untuk sektor zon C2, ada 11,000 yang sekarang ini berstatus *stateless*. Sudah digajikan sebelum ini tetapi terperangkap oleh dasar. Dasar semasa tidak membenarkan mereka diberikan PLKS kerana tidak ada pasport dan tidak ada cop lakri masuk melalui pintu sah. Tetapi sudah masuk kerana menggunakan Seaman Pass yang dibenarkan sebelum ini. Jadi, kalau kita tangkap, saya katakan tadi, sumbat ke depoh, satu pekerja, kos dia RM12 untuk makan. Kalau kita hendak kurung 11,000, ertinya lebih kurang RM50 juta ke RM53 juta setahun kerajaan kena *spend* untuk kurung mereka sahaja. Itu belum lagi sakit, pakai, mati dan sebagainya. Kalau pecah depoh macam hari itu, lari *cross highway*, kena langgar, pecah perut, kita kena jawab pula. ILO dan juga Human Rights di peringkat *international* akan saman kita.

So, kita cadangkan dan kami akan bentangkan satu kertas supaya mereka ini dibenarkan bekerja di atas bot, menggerakkan kapal, tangkap ikan untuk kita dan kita gunakan pas khas, menggunakan Seaman Pass. Seaman Pass pengecualian untuk membolehkan sektor ini bergerak. Itu yang kita hendak sokong. Kalau boleh Yang Berhormat timbulkan dalam ucapan perbahasan. Tolonglah Abang Mat kita ataupun Yang Berhormat Datuk Seri, selesaikan masalah perikanan yang sudah lama. Saya *fight* isu ini dah dua tahun. Tidak ada kesudahan kerana mereka melihat ini ancaman. Bila sebut kru asing, *criminal*. Sebut kru asing, *criminal*. Kita sudah bina SOP supaya tiga *layer of protection*. Pertama, pemilik bot wajib menjadi *guarantor*. Kiranya mereka ada katakan 50 kru asing tanpa pasport, mereka adalah *guarantor*. Ertinya, kru ini hanya boleh duduk di atas bot mereka, belayar— balik ke jeti— daratkan ikan, belayar— balik ke jeti dan daratkan. Itu sahaja.

Kedua, Pegawai Perikanan Daerah akan menjadi inspektor, memastikan bahawa keberadaan mereka di atas bot disahkan. Ketiga, OCPD akan membuat naziran. Tiga *layer of protection*. Kalau tidak yakin lagi dengan sistem itu, kami pun tidak tahu macam mana hendak yakinkan Jawatankuasa. Itu sahaja cadangan yang kita boleh utarakan untuk menyelesaikan masalah *fishery industry*. Nampak remeh, nampak mudah tetapi payah bagi kami. Kalau Yang Berhormat dapat bantu, *alhamdulillah*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Datuk, nak tanya sikit yang 11,000 ini, mereka memang lama dah?

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Sudah setengahnya 15 tahun, 20 tahun, ada yang 30 tahun.

Tuan Pengerusi: Maknanya, benda ini dah berlaku lama.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Yes.

Tuan Pengerusi: Cuma dua tahun terakhir ini... [*Tidak jelas*]

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Kita hendak *legalize* sahaja. Sebab perubahan peraturan. Peraturan lama membenarkan mulai 1 Januari 2022, kerajaan buat satu dasar, semua wajib PLKS dan untuk isu PLKS mesti ada passport.

Tuan Pengerusi: Okey. Jadi, saya minta siapa yang belum bahas ya? Saya dah bahas dah semalam. Siapa? *You* belum? Mungkin Yang Berhormat Tenggara boleh apa sikit.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Yang Berhormat Tenggara ke...

Tuan Pengerusi: Sebab saya nampak, kalau kita benarkan yang ini, *special case* untuk 11,000, yang itu dah ada di sini.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Dah ada.

Tuan Pengerusi: Satu, ada *income* daripada sektor perikanan.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Yes.

Tuan Pengerusi: Yang kedua, jangan kita lambakkan dekat depoh.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Depoh.

Tuan Pengerusi: Nanti jadi isu lain.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Jadi, lambakan.

Tuan Pengerusi: *So, it's a win-win. For me it's a win-win.* Mungkin...

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: *Another point, water* kita, bila bot kita belayar... *[Tidak jelas]* tidak masuk. *This is Malaysian water* sebab ada bot Malaysia.

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara]: Saya...

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Sekarang *water* kita kosong, Yang Berhormat.

Tuan Manndzri bin Nasib: Tuan Pengerusi, saya respons sikit. Saya rasa saya suka hendak bercakap benda ini tapi cuma saya hendak tanya sahaja. Dia *stateless*, so maksudnya, negara dia pun...

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Dia begini, Yang Berhormat. Kalau kita lihat faktor geopolitik, kebanyakan di Myanmar, di Vietnam, *remote areas* apabila berlaku krisis di negara mereka, keluarga mereka pecah belah, anak-anak mereka yang tidak ada hala tuju, dia lompat masuk bot jadi tukang pungut ikan, jadi tukang cuci dan sebagainya. Dia membesar di atas bot sampai sekarang, *mostly*. Dia adalah mereka-mereka yang tidak ada dokumen, yang terkesan oleh *geopolitical* punya *factor* di negara asal, *mostly*. Jadi, diambil dan dia lompat dari satu bot ke satu bot tetapi *they are able to have that Seaman Pass* dan akhirnya, digajikan oleh majikan kita dan Ketua Pengarah Perikanan keluaran permit bekerja.

Mulai 1 Januari 2022, mereka-mereka ini tidak lagi boleh digajikan kerana tidak ada passport untuk buat PLKS. Mereka sudah ada atas bot. Kalau kita tangkap, hantar depoh, sampai mati kita kena bela dia. Tetapi kalau kita benarkan mereka

bekerja atas bot, dia tangkap ikan, bot kita belayar, kita dapat hasil, mereka juga ada *income* untuk hidup.

Tuan Manndzri bin Nasib: Datuk Badrul, saya hendak tanya itu, tadi Datuk sebut dia orang ini datang hantar dekat kita punya jeti, lepas itu pergi lagi laut.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Jeti, yes. Dia tidak boleh naik darat.

Tuan Manndzri bin Nasib: So, daratan mana dia orang...

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Dia tidak boleh naik ke darat.

Tuan Manndzri bin Nasib: Dia orang duduk dekat laut sahaja?

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Duduk atas bot.

Tuan Manndzri bin Nasib: Kahwin apa semua macam mana?

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Tidak ada. *Don't talk about that.*

Tuan Manndzri bin Nasib: Dia orang dah jadi mesin dah.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Tidak ada apa dah. Dah tidak ada tempat. Dia tidak ada tempat hendak lepas.

Tuan Manndzri bin Nasib: ILO okey?

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: ILO sekarang ini kita ke arah...

Tuan Manndzri bin Nasib: Tak, kita macam zalim tau pada dia sebab dia orang...

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: *Thats reality.*

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Dia orang ini semua dalam pengetahuan KDN. Dalam Kabinet ada cakap...

Tuan Manndzri bin Nasib: Mereka ini manusia tanpa negara.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: *Stateless. Quote by quote – stateless. Quote by quote*, maksudnya...

Tuan Manndzri bin Nasib: Mana nak cakap dalam Parlimen.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: *Mostly Myanmar. But, we can furnish you with further info*, Yang Berhormat. Kita boleh bantu tapi Yang Berhormat kena *fight*.

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: *That is why.* Kita hendak *legalize*-kan mereka melalui pemberian permit khas dan dijaga oleh majikan, dinazirkan oleh Pegawai Perikanan Daerah, dinazirkan oleh OCPD, PDRM.

Tuan Manndzri bin Nasib: Maksudnya, bila saya bercakap dekat Parlimen ini nanti, kalau adalah orang hendak bawa isu ini kan? Maksudnya, kita bukanlah memperalatkan, kita mengguna sumber tenaga...

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Memanfaatkan, memanfaatkan.

Tuan Manndzri bin Nasib: ...manusia tanpa rakyat...

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Yang sudah ada dalam negara.

Tuan Manndzri bin Nasib: Yang sudah ada dalam negara kita ini. So, kesan dia kepada pandangan dunia kepada kita ini.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Kita memberi makan, memberi kehidupan daripada mereka di— balik negara, mereka kena tembak. Mereka tidak ada...

Tuan Manndzri bin Nasib: Maksudnya, tanpa kita ini, mereka mati lemas dekat lautlah.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Yes.

Datuk Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian (Pembangunan Industri Padi) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: Isunya Yang Berhormat, yang penting pekerja, pekerja *local* tidak nak kerja.

Tuan Manndzri bin Nasib: Betul. Itu memang kita punya keperluan. Ini bila kita sebut ini nanti, kesan daripada apa yang kita sebut ini, kalau ada orang *pick-up*, macam Malaysia meraikan satu keadaan di mana manusia tanpa negara dan— “digunai”lah istilahnya itu.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: *Thailand* pernah praktis. Di *Thailand* ada pas khas, *special pass given to this kind of people* dan diterima di peringkat *international*. Dia ada *Green Card* yang digunakan. Kita ada contoh model itu. Kita pernah *proposed* sebenarnya.

Tuan Manndzri bin Nasib: Kita akan memberitahu dunia bahawa ada 11,000 manusia tanpa negara tau maksudnya, kalau kita beritahu. Dia ke sana pun tidak, ke sini pun tidak, *yet* kita ambil faedah daripada dia.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Dia sama ada tidak ada *in nature* ataupun rakyat dia— kerajaan dia tidak nak mengaku.

Tuan Manndzri bin Nasib: Tuan Pengerusi, saya *ready* hendak cakap benda ini tapi bereskan yang benda-benda itulah. Jadi, saya cakap.

Tuan Pengerusi: Okey, *you take the task*.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Terutama sekali, UNHCR nanti akan tengok.

Tuan Manndzri bin Nasib: Ha, kita boleh cakap. Kita selesailah masalah pertanian kita ini, ikan kita ini tetapi takut dia ada impak lain. Ini Datuk-datuk selesaikanlah. Saya boleh cakaplah ya.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Saya pun tidak pernah jawab, orang pun tidak pernah tanya.

Tuan Manndzri bin Nasib: Tak, bila saya sebut ini, Abang Mat nanti kena gulung nanti. Ha.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Tidak apa. Kita dah ada. Kita dah apa *paper* pun fasal ini. *Ready to be presented in Jawatankuasa Bersama*. Dah ada.

Tuan Manndzri bin Nasib: Ya, boleh.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu Dalam Kabinet kita ada bincang hal ini.

Tuan Manndzri bin Nasib: Aha, ha.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Dalam Kabinet.

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Boleh.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Sebab daripada dia tidak ada tidak ada kerja...

■1220

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Yes, yes...

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...dan sebagainya. Satu, kita bagi dia kerja. Dari segi kemanusiaan, kita dah lakukan. Memanglah dia tak naik ke darat dengan kita. Cuma, satu, kita bagi dia hidup. Kedua, dia bantu sektor perikanan kita.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Gerakkan ekonomi.

Tuan Pengerusi: Orang kita tak mahu pergi. Benda ini dah berlaku.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Yes.

Tuan Pengerusi: Lainlah kalau kita pergi...

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Ambil yang baru.

Tuan Pengerusi: Ambil baru. Okey, *you all* siapa *nak* datang...

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Tak ada, tak ada. Ya.

Tuan Pengerusi: Tak adalah macam itu. So, apa yang sudah berada di sini, yang 11,000 itu. Okey.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: *We are addressing the current issue.*

Tuan Pengerusi: Ya, okey.

Tuan Manndzri bin Nasib: Cuma, saya punya kebimbangan – tak apalah. Nanti sediakan barang, saya akan jaga. Cuma, kebimbangan saya adalah...

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Kebanyakan umur mereka 50 ke atas dah, *almost* 60.

Tuan Manndzri bin Nasib: Yang Berhormat, *because of* kita cakap itu, UN pun cakap, dia *force* kita, “*You, 11,000 ini ambil jadi rakyat.*” Ha, jangan main-main.

Beberapa Ahli: Tak boleh.

Tuan Manndzri bin Nasib: *[Ketawa]* Tak. Saya menjangka – kita punya jangkaan. Tapi, *you all prepare*-lah barang itu, Yang Berhormat ya?

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Boleh, boleh. Ya, boleh. Okey, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Jawapan nanti saya akan *shared*, tanya juga pandangan KDN.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Cabaran sektor agromakanan, kita *well-known*-lah, kita tahu. [Merujuk kepada *slaid pembentangan*] Yang di sebelah kiri itu ada – saya tunjukkan dekat situ ada tujuh atau lapan cabaran utama. Kebergantungan kepada subsidi, *highly subsidised, low productivity*. Bekalan ayam telur walaupun nampak tinggi, tetapi dia terkesan oleh *fluctuate* harga *up and down* kerana kebergantungan kepada input makanan.

We are importing tiga juta *metric ton grain corn*. *Value*-nya tidak kurang daripada RM6.2 bilion setahun. Kita import daripada Brazil dan Argentina untuk dijadikan bahan makanan *broiler, layer* dan juga *pig farming* ya. Jadi, kalau harga di luar negara naik, maka harga ayam di negara kita naik. Sebenarnya itu betul, *that's a fact*. So, bukan – sebab itu kita buat kawalan harga. Kawalan harga, kita kena *subsidise*. Untuk dua tahun terakhir, kita bayar RM2.8 bilion subsidi untuk mengimbangi *fluctuate* harga di peringkat *global market* ya.

Kebergantungan kepada negara asing. Itu fakta. Industri padi beras tidak kompetitif. Ini yang Datuk Azman nak *come up with* Gelombang Padi dan juga SMART Padi Sekinchan, SMART SBB dan sebagainya.

Import dan kos bahan pertanian tinggi. *That's very true*. Harga import bahan untuk hasilkan baja dan juga racun daripada luar negara meningkat sehingga 400 peratus, dua tahun lepas. Sebab itu NAFAS terkesan dan mereka perlu bantuan tinggi daripada kerajaan untuk membolehkan mereka meneruskan khidmat kepada pesawah membekalkan baja ya kerana kos input disebabkan perang. Rusia-Ukraine perang, maka import bahan-bahan baja daripada Belarus, belah-belah blok Rusia terkesan. Dan kos yang tinggi ya.

Adaptasi teknologi rendah. *Very low adaptation to technology*. Kita faham *investment* untuk teknologi tinggi dan tidak banyak syarikat yang sanggup untuk berbelanja. Mereka lebih suka menggunakan *labour-intensive rather than technology-intensive* ya.

Kemudian, bajet dan pelaburan yang rendah. Bajet rendah yang saya nak kongsi dalam PINTAR sebenarnya. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap tahun kita hanya menerima sekitar RM5.3 bilion setahun, keseluruhan. Untuk pembangunan, hanya RM1.8 bilion dan untuk membangunkan sebuah *dam* pengairan, kita memerlukan sekitar RM500 juta ke *RM1 billion*. Sebuah empangan.

Jadi, bayangkan tadi kalau lihat *GFSI Report*, kualiti *irrigation system* kita 13 peratus daripada 100 peratus kerana kos untuk kita membina *dam* sangat tinggi dan kerajaan belum bersedia untuk membuat pelaburan. Dan kualiti air kita tadi, kalau Yang Berhormat cukup – dan kuantiti. *50 per cent* saja cukup. Jadi, kita kena buat takungan air lebih banyak untuk membolehkan padi dua kali setahun ditanam di seluruh negara. Itu adalah antara cabaran.

Next slide. Saya *just* nak tunjukkan bagaimana PINTAR dan MADANI *go hand-in-hand*. Kita sebenarnya melengkapi. Kalau kerajaan sekarang mempopularkan pendekatan Malaysia MADANI yang mana antara teras yang disebutkan ialah kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan, PINTAR *come put with* kapasiti institusi, inovasi, teknologi dan kolaborasi. Semuanya boleh *di-link up*, boleh dihubungkan dengan teras-teras di bawah MADANI. Yang paling penting, menepati tiga Rukun MADANI yang utama. Kemampanan, daya cipta dan keyakinan.

Jadi ertinya, apabila kerajaan sekarang menghasilkan pendekatan pembangunan Malaysia MADANI, KPKM melalui Yang Berhormat Datuk Seri Mohamad Sabu *come out with PINTAR* untuk melengkapi, *to mirror MADANI approach* dalam konteks agromakanan.

Next slide. Ini adalah konsepnya. PINTAR di bawah, di lapisan paling bawah. Ertinya, kita kena gunakan, kita *translate*-kan, kita laksanakan lima Rukun PINTAR; peningkatan kapasiti, peningkatan penambahbaikan institusi, peningkatan inovasi dan teknologi serta kolaborasi, dia akan menyokong sembilan hala tuju fokus Menteri.

Untuk makluman Yang Berhormat, 2023 ada lima keutamaan untuk Menteri memacu akuakultur. Saya katakan tadi, akuakultur tinggi pendapatan. Kita nak tingkatkan lagi pengeluaran akuakultur supaya kita boleh tingkatkan eksport dan mengurangkan import.

Feedlot; kita nak tingkatkan pengeluaran daging. 20 peratus tak cukup. RM2.7 bilion kita beli daging. So, lebih baik kita tingkatkan kapasiti *feedlotting* di negara kita.

Jagung bijian, saya katakan tadi kenapa tiga juta tan setahun kita import. Nilainya RM6.2 bilion setahun. Kalau kita boleh tanam dalam negara, 10 peratus setahun ataupun 10 peratus dulu kita sasarkan, kita hanya perlukan 60,000 hektar. Satu hektar, lima tan. Maka, kita boleh memenuhi 10 peratus keperluan semasa. Kita tidak terlalu *ambitious*, sebab jagung bijian adalah saingan kepada padi kerana kita ada masalah *land competition*.

Jadi, saya nak cadangkan kalau Yang Berhormat bercakap, berdebat soal komoditi, Yang Berhormat Johari Ghani, kata “*YB, saya nak cadangkan enam juta hektar sawit, ambillah satu peratus, dua peratus atau 10 peratus untuk tanam jagung*”. Ertinya, kalau satu syarikat dia ada 100,000 hektar, ambil *10 per cent*, 10,000 hektar tanam jagung. Kerana, harga jagung lebih baik daripada sawit. Sekarang. Walaupun setahun lepas ya. Jadi, ini adalah *national mission* untuk menyelesaikan masalah rakyat dan negara.

Syarikat sawit macam Genting sudah pun ke depan. Mereka sudah pun menanam sekitar 30 hektar untuk *pilot project* dan mereka nak melihat untung rugi ROI dalam tempoh tiga tahun, adakah *investment* untuk menanam *grain corn* ini menghasilkan keuntungan kepada syarikat ya.

Kita perlukan 600,000 hektar untuk memenuhi tiga juta tan. Kalau kita boleh tanam 600,000 hektar seluruh negara, sebenarnya kita boleh mengeksport jagung bijian. Jagung bijian telah dimulakan di negara kita tahun 80-an bersama dengan Thailand, bersama dengan Indonesia dan Filipina. Waktu itu kita *stop* kerana kerajaan waktu itu memberikan keutamaan kepada sektor perkilangan, perindustrian, bukan pertanian. Kita *stop*. Kita kata beli lebih baik daripada tanam. Tak ekonomi tanam. Thailand, Philippines dan Indonesia teruskan. Sekarang ini Indonesia adalah *net exporter of grain corn*. Mereka menghasilkan lapan juta tan setahun dan mereka mengeksport ke dunia. Filipina menghasilkan lima juta tan *net exporter of jagung*. Thailand juga berjaya memenuhi keperluan mereka. Malaysia baru nak *start* balik.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Mula balik.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Mula balik. *So, better late than never.* So, untuk jagung ini, sebenarnya pada Oktober 2022, Kabinet telah buat satu keputusan untuk mengarahkan Kementerian Pertanian mengindustrikan jagung bijian di negara kita. Dasar sudah ada. Cuma, *implementation* saja memerlukan *whole-of-nation approach*.

Tuan Manndzri bin Nasib: Tuan Pengerusi, sikit saya nak mencelah ini sebelum terlupa. Mungkin juga oleh kerana dasar dah ada, kita ada agensi-agensi yang banyak tanah ini.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Ya, yes.

Tuan Manndzri bin Nasib: FELDA, RISDA, misalannya. Kalau ada – bukanlah surat arahan. Maksudnya, ada satu surat untuk panggil taklimat dan sebagainya. Kita pun *ready*. Saya pun *Chairman* RISDA. Saya ingat kalau setakat nak apa nama ini, yang ada-ada nak tanam jagung ini, saya rasa kita pun ada tanah. Mungkin dipanggilkan taklimat dan sebagainya ini, Datuk Seri, supaya kita boleh *work out* kepada dasar yang nak kita buat ini dan berpotensi pula itu.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Terima kasih, YB. Saya nak panggil yang pertama, nak panggil YB dululah sebagai pengerusinya. Genting sudah, FGV sudah, anak syarikat kerajaan negeri sudah. *We need more.* Sebab itu, saya akan datangkan PINTAR. Di bawah PINTAR ini, kita akan gabungkan, semua datang. *Please*, ada tanah, *let's invest into grain corn for national mission*. Buat untuk negara dan rakyat.

Tuan Manndzri bin Nasib: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Yes.

Tuan Manndzri bin Nasib: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Thank you, YB. Bercakaplah dalam Dewan supaya orang semua beli idea kami. Okey.

Lima keutamaan 2023, ada empat keutamaan 2024. Menteri tambah. Nanti Datuk Azman akan sebut fasal Gelombang Padi, nak tingkatkan penghasilan padi. Meneroka potensi baka ayam baharu. Kita baru balik daripada – yang ini, Yang Berhormat Menteri akan ulas nanti apa *mission* yang terbaharu dia. Bawang, kita nak tanam sendiri kerana India akan ataupun sedang *ban* bawang. Bawang tak ada, masakan tak sedap.

Nanas, daripada kita tanam secara kecil-kecilan ataupun hanya satu persen daripada *world market* yang Malaysia punya hasil. *Malaysia only contributing one percent to the global market. So, we need to increase this potential* kerana nanas sangat subur, YB Pasir Gudang, di Johor. Ini adalah *baby* negeri Johor.

■1230

Kalau boleh kita tanam nanas *intensively*, sekali tanam tiga kali tuai. *That is a concept* baharu yang kita bawa. Ertinya setiap hasil nanas boleh digunakan tiga *layers*. Buah untuk makan, untuk ditinkan. *Silage* untuk dijadikan bahan makanan ternakan. Anaknyanya boleh dijual sebagai benih. So, sekali tanam tiga kali tuai. *That is a concept* baharu yang kita nak buat.

Itu semua *under* PINTAR. Sekiranya PINTAR berjaya sembilan hala tuju fokus dapat kita perkasakan ia akan menjurus ke arah tingkat nombor tiga, cukup terjamin. Ini adalah *tagline Minister*. Makanan cukup saya jamin. Itu yang kita nak. Tapi sebelum sampai ke situ banyak kerja yang kita nak buat. Akhirnya kalau cukup, jamin menepati misi kita, keterjaminan makanan – *national food security*. Itu sahaja. Mudah sahaja *framework*-nya, yang penting ialah macam yang Yang Berhormat Tenggara tadi *offer* kita untuk datang. *We are more than happy to collaborate with you sir*, Yang Berhormat. Saya sendiri akan beri taklimat kepada Yang Berhormat sebagai pengerusi nanti fasal perkara ini.

Next slide. Ini model kerjasama yang cuba saya dan kita nak cuba nak gambarkan kepada Yang Berhormat sebenarnya. Kenapa saya bawakan PINTAR atau kami bawakan PINTAR? Kerana kami tak cukup duit. Tadi saya katakan peruntukan Yang Berhormat hari pertama dia masuk mempengerusikan mesyuarat di Kementerian Pertanian daripada MINDEF. Dia kata ada MINDEF ada RM15 bilion. Kementerian Pertanian hanya ada RM5 bilion. Mana cukup. Memang tak cukup.

Jadi untuk cukupkan itu, kita tak perlu minta lebih daripada kerajaan. Kita hanya memanfaatkan peruntukan yang sudah ada dalam kementerian-kementerian

yang pelbagai. Saya nak bagi contoh di sini. Keseluruhan peruntukan kerajaan setahun sebagai contoh 2023, kerajaan membelanjakan RM388 bilion, contoh slaid sebelah kira paling atas warna biru. RM388 bilion, 2023, disalurkan melalui Kementerian Ekonomi kepada 27 kementerian.

Kementerian Pertanian dapat RM5.4 bilion. Dengan RM5.4 bilion, mana cukup kita nak perkasakan *food security* di Malaysia. Tak cukup. Kalau kita cakap, kita hanya menjerit, kita protes tak cukup. Kerajaan kata, "*aku dah tak ada duit nak bagi, carilah creatively*". Sebab itu datangnya PINTAR untuk kita bekerjasama dengan semua 27 buah kementerian lain.

Kita sasarkan – di bawah itu Datuk Seri, sasaran tiga peratus sahaja peruntukan di pelbagai kementerian. Ertinya KKLW ada RM15 bilion, tiga peratus daripada RM15 bilion adalah untuk *support food security*. Bukan peruntukan ini nak disalurkan kepada kementerian kami tetapi mereka melaksanakan program-program yang berintensifkan *agriculture*. Sama ada ternak ayam, sama ada ternak lembu, sama ada tanam jagung, kangkung dan sebagainya. Mereka boleh buat di kementerian mereka tetapi *supporting* kita punya *food security*.

Sekiranya setiap kementerian boleh peruntukkan tiga peratus bajet masing-masing kita sudah terkumpul RM11.6 bilion. Ertinya, *more than enough for us. That is a concept* yang kita nak bawa di bawah PINTAR. Kita akan *collaborate* dengan semua kementerian. MOSTI mereka ada dana *research*. Tadi saya sebut MARDI kan hanya RM40 juta. MOSTI ada RM1.1 bilion setahun. Kalau kita ambil *three percent* daripada MOSTI, buat *research* yang intensif *food security*.

Maka itu sudah membantu Abang Mat atau Yang Berhormat Menteri Datuk Seri Menteri untuk tingkatan kapasiti sektor pertanian. *That is a concept* mudah. *Second pocket policy*. Kita sudah ada satu poket. Kita ambil duit daripada orang lain untuk masuk poket kita. Bukan masuk begitu sahaja, sebenarnya dia buat untuk dia tapi *serve the needs of us. That is a concept*. Kita tak akan ambil peruntukan orang lain tetapi kita galakkan mereka bekerjasama di bawah konsep *the whole of government approach*.

Sebab itu saya katakan tadi, *it's a shared responsibility*. Bukan seorang-orang bekerja – bukan Menteri Pertanian seorang tetapi semua Menteri yang mengetuai kementerian ada tanggungjawab itu. Yang Berhormat selaku Ahli Parlimen boleh *support* kami untuk gerakkan misi ini. Ini saya rasa *political blind*, soal makan. Kita tak nak ada politik dalam makanan.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Boleh saya tambah sikit?

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Boleh Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Kolaborasi ini iaitu ada satu kementerian lagi apa dipanggil majlis bandar-bandar – apa Menteri?

Tuan Pengerusi: KPKT.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Ya, KPKT. Iaitu ia KPKT ini di seluruh negara kita – majlis bandar raya, majlis perbandaran – ia banyak tanah. Jabatan Pertanian di Johor ia dah memperkenalkan *urban*...

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: *Farming*.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: *Urban farming*.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Ya.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Minggu lepas saya dijemput untuk merasmikan *urban farming* di Pasir Gudang iaitu ia kolaborasi dengan Majlis Bandaraya Pasir Gudang, dia bagi lot tanah kosong celah-celah *flat* itu-kan.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Yes.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: So, Jabatan Pertanian datang bagi peruntukan dan pertanian yang moden. Jadi maknanya tanah majlis bagi, KPKT bagi. Lepas itu, teknologi – Jabatan Pertanian.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita buat. *Last year*, kita *spent* RM30 juta untuk *modern farming* ataupun *urban farming*. Pasir Gudang salah satu tempat yang saya sendiri pun dah lawat, *flat* itu Yang Berhormat. Memang sangat aktif dan kita ketengahkan konsep tanam apa yang kita makan, makan apa yang kita tanam.

Ertinya, *self-sufficient*. Kangkung – bawang belum lagi. Kangkung, katakan keperluan harian itu ambil daripada tanaman yang mereka tanam sendiri untuk diagihkan di kalangan mereka. Jadi keseluruhan *saving five to 10 percent of daily expenses*. *It's a concept* yang baik.

Itu yang kita nak sebenarnya Yang Berhormat. Itulah konsep PINTAR. Daripada peruntukan KPKT *spend* sikit untuk *support that one for your target group* tapi *serve the needs of* Kementerian Pertanian. Beban kita untuk mencukupkan makanan itu diringankan oleh lain-lain kementerian. So, akhirnya kita cukup makan.

Saya tak ada *further*...

Tuan Pengerusi: Datuk, berkenaan tiga persen peruntukan tahunan daripada kementerian lain khas untuk keterjaminan makanan? Bagaimana? Sebab ini peruntukan untuk bajet 2023.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Ini contoh saya buat.

Tuan Pengerusi: Tak, macam mana setakat ini apa kerjasama ini?

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Belum.

Tuan Pengerusi: Oh, cadangan sahaja.

Datuk Badrul Hisham bin Mohd: Kita sudah ada macam Kementerian Luar Bandar, KPKT tadi sudah ada. MOSTI sudah ada. Mereka *spend quite sizeable amount of money* untuk buat *research, apps, block-chain, technology* untuk bantu *support* keterjaminan makanan. Sudah ada.

Cuma saya nak *whole of government approach*, semua kementerian kena ada. Termasuk GLC. Sebagai contoh, TERAJU ada RM7 bilion dana impak. RM7 bilion dana impak. RM1 bilion *reserved for food and energy*. So, yang *food* itu sekurang-kurangnya RM500 juta. *That one* kita nak *tap*. *Let them do the program but to support our national mission*. *That's it. That's a concept*.

Thank you Yang Berhormat. Saya rasa slaid ini boleh *interpret* menjelaskan apa yang dimaksudkan sebagai *collaboration inter-ministry, inter-agency*.

Next slide. Ini model sahaja contoh Yang Berhormat. Tadi kita kata kalau kita ada masalah sumber asas tanah, air, benih, *input*. Pertanian memerlukan tanah, memerlukan air. Dua elemen penting. Tanpa tanah, tanpa air tidak ada pertanian. Kalau kita ada masalah kita boleh bekerjasama di bawah PINTAR bersama kerajaan negeri, JKPTG, pemilik tanah PTP, PBT – tadi Yang Berhormat Pasir Gudang sebut soal PBT boleh *reserve*-kan tanah dia, KPKT dan juga KKDW. Ini antara *focus area* ataupun fokus institusi yang boleh menyelesaikan masalah sumber asas iaitu tanah dan air.

Peruntukan. Kita ada masalah peruntukan. Kita mengadu kepada MOF. Kita pergi kepada Kementerian Ekonomi. Kita minta bantuan GLC, macam Khazanah. Kita minta SCDC. *Every state* ada SCDC masing-masing. Ada peruntukan masing-masing. *Private*, macam Genting. Mereka juga bersedia untuk *invest in agro-food*. So, as *investors* yang lain dan *reverse investment (RI)* yang kita sudah mulakan tapi belum ada *significant success on RI* dan lain-lain. Itulah antara kaedah yang kita akan gunakan Yang Berhormat.

Saya mohon izin untuk memaklumkan kepada Jawatankuasa tentang inisiatif PINTAR yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk kita mulakan inisiatif secara rasmi pada tahun ini. Kita sudah ada gerak kerja 10 perkara yang akan kita laksanakan. Yang Berhormat Menteri sasarkan Mac perasmian, pelancaran. Tapi saya kena alihkan sikit sebab kita kena buat *engagement* dengan semua kementerian dan kita akan cuba dapatkan sedikit bajet dalaman untuk kita memulakan usaha ini. Terima kasih dan saya buka untuk kalau ada soalan. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim: Tuan Pengerusi, saya nak berkongsi cerita. Bila timbul isu beras putih tempatan, masalah ada beras Madani, apa-apa ini. Jadi ada kegelisahan di kalangan rakyat.

Jadi saya dihubungi oleh seorang kawan, bekas profesor dan dia bagi tahu bila dia tahu saya dalam Jawatankuasa ini supaya kita serius dalam isu ini. Walaupun rakyat gelisah macam tak nampak apa yang dibuat oleh kerajaan tetapi profesor ini kata dia tahu Menteri Kota Raja, Menteri Pertanian ini buat kerja, turun padang. Dia tahu Kementerian Pertanian lakukan.

■1240

Jadi, maklumlah orang profesor universiti dia cakap tentang konsep, falsafah, tentang polisi. Jadi, saya rasa apabila PINTAR ini diperkenalkan nanti, akan jelas bahawa kerajaan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri dan kementerian semua bahawa kita ada polisi, kita ada dasar, bagi masa dan bagi sokongan. *Insyallah*, kita boleh lakukan. Itulah perkongsian dari saya.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Ada soalan lain? Sebab saya tengok sekarang ini dah 12.40 dah. Ini giliran untuk Datuk Azman berkenaan dengan Gelombang Padi. So, saya nak tanya Datuk Azman kena ambil masa berapa lama untuk pembentangan?

Datuk Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian (Pembangunan Industri Padi), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan]: 15 minit?

Tuan Pengerusi: 15 boleh? Okey. Tak, saya rasa macam ini. Sekarang ini 12.41. Mungkin kita campur dengan pembentangan dan juga Q&A, mungkin kita tetapkan dalam 1.15 macam itulah. Okey ya? Sebab kalau lambat sangat pun tak elok juga. Okey, dipersilakan.

Datuk Azman bin Mahmood: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Datuk Seri Menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dan juga semua rakan agensi yang saya hormati sekalian. Bagi menyahut seruan daripada PINTAR, kita perlu—itu teori tetapi kita perlu laksana. Itu paling penting. Pelaksanaan *is* benda yang terlalu penting dalam hal ini.

Ini kita memperkenalkan Gelombang Padi. Sedikit latar belakang. Sebenarnya apa yang YB Pengerusi sentuh sebenarnya krisis beras ini bermula dari tahun 1971 lagi. Maknanya sebab itulah kerajaan pada ketika itu menubuhkan Lembaga Padi dan Beras Negara untuk mengatasi masalah padi dan beras di mana padi diuruskan oleh kerajaan pada ketika itu dan swasta menguruskan beras. Ada pengasingan ini. Pada tahun 1996, kerajaan berhajat untuk menswastakan BERNAS. Maksudnya, BERNAS mengambil alih tentang penswastakan tentang mengimport beras. Tetapi dari segi dasar dan juga penguatkuasaannya masih lagi di bawah kementerian pada ketika itulah.

Pada tahun 2008, sebenarnya krisis beras yang paling besar adalah tahun 2008 bermula titik tolak itu. Di mana semua negara yang pengeksport tidak benarkan

eksport ke Malaysia pada ketika itu. Pada ketika itu, Tun Daim dan juga Menteri Pertanian pada ketika itu Mustapa Mohamed telah pergi ke Thailand memujuk Raja Thailand supaya menjual beras putih kepada negara kita pada ketika itu. Sebab itu pada ketika itu, kerajaan menetapkan harga beras tempatan pada kadar RM2.60 pada tahun 2008.

Tetapi berlaku lagi, berulang lagi sejarah yang ada pada tahun 2023, tahun lepas. Cuma, pada ketika itu adalah krisis harga bila sekatan dibuat oleh Kerajaan India pada ketika itu dan BERNAS tidak boleh menanggung lagi kos dengan harga borong yang dijual pada ketika itu RM2,250 per metrik tan. Dia terpaksa naikan pada September tahun lepas kepada RM3,200 dan menjadi kegusaran bila beras import telah naik daripada RM37 hingga RM41 pada ketika itu. Jurang terlalu besar pada ketika itu.

Sedikit latar belakang untuk beras. Kalau Datuk Badrul cakap tadi kira kementerian mendapat bajet RM5.2 bilion, sebenarnya habis ke padi dan beras RM2.4 bilion saja. Habis ke kita saja lah. Maksudnya ini subsidi yang kerajaan terpaksa beri kepada petani. Sebenarnya subsidi yang kita bagi ini adalah *barter trade*. Kita kena pujuk petani untuk menanam padi. Mereka— tanah mereka tetapi kita bagi *barter trade* ini melalui bentuk subsidi input dan output supaya mereka bersama-sama kerajaan untuk mengeluarkan beras pada inilah.

Kalau ikut keluasan, kita tidak banyak, tak sampai satu juta hektar dan pengeluaran kita padi dalam sekitar 2.2. Paling tinggi pun dalam 2.9 pada tahun 2016 pada ketika itu. Pengeluaran beras bila kita *convert*, hanya dapat 1.5 juta metrik tan. Ini yang YB Pasir Gudang kata mana beras tempatan. Ramai yang bercakap mana beras tempatan. Ramai yang bercakap. Nanti saya akan *explain why* – mana pergi beras tempatanlah.

Purata hasil kita ada 3.5. *Why 3.5?* Kalau kita tengok kita punya purata hasil, dalam jelapang pun kita tak capai 5.0, 4.1. Luar jelapang apatah lagi, tiga metrik tan. Cuma di Sabah kita dapat 2.8. Ini ada, nanti saya *explain*. Sarawak 1.8. Kenapa 1.8? Mereka menanam padi tradisional. Padi tradisional ini kita tanam lebih kurang sekitar 180 hari dia punya bila nak *harvest* dan ketinggian pokoknya lebih hampir enam kaki. Ini kita kena ubah konsep. Sebab itu kita memperkenalkan Gelombang Padi.

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng]: Pengerusi, boleh saya tanya soalan? Sikit saja.

Tuan Pengerusi: Sekejap, boleh.

Tuan Tan Kar Hing: Minta maaf. Saya nak cuma semak tentang bantuan khas kepada pesawah. Adakah ia termasuk dengan apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawasanya RM30 juta yang disumbangkan oleh BERNAS tahun lepas?

Datuk Azman bin Mahmood: Bantuan khas ini ia ada dua. Satu sumbangan kerajaan yang diumumkan dan yang kedua adalah sumbangan Bantuan Khas BERNAS dan juga *share* 30 peratus. Itu termasuk untuk dibayar pada tahun inilah. *[Disampuk]* Ya termasuk.

Rantai Nilai Padi dan Beras, ini saya tak nak sentuh *because* takut nanti panjang. Tetapi inilah penglibatan termasuk dari segi pesawah hingga ke agensi kerajaan dan juga kilang pemborong, peruncit dan juga pengguna.

Ini sebenarnya kita menanam padi sekitar 110 hari. Ini adalah konsep tetapi masih lagi kita amalkan. Kalau kita turun di bawah, masih lagi petani mengamalkan 6T (tanam, tinggal, tuai) telefon. Dia punya konsep itu yang menyebabkan pengurusan ladang itu tidak dibuat secara betul. Sebab itu kita memperkenalkan sawah berskala besar di mana pengurusan mengikut SOP dan juga *rice check* yang betul lah. Hari bila kita perlu baja 1, baja 2, baja 3 dan baja 4.

Ini adalah taburan jelapang padi sama ada dalam jelapang atau luar jelapang di seluruh negara. Tetapi saya tak nak sentuh ini, saya nak sentuh *next slide*. Ini hasil lebih 60 tahun kita menanam padi di mana kebanyakan berwarna merah. Kalau kita tengok warna merah itu apa? Saya buat sistem *traffic light* di mana merah, kuning dan juga hijau. Maknanya lapan metrik tan ke atas hijau, lima hingga tujuh adalah kuning dan merah adalah bawah empat metrik tan. Kalau kita tengok di mana hijau yang lebih banyak, di Sekinchan, Selangor. Itulah konsep Yang Berhormat Datuk Seri Menteri mencadangkan agar konsep Sekinchan ini, kita Sekinchan kan satu Malaysia bukan bermakna kita bawa Sekinchan tetapi konsep dari segi hasil itu patut dirasakan oleh semua pesawah padi lah.

Ini saya nak buat perbandingan di antara negara Malaysia, Thailand, Indonesia dan Vietnam yang juga mengeluarkan padi di negara jiran kita. Kalau kita lihat, kita tidak sampai kawasan bertanam sampai 1,637,000 hektar. Kalau kita *compare* dengan Thailand saja, 11 juta hektar mereka. Indonesia 10 juta hektar, Vietnam 7 juta hektar. Dari segi *yield*, Vietnam yang tertinggillah. Kalau kita tengok Thailand, kita boleh mengatasi Thailand. Pengeluaran beras kalau kita *compare*, kita hanya 1.5 juta metrik tan. Kalau Thailand 34 juta, Indonesia 54 juta dan Vietnam 42 juta.

Apa yang saya nak sentuh pada hari ini, yang cuba saya nak tekankan, kita tidak sama berlari macam mereka. Kita masih lagi di dalam kepompong kita sendiri, menanam padi dalam sekitar 110 hari hingga 120 hari. Bermakna, di Sarawak kita tanam padi 160 hingga 180 hari dan juga di Sabah masih lagi 125 hari hingga 135 hari. Maknanya, kita hanya boleh *cover* 60 peratus sahaja yang menanam dua musim. Selebihnya yang 40 peratus masih lagi satu musim.

Namun di Thailand, kita tengok tiga hingga empat musim kerana benih padi dia bawah 80 hari. Di Indonesia pun sama, bawah 80 hari dan juga di Vietnam 80 hari. Maknanya, mereka telah pun berubah. Kita masih di tahap yang sama. Sebab itu kita memperkenalkan satu gelombang padi di mana kita kena buat *game changers* dan juga perubahan di semua peringkat. Itu yang kita cuba buat inilah.

Kalau dari segi unjuran Kadar Sara Diri Negara, kalau kita tengok warna merah itu kita masih lagi tahap 62 peratus. Sebenarnya kita boleh capai apa yang kita sasarkan kalau 100 peratus, kalau kita betul-betul fokus. Di mana kalau kita fokuskan dalam enam metrik tan di kawasan jelapang, ini bukan benda yang mustahil. Memang boleh dijalankan.

Kalau di luar jelapang empat metrik tan, kita telah mencapai lebih kurang 91 peratus. Maknanya 10 peratus itu kita hanya benarkan beras import dari segi beras istimewa, beras basmathi dan beras wangi. Maknanya kita dah capai SSR. Maknanya kalau tujuh metrik tan, memang kita negara pengekspor selepas inilah. Itu yang cuba kita bawa. Tetapi kita masih di tahap 60 hingga 70 peratus. Maknanya, lonjakan mega perlu berlaku dalam unjuran inilah.

■1250

Ini kita panggil *sekali ombak menghempas, sekali pantai berubah*. Maksud dia, gelombang perlu berlaku dan kita hendak buat sesuatu perubahan yang besarlah dalam industri padi dan beras.

Okey *next*. Kita memperkenalkan 12 inisiatif Gelombang Padi sebagaimana yang Datuk Bad bentangkan, PINTAR. Sebenarnya Gelombang Padi adalah satu pendukung untuk menjayakan PINTAR sebagaimana yang diuar-uarkan oleh Datuk Bad tadi dan kita hendak supaya benda ini kita – pelan tindakan perlu menyeluruh, tidak pada satu tahap yang berbeza. Kita ada 12.

Kita ringkaskan Gelombang Padi kepada GP. Apa itu GP? Sebenarnya kalau GP itu kita terjemahkan, *Grand Prix*. Makna, kita kena *speed*. Kita tidak boleh lagi dalam keadaan yang sama, momentum yang sama. Kita kena laju. Laju tetapi dalam litar. Bukan laju dalam lumba haram. Kalau di lumba haram di luar, kita kena tangkap. Kalau tangkap, tidak ada insurans ataupun kematian. Tetapi ini *Grand Prix* yang berada dalam litar, kita tetap juga mengikut SOP dan tata kelola yang ada tapi pelaksanaan secara lebih pantas. Okey, *next*.

Kita pergi GP1. GP1 adalah Insentif Benih Padi Sah. Kebanyakan berlaku bila lima tahun yang kebelakangan ini, isu benih padi sah merupakan isu utama dalam negara kerana pada dasar yang kita buat ini adalah pada tahun 2007, di mana masih lagi dalam sekitar 72,000 *metric ton*. Formulanya kita pakai, kalau disyorkan oleh MARDI dan Jabatan Pertanian, satu hektar kena pakai tujuh beg. Satu beg, 20 kilo. Makna, 140 kilo untuk tanam padi. Itu teori. Tetapi dalam pelaksanaan, kebanyakan

pesawah pakai di antara lapan hingga 12 beg, kerana kenapa? Mungkin faktor cuaca, mungkin mereka tidak yakin dengan benih, mereka bilas sekali lagi dan bila ada berlaku banjir pun menggunakan benih yang berbeza, maksud tambahan benih. Ini yang menjadi kekurangan benih pada ketika ini. Maka, dalam GP1 kita mencadangkan agar keluasan tanaman – 72,000 kita tambah kepada 86,000 *metric ton*. Maknanya, kita dah *cater* keseluruhan rantaian. Itu yang pertama.

Yang kedua, kita mewujudkan *stockpile* tiga beg. Sebelum ini kita wujud tujuh beg untuk satu hektar, kita tambah lagi tiga beg untuk *backup stockpile*. Untuk berlaku apa-apa kecemasan, makna kita ada lagi tiga beg per hektar. Makna, itu satu konsep tambahan kitalah.

Yang ketiga, benih padi sah ini kita perluaskan ke Sabah dan Sarawak. Selama ini hanya insentif ini kita bagi kepada Semenanjung. Tetapi kali ini kita hendak fokus 50,000 hektar yang ada di Sabah, Sarawak menggunakan benih padi sah yang dikeluarkan.

Yang keempat, kita sedang bekerjasama dengan pihak Indonesia untuk masukkan benih 75 hari dan kini dalam peringkat kuarantin. Kita jangkakan pada 2025 kita akan mula menanam benih 75 hari. Maknanya, kalau kita dah tanam benih 50 hari, kita boleh capai apa yang kita capai. Kalau kita masih lagi menanam dalam 110 hari dan 120 hari, 75 persen yang kita sasarkan SSR pada 2025 agak sukar. Tetapi kalau kita cuba ubah pendekatan menggunakan benih yang bawah 80 hari, kita akan ubah *figure* yang ada sini kepada tahap yang lebih baiklah. Okey.

Kita pergi ke GP2 pula. Tanah jerlus. Tanah jerlus ini merupakan igauan kepada petani, terutama di kawasan MADA. Hampir 3,000 hektar dan juga di kawasan Pulau Pinang pun ada sikit dan juga di Perak, hingga membebaskan petani. Bila padi sampai 90 hari, kita tidak boleh tuai, *because* tanah jerlus. Apa yang kita hendak buat pada ini, kita akan tubuhkan *task force* untuk kita melihat cara keseluruhan dan kita tengok opsyen yang ada.

Pertama, sama ada kita buat pengeringan sawah padi dengan penggantian sagu hati untuk satu musim dan kita buat perataan semula. Itu yang pertama. Yang kedua, kita juga bercadang untuk tempah mesin daripada China menggunakan *tailor-made* punya *machine* untuk khas mesin tuai padi. Kalau boleh, kita hendak dua mesin utama dulu untuk kita jalankan pada tahun ini untuk kita *test* kawasan yang tanah jerlus ini untuk kita laksanakan. Itu pendekatan yang kita buat. Kita kumpulkan semua ini dan kita akan bentangkan kepada Jemaah Menteri agar bajet khusus untuk tanah jerlus ini kita diberi dan kita selesaikan isu secara *total* kepada isu di sawah padi. Okey.

Yang Ketiga, GP3 *next*. Perolehan cadangan – ini perolehan baja. Saya tidak nak sentuh tentang kaedah untuk beri tender kepada NAFAS ataupun pada siapa.

Cuma kita cadangkan agar penggunaan baja organik yang baru sebab tanah kita telah pun digunakan hampir lebih 60 tahun, tidak ada rawatan tanah. Maknanya, fokus utama kita baja organik, baja bio dan juga baja foliar kita gunakan pada tahun ini dan kita telah pun bercadang untuk tenderkan pada tahun ini untuk empat kawasan seluas lebih kurang hampir 18,000 hektar untuk kita perkenalkan yang pertama, formula baru baja sebatian. Kedua, baja bio, baja organik dan foliar kita buat serentak di kawasan yang sama kita hendak tengok perubahan. Kalau benda ini berlaku, kita akan laksanakan di seluruh di kawasan di Malaysia. Sekarang ini diperuntukkan hanya RM100 juta.

Kalau benda ini – hasil ini secara mendadak hasil naik, kita akan pohon kepada kerajaan agar benda ini kita laksanakan peringkat kedua di seluruh kawasan jelapang terlebih dahulu untuk tahun depan kalau dibajet. Saya rasa kita kena *fight for budget* untuk baja inilah. Organik, bio dan juga ini sebab memang ada hasil dan juga peningkatan hasil pada ini, untuk tanam padilah. Okey, *next*.

Untuk GP4 sebenarnya kita – *next*. GP4, pengurusan air. Sekarang ini kita tanam padi menggunakan saluran sebagaimana Datuk Bad cakap, kita menggunakan saluran dan juga air hujan. Tetapi lebih baik kita cuba konsep baru untuk kaedah baru sebagaimana kita telah laksanakan di Batang Lupar – IADA Batang Lupar, kita menggunakan sistem *piping*. Maknanya, kita gabungkan *piping* kita daripada rumah pam ataupun daripada empangan itu kepada sawah padi. Bila kita perlu sahaja kita gunakan air. Ini saya rasa kita menghadapi dari segi *constraint* air pada masa akan datang. Kita terpaksa buat pembenihan awan pada 2019. Kita juga terpaksa bersaing dengan domestik punya pengairan. Tetapi bila waktu banjir, kita tidak pernah pun takung air yang ada.

Tetapi dengan konsep yang ada ini, kita cuba buat sistem takungan dan juga sistem *piping* supaya kita boleh adjust penanam padi tidak mengikut cuaca lagi. Maknanya, kita boleh *adjust* masa, *time* pada ketika yang kita perlukanlah. Sebab itu saya cadangkan, walaupun kita nampak sistem *piping* ini merupakan kos yang tinggi tetapi pelaburan kerajaan dalam hal ini *one-off* sahaja. Tetapi selepas ini ia akan memberi manfaat yang besar kepada sektor padi dan beraslah. Okey, *next*.

GP5, perluasan SMART SBB di kawasan inilah, ala Sekinchan yang sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan telah pun berjaya. Nanti *details*-nya saya akan – cuma ini adalah cadangan kita bermula daripada Merchong yang dilancarkan oleh bekas Yang di-Pertuan Agong, ditanam di Merchong, Pekan. Kita juga telah pergi ke semua negeri, kecuali yang belum ada SMART SBB ala Sekinchan ini; di Melaka dan juga di – *coming soon is* Negeri Sembilan. Tetapi jadualnya saya akan cerita di belakang nanti. Okey, *next*.

Pelaksanaan GP6 adalah lima kali dua. Lima kali dua ini kita cadangkan untuk ditanam – kita telah buat projek rintis di kawasan Perak, Jabatan Pertanian di Kuala Muda dan juga di kawasan MADA. Apa yang menjadi kekangan kita adalah benih padi yang hampir 110 hari. Maknanya, kita tidak ada waktu rehat. *Ngam, ngam* sahaja kalau kita hendak buat lima kali dua. Sebab itu kita mengesyorkan bila benih padi 75 hari ini, bukan setakat lima kali dua, dia akan pergi kepada tiga hingga empat musim. Kita boleh tanam untuk akan datanglah. Okey, *next*.

GP7, kita telah bermula dengan pembayaran *online*. Pembelian padi kepada pesawah-pesawah kita menggunakan *online*. Selama ini kebanyakan menggunakan *cash*, sebab itu kita dibelenggu dengan orang tengah. Kita dapati kalau kita dah buat di pasar di Selangor dan kita cadangkan pada tahun ini pada di Kelantan dan Terengganu dan fasa tiga pada Pulau Pinang. Di Selangor, hampir 70 peratus dah menggunakan pembayaran secara *online* dan kita boleh – cuma apa yang kekangan yang kita dapat, ada yang berhutang dengan broker.

■1300

Itu kekangan kita. Maknanya kalau broker, biasanya dia akan bagi *cash*. Tetapi untuk harapan kerajaan pada ketika ini adalah kita nak supaya selepas ini semua pesawah kena ada *bank statement*, ada akaun. Maksudnya, dia beli padi, dia tanam padi, kita nak dia jadi usahawan. Dia mesti ada perniagaan. Bukannya menanam padi, diberi kepada broker untuk usahakan. Kita tak nak macam ini. Kita nak bukti dengan *online*. Maknanya mesti ada akaun.

Kita buat di Selangor, kita dapati kebanyakan, 70 peratus yang kita buat itu, mereka menyahut cabaran. Cuma 30 peratus ini masih lagi dalam proses kita memujuk mereka supaya proses bayaran *online* ini merupakan proses yang lebih penting sebab cepat. Bila sawah padi masuk dan— apabila padi dihantar kepada kilang, kita terus bayar macam mana kita bayar kepada subsidi harga padi. Maksudnya, automatik dua akaun terus dapat. Satu, belian padi, satu lagi subsidi harga padi. Maknanya, ada dua pendapatan yang dia dapat secara berekod. Selama ini direkodkan hanya subsidi bayaran padi. Tetapi, belian padi tak ada rekod.

Semua bertanya berapa pendapatan petani sebenarnya. Ada sebenarnya ada yang tahap— Yang kaya. Cuma, mungkin mereka tak berani nak *declare because* takut *income tax* cari. Tapi, kebanyakan kita dimomokkan oleh semua orang, petani ini B40, miskin. Tidak. Sebenarnya ada yang lebih pendapatan daripada kita. Mereka menyewa dalam kadar 50,000— ini ada yang 5,000 hektar, 7,000 hektar disewa. Dia rajin tetapi— pendapatan lebih. Tapi, kalau kita ada sistem *online* ini, kita boleh *trace*. Maksudnya, kita boleh membantu mereka dari segi lain-

lainlah. Dari segi pinjaman Agrobank pada akan datang sebab mereka ada *statement* yang lebih kukuh untuk menanam padilah akan datang.

Okay, next. Untuk GP8 dalam sistem SMART Padi ini adalah menggunakan obligasi BERNAS 22 juta yang kita— supaya gabungkan semua pesawah dari segi industri dan juga bekalan beras termasuk BPT. Ke mana pergi BPT menggunakan sistem yang ada? Maknanya, ini sistem pemantauan bermula daripada tanam padi sehingga pengeluaran beras. Itu yang cuba kita buat supaya ianya— sekarang ini *standalone*. BERNAS, ada sistemnya sendiri. LPP ada sistemnya tersendiri, NAFAS juga ada sistemnya tersendiri. Tak nak. Kita nak satu sistem selepas ini. Bila Menteri Pertanian pergi ke Parlimen, dia boleh tengok. Bila dia taip nama 'Muhammad', dia akan taip seluruh nama 'Muhammad' di seluruh negara yang ada apa ini, dia akan keluar. Berapa hektar dia ada, berapa pendapatan dia ada. Ini yang kita nak buat supaya benda ini tidak lagi menjadi igauan kepada semua— mana pergi beras tempatan? Mana pergi? Kita menggunakan sistem selepas ini. Ini cadangan kita.

Okay, next. GP9 merupakan kehilangan lepas tuai. Ini yang dititikberatkan oleh YB Menteri kita di mana kebanyakan yang kita hantar daripada tuaian kepada kilang, hampir lima hingga enam peratus telah jatuh di jalan raya. Maknanya, ini benda yang kita kena tengok. Kalau kita fokus betul-betul, kita boleh menyelamatkan enam peratus beras yang ada di jalan raya untuk kita tukar menjadi beras.

Pada tahun ini, kita cadangkan untuk lancarkan buku SOP dan juga *enforcement*. Untuk akan datang, kita cuba lesenkan semua jentera-jentera yang ada dalam negara. Itu yang harapan kita dan kita tak nak lagi jentera-jentera yang besar macam *Holland* itu yang sebenarnya digunakan untuk gandum tapi di-*modified* jadi— maknanya, ini benda-benda yang kita cuba buat di semua peringkat supaya padi yang kita ada ini, kita boleh menyelamatkan dan kita boleh tukar menjadi beras untuk rakyat Malaysia.

Okay, next GP10. Kita juga memperkenalkan sistem *soil profiling* di bawah Jabatan Pertanian di mana selepas ini kita akan menggunakan formula baharu menggunakan— mengikut lokaliti. Tidak lagi— sekarang ini, kalau kita dapat daripada NAFAS punya baja, kita mendapat Panadol. Contoh di kawasan Pulau Pinang. Kita tak perlu pakai *with urea*, tetapi kita bagi urea. Tetapi, untuk *soil profiling* yang baharu ini, hanya kita bagi tempat yang memerlukan. N berapa, P berapa, K berapa. Ikut lokaliti dan *ducker* *soil profiling*. Kita boleh menepati pembajaan tepat dan kita boleh juga jimatkan wang kerajaan supaya ketirisan yang ada ini tidak berlakulah. Ini cadangan kitalah.

Okay, next. Untuk GP11, kita nak perkasakan padi bukit dan juga padi huma. Kalau kita tengok di Sabah dan Sarawak, lebih kurang dalam 43,000 hektar ditanam padi bukit dan juga padi huma. Kalau boleh, kita nak *commercialize*-kan. Sebab,

padi huma ini tidak termasuk dalam SSR kita. Terkeluar daripada SSR. Tetapi, kita bantu mereka RM50 juta setahun. Tetapi, macam mana kita nak bantu mereka untuk komersialkan produk yang ada ini supaya mereka juga mendapat pendapatan yang lebih pada ketika ini.

Kalau ikut, di Semenanjung dah bermula dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah menanam padi, dipanggil Tangkai Langsung. Sekarang tengah tuai dan saya cuba nak rasa dia punya beras dia. Belum lagi. Saya rasa ini pendekatan akan datang. Kalau betul-betul kita menghadapi musim kemarau pada tahun depan, ini kaedah yang terbaik yang kita buat opsyen pada kerajaan supaya padi huma juga ditanam untuk kita mengatasi masalah beras yang akan datanglah.

Okay, next. Ini cadangan kita untuk GP12 untuk kita menambah kawasan yang sedia ada. Sekarang ini kita lebih kurang dalam— kawasan bertanam, 6,000 hektar lebih kurang. Kalau kita ada buat pertambahan kawasan-kawasan yang ada ini, termasuk MADA Plus, di IADA Seberang Perak yang ada di kawasan Parit dan juga kita masukkan dalam kawasan jelapang. IADA Rompin, Pahang yang selama ini di kawasan luar jelapang, kita masukkan juga, diserapkan daripada IADA Rompin.

KETARA sekarang ini pun ada KETARA Fasa 2. Kita juga— sebab KETARA ini, kita— Terengganu merupakan empangan yang besar untuk pengairan tetapi kawasan padi dia kurang. Kalau boleh, kita ada buat Fasa 2 ini kita boleh juga meningkatkan hasil.

Ini pertambahan kawasan lebih kurang 22,784 hektar. Maknanya kalau ini, satu musim. Kalau kita tambah dua musim, jadi 44,000. Maknanya, ini salah satu faktor. Tidak termasuk yang 50,000 di kawasan cadangan di Sabah dan Sarawaklah.

Ini konsep-konsep yang cuba kita buat. Perluasan kawasan salah satu konsep macam mana kaedah untuk kita meningkatkan hasil padi. Selain itu, kita juga nak memperkenalkan peningkatan hasil padi mengikut pelaksanaan SMART SBB.

Okay, next. Okay, next.

Ini cadangan kita untuk Gelombang Padi. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Kita telah pun bermula Januari lagi, 22 Januari di Pahang. Dirasmikan oleh bekas Yang di-Pertuan Agong dan dia sendiri yang menanam padi menggunakan *transplanter*. Dan kita telah bergerak ke Kelantan mengguna juga *transplanter*.

Kita bergerak di Johor. Gelombang Padi telah pun bergerak ke Johor. Dan kita bergerak juga pada Februari di Sarawak.

Apa yang menarik di Sarawak ini, disambut oleh Yang Amat Berhormat Premier, dia mencadangkan agar pengairan menggunakan peruntukan kerajaan negeri. Dia pinjamkan dulu— bank pembangunan dia— lebih kurang RM1 bilion. Dia benarkan menggunakan bank dia dan kerajaan akan bayar *back-to-back*.

Maknanya itu pendekatan— kita tak cadangkan macam PFI tapi ini macam *deferred payment*-lah, maksud dia. Ini yang disambut oleh negeri Sarawak. Maknanya, dia mencadangkan pada 2027, dia nak menjadi pengeksport beras. Itu cadangan daripada Yang Amat Berhormat Premier. Ini saya rasa satu pendekatan gelombang yang besar yang akan berlaku dalam negaralah. Okey.

Ahad lepas, kita telah pun ke Kedah, Gelombang Padi di Kedah dan kita dapat tingkatkan hasil tuaian daripada biasa lima metrik tan dah pergi ke lapan metrik tan yang baru-baru ini di Kampung Gulau.

Cadangan kita untuk bulan April, selepas raya, kita akan bergerak ke Langkawi dan juga Seberang Perak. Maknanya, Perak juga akan jadi Gelombang Padi dan Langkawi juga kita tumpukan untuk— selama ini, Langkawi tidak ada kilang padi. Kita minta YB Menteri akan lancarkan kilang padi di Langkawi. Tetapi, menggunakan konsep *tourism*. Maknanya, Langkawi ini akan ada satu kilang, kita cermin, kita buat *transparent* supaya kita nak pelancong juga dapat melihat macam mana proses padi berlaku. Itu yang cuba kita buat. Kilang konsep *tourism*-lah, maksud dia.

Kita bergerak pada bulan Jun di kawasan Kuala Pilah. YB Pengerusi, dia orang Negeri Sembilan, kita akan pergi ke Kuala Pilah. Sebenarnya kawasan di Kuala Pilah ini merupakan kawasan tanaman padi ketika dulu. Tapi, masalah pengairan, mereka menukar kawasan padi itu kepada kawasan tanaman lainlah. Tapi, kita apabila ada gelombang ini ke Negeri Sembilan, ianya berpatah balik menanam padi sebab ini sebenarnya kepakaran orang Kuala Pilah dan juga orang Negeri Sembilan menanam padi di kawasan yang di sekitarnya.

■1310

Bulan Julai kita akan bergerak ke Kota Belud, Sabah dan juga Sungai Burung di Selangor. Kita juga pada Oktober-- sebab Oktober ini sebenarnya kawasan menanam di Pekan, Pahang ini bermula bulan Oktober bukan bulan Januari. Kita patah balik ke Oktober ke Pahang. Itu cadangan.

Cuma kita dalam perancangan untuk berunding dengan Kerajaan Melaka untuk— sebab Melaka belum terlibat lagi dengan Gelombang Padi ini dan kita minta supaya Melaka juga menyahut seruan Gelombang Padi yang dicadangkan oleh kementerian.

Okey, *next*. Ini status pelaksanaan yang di Pahang. Okey, *next*. Di negeri Kelantan.

Next, Di negeri Johor. Ini Sarawak. Di Kedah. Tapi untuk jangka panjang YB, untuk kita nak merealisasikan untuk jangka panjang. Saya melontarkan benda

ini kepada *politician*. *The leaders of the country*, sama ada kita nak teruskan dengan yang sedia ada bahagian– saya terpaksa memegang dua topi sebenarnya.

Satu sebagai Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Industri Padi). Kedua, saya juga sebagai Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras. Jadinya dua topi, saya kena menguruskan padi dan juga beras.

Tetapi, kita sama ada kita perlu ada satu – sebenarnya Akta Lembaga Padi dan Beras [Akta 523] dah ada. Rumah akta itu dah ada. Cuma kita bubarkan pada tahun, bila kita tubuhkan tahun 1994. Ataupun kita tubuh Jabatan Padi dan Beras Malaysia dengan menggabungkan semua agensi yang terlibat dengan beras termasuk dari segi pengairan, penguatkuasaan dan juga dari segi *research*.

Ini cuba kita cadangkan. Tapi, terpulang kepada pucuk pimpinan di mana yang sesuai untuk kita– sama ada kita nak bergerak dalam keadaan sekarang ataupun kita ada satu platform baharu untuk kita gerakkan industri padi dan beras.

Okey, *next*.. Ada video tak? Boleh pasang video.. Tak ada? Ini sebab saya nak tunjuk robot AI. Nanti bila kita tak ada pekerja. Kita kena pakai robot untuk sebab takut panas. Kalau tak ada apa Yang Berhormat. Setakat itu sahaja. Kalau ada Q&A yang saya boleh jawab.

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Beras putih kenapa hilang?

[*Tayangan video pendek*]

Tuan Pengerusi: Oh, ini robot itu buat kerja. Okey, terima kasih.

[*Tayangan video pendek*]

Tuan Pengerusi: Itu sahaja – eh, ada lagi? Okey, saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Azman atas pembentangan. Cuma kita ada kekangan masa. Jadi saya rasa, saya minta maaf kepada semua anggota JKPK tak dapat saya nak buka untuk sesi pertanyaan. Saya tahu, saya sendiri pun ada banyak soalan nak tanya. Tapi cuma, saya rasa berdasarkan pembentangan...

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu: Dia kena jawab beras putih ke mana?

Tuan Pengerusi: Ini soalan daripada Menteri.

Datuk Azman bin Mahmood: Okey, beras putih tempatan, sebenarnya kita hasilkan 62 peratus. Betul 62 peratus tetapi kalau daripada 62 peratus itu sebenarnya kita menggunakan benih padi juga benda yang sama untuk kita lupuskan.

Kedua, kita menggunakan tender kerajaan. Semua menggunakan beras tempatan. Itu yang kedua. Ketiga, zakat juga menggunakan beras tempatan sebagai ia punya. Keempat, Yang Berhormat pun tahu industri mihun menggunakan beras tempatan. Kalau ia beli beras yang hancur lebih mahal sebab itu kalau kita makan mihun yang hari ini ia lebih lembik. Tak macam yang dulu keras sebab menggunakan beras tempatan (*local rice*). Jadinya akhirnya kita punya beras berada dalam sekitar

52 peratus sahaja bukan yang sebagainya mana dan selebihnya 47 peratus itu diimport menggunakan beras import.

Tetapi, sebenarnya ke mana beras pergi yang kedua saya nak cuba *explain*-kan. Bila kita pergi harga lantai RM1,300. Sebenarnya untuk proses menjadi beras sekitar RM28 maksudnya, RM28.50. Maknanya sekarang ini kalau kita jual dengan RM26. Kita hanya paksa kilang untuk *subsidize* RM2 sebab harga ini 2008 sedangkan kos semua naik.

Adakah kaedah terbaik untuk kita dan cadangan Yang Berhormat Bukit Gantang menggunakan Beras Madani RM30 yang pertama konsepnya dia nak satu gred. Tak ada beras import, tak ada beras lokal. Kedua, harga RM30. Ketiga, kita tak tahu sama ada ia buat percampuran berapa peratus beras import, berapa peratus beras ini? Ataupun ia menggunakan *100 percent* beras tempatan. Ataupun *100 percent* beras import. Itu yang kaedah yang cuba dia ini.

Tapi, dari segi *sustainable*, industri tak boleh sebab petani perlukan harga padi RM1,750. Dia tak nak lagi RM1,300. Industri perlu kos untuk proses. Maknanya kalau kita bayar petani RM1,750, harga beras patut dikeluarkan RM37. Sebab kalau kita keluarkan padi 1,000 tan contohnya Yang Berhormat, kita tak boleh keluar 1,000 tan beras. Sekarang kita punya *comercial rate* hanya 58 peratus. Dulu sampai 65 peratus. Sekarang *because* cuaca.

Cuaca yang sesuai untuk tanam padi ialah 34 darjah Celsius ke bawah. Di Kedah sekarang sampai 41 darjah Celsius. Jadinya ini yang menyebabkan bukan kerana benih padi. Bukan kerana petani malas. Bukan kerana mesin tak bagus. Sebenarnya memang kualiti *because of*— bukan kita sahaja. Negara lain pun menghadapi benda yang sama. Ini yang akan— kalau kita tak buat sesuatu gerakan yang besar, gelombang yang besar, kita akan menghadapi mungkin susut bawah 50 peratus selepas ini.

Jadinya akan menjadi tekanan kepada kerajaan, mana beras tempatan, mana beras tempatan? Ini yang akan— Cuma kita telah cadangkan kepada Perdana Menteri tender kerajaan bermula pada 30 April akan menggunakan beras import. Maknanya selepas 30 April, pada bulan Mei, maknanya longgokan beras tempatan akan bertambah *because* tak boleh pakai lagi beras tempatan. Kita letak syarat tender kerajaan pakai beras import selepas ini. Maknanya selepas 30 April hari ini, beras tempatan boleh kita longgokan balik kepada pasaran untuk kegunaan rakyat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Datuk Azman. Saya sebab dah sekarang dan 1.17 dah. Memang banyak soalan saya tahu termasuk saya sendiri ada. Saya dah catat dah tadi. Tapi saya rasa macam ini.

Pertama saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang hadir dan bersama dengan kami sepanjang sesi ini dan juga kepada Datuk Badrul, Datuk Azman yang telah memberikan pembentangan. Cuma disebabkan kekangan masa.

Memang banyak yang perlu kita perincikan secara detil selepas ini. Jadi saya harap kalau ada keperluan mungkin kami akan adakan sesi yang seterusnya sekali lagi khusus untuk padi dan beras.

Sebab ini antara isu yang saya rasa yang paling mustahak. Macam tadi di awal pembentangan oleh Datuk Badrul Hisham tadi. Katakan kalau sayur itu kalau tak sampai 100 peratus tak apa sebab dia banyak pilihan. Kalau buah-buahan itu bukan semua orang nak makan jenis buah yang sama.

Tapi kalau sebut beras. Semua makan nasi. Jadi isunya. Jadi ia tak ada pilihan lain. Jadi memang inilah industri yang saya rasa sangat strategik yang menyentuh bukan sahaja keterjaminan makanan tetapi sekuriti, keselamatan negara yang sesuatu yang sangat strategik untuk kita kupas bersama selepas ini.

Jadi sekali saya ambil kesempatan pada tengah hari ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri KPKM, Datuk Badrul Hisham, Datuk Azman yang telah memberikan pembentangan dan juga delegasi dari KPKM, agensi-agensi, ex-officio dan anggota JKPK yang telah berada dalam mesyuarat ini hampir dua jam. Jadi sekian terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.19 tengah hari]